

Bil. 16

**Khamis
6 April 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 14)
USUL:	
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	(Halaman 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) - MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) – PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasar Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP

-
22. Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP

63. Yang Berhormat Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO

-
102. Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 6 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Pelancongan menyatakan adakah kementerian akan mengkaji untuk mengadakan satu Skim Pelancongan bagi memberi kemudahan kepada kakitangan awam dan swasta membuat perancangan pelancongan sama ada dalam atau luar negeri.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensinya Tourism Malaysia telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program penggalakan pelancongan sama ada dalam atau di luar negara demi meningkatkan lagi kemajuan industri pelancongan negara.

Bagi merangsang pelancongan domestik Tourism Malaysia telah melaksanakan program-program berikut:-

(i) Kempen Cuti-cuti Malaysia

Program ini telah berjaya meningkatkan keinginan rakyat tempatan untuk melancong di dalam negeri. Melalui program ini agensi-agensi pelancongan tempatan telah mempromosikan pakej-pakej pelancongan domestik di dalam program Cuti-cuti Malaysia *Travel Fair* di mana pakej-pakej pelancongan baru dibangunkan dan disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan untuk makluman umum.

Kempen ini sebenarnya menawarkan pelbagai pakej pelancongan domestik yang menarik dengan harga yang berpatutan dari pengusaha pelancongan yang berwibawa untuk semua golongan masyarakat. Dengan cara ini perancangan dan penyertaan pihak kakitangan awam dan swasta telah dipermudahkan.

(ii) Program Tawaran Istimewa Pakej-Pakej Hotel 2006

Kementerian melalui Tourism Malaysia telah memperkenalkan *special hotel packages* dengan izin. Program ini menawarkan pakej-pakej penginapan di hotel yang tertentu dengan harga yang berpatutan khususnya semasa *low season* dan *off peak season*, dengan izin.

Kementerian tidak menghalang rakyat Malaysia melancong ke luar negara tetapi tumpuan masa kini hanya menggalakkan rakyat melancong di negara sendiri di samping mengalu-alukan kedatangan pelancong asing melawat negara kita.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Bagaimana dan bilakah kerajaan dapat melaksanakan skim ini terus memastikan semua warga dapat meningkatkan kualiti hidup dengan jayanya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, memang soalan ini kita alu-alukan. Kita hendak rakyat Malaysia mendapat kualiti hidup yang lebih baik. Boleh pergi makan angin di luar negara dan juga di dalam negeri. Kalau kita pergi ke luar

negara, kita boleh meluaskan pandangan dan boleh tengok *scenery* yang bagus, bagi rakyat Malaysia itu memang kerajaan tidak ada halangan. Tetapi Kementerian Pelancongan hanya menumpukan kepada penggalakan pelancongan domestik dan juga penggalakan pelancongan yang datang dari luar negara.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita memang bukan mempersoalkan hasrat kementerian untuk mempromosi pelancongan di dalam negeri (*domestic*). Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dan juga kementerian, apakah program-program promosi secara besar-besaran di peringkat luar negara seperti menarik pelancong-pelancong Eropah dan sebagainya sebab Timbalan Menteri tadi ada menyebut bahawa belum berhasrat, jadi apakah kementerian ini berhasrat, mungkin bekerjasama dengan syarikat swasta seperti mengadakan promosi besar-besaran di luar negara untuk tujuan menarik lebih ramai pelancong Eropah yang datang ke negara kita demi menepis segala tuduhan dan tohmahan bahawa negara kita tidak selamat untuk didatangi dan sebagainya. Jadi mesti ada satu perancangan secara besar-besaran. Sebab saya juga dimaklumkan bahawa kementerian ini membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk tujuan promosi, jadi, promosi yang bagaimana yang telah dilaksanakan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memang Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mempromosikan pelancongan di negara kita supaya dapat lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita. Dari angka yang kita dapat untuk tahun 2005, kita telah mencapai angka 16.4 juta pelancong luar negara ke negara kita. Ini kalau dibandingkan dengan tahun 2000 hanya 12.3 juta sahaja. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan kita berhasrat mendapat lebih 24.6 juta bilangan pelancong asing melawat ke negara kita.

Memang program-program yang kita anjurkan iaitu mengadakan promosi-promosi di luar negara supaya rakyat dari luar negara seperti *Europe, West Asia* dan lain-lain negara boleh datang. Kita ada banyak program dan berharaplah agensi yang berkaitan dengan Kementerian Pelancongan iaitu Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Imigresen supaya mereka dapat menolong.

Industri pelancongan ini bukan hanya tanggungjawab Kementerian Pelancongan sahaja tetapi adalah tanggungjawab semua rakyat. Ahli-ahli Parlimen pun ada tanggungjawabnya. Saya berharaplah Ahli Parlimen bagi Kinabatangan ...[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila diam. Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kita akan mencari jalan macam mana Ahli Parlimen boleh menolong kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk, Yang Berhormat.

2. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Tenaga, air dan Komunikasi menyatakan mengenai prosedur operasi tapak rawatan kumbahan berpusat (*central sewerage system*) serta keberkesanan dalam pelaksanaan sistem ini.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyelenggaraan dan operasi sistem rawatan kumbahan berpusat (*central sewerage system*) adalah berpandukan kepada manual operasi atau *standard operating procedure* loji yang komprehensif yang disediakan oleh juru perunding dan pembekal sistem berkenaan iaitu Indah Water Konsortium (IWK) selaku pihak yang akan dipertanggungjawabkan untuk mengendali sesebuah loji kumbahan akan menyemak ketetapan manual tersebut sebelum menerima sebuah loji yang telah siap pembinaannya.

Terdapat beberapa kelebihan sistem rawatan kumbahan berpusat berbanding dengan sistem rawatan kumbahan kecil yang banyak bilangan dan berselerak di sesuatu kawasan bandar, perumahan atau perindustrian:

- (i) sistem rawatan kumbahan berpusat akan dapat mengawal pencemaran kerana hanya satu punca pelepasan *effluence* terawat terhasil. Dengan ini *effluence* terawat akan dapat dilepaskan secara terkawal di alur-alur air tertentu sahaja;
- (ii) pihak pemaju sesebuah kawasan yang mempunyai sistem rawatan kumbahan berpusat akan dapat mengelakkan daripada membina sebuah loji kumbahan baru dan hanya perlu menyumbangkan dengan sistem tersebut sahaja. Pemaju hanya diminta untuk menyalurkan sejumlah sumbangan yang ditetapkan kepada akaun-akaun amanah membangun atau menaik taraf sistem pembedungan untuk pembangunan baru. Dengan itu pembeli-pembeli rumah atau tapak perniagaan akan turut mendapat faedah hasil daripada kos pembinaan sesuatu kawasan baru yang lebih rendah; dan
- (iii) sistem rawatan kumbahan berpusat ini adalah lebih ekonomik dari segi kos operasi dan penyelenggaraan serta penyediaan tenaga kerja.

Dengan adanya satu sistem rawatan sahaja untuk satu kawasan bandar atau perumahan, IWK akan dapat memberi tumpuan yang lebih kepada penyelenggaraan sistem tersebut dan juga mengurangkan kepada punca pelepasan *effluence*.

Tuan Yang di-Pertua: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri Menteri...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Belum. Dato' Seri sahaja. [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Samalah, Dato' Seri dengan Tan Sri itu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: No, Tan Sri...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Itu mesti dapat punya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Memandangkan bahawa sistem ini, sistem rawatan kumbahan berpusat merangkum kawasan yang besar di negara kita memanglah Kuala Lumpur dan mungkin Petaling Jaya dirangkum bersama. Jadi kawasan yang besar ini pada kebiasaannya, kalau ada kerosakan kepada paip ataupun kepada pam, ini ada kemungkinan bahawa ada kesulitan untuk mengenal pasti di manakah kerosakan paip ataupun pam-pam yang berada di seluruh kawasan. Soalan saya ialah, bagaimanakah operator seperti IWK dapat mengenal pasti di mana kerosakan berlaku dan apakah kesulitan-kesulitan yang lain untuk menyelenggarakan rawatan berpusat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada pengurusan sesuatu operator IWK atau kerajaan-kerajaan tempatan yang mengambil tanggungjawab untuk menjaga pembedungan di sesuatu kawasan. Dengan itu, penyelenggaraan atau memonitorkan prestasi di mana-mana pusat rawatan kecil atau besar, ini bergantung kepada mereka, kalau ada kompelin berkenaan bau, berkenaan *spillover* di mana-mana tempat. Operator itu seperti IWK atau kerajaan-kerajaan tempatan masing-masing kena ambil tindakan yang secepat mungkin untuk mengatasi masalah.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) tidak lama lagi akan dilaksanakan. Kita tahu bahawa negeri Sabah dan Sarawak tidak menyertai dalam program ini. SPAN ini bukan sahaja mengenai air tetapi adalah juga terhadap kumbahan berpusat ini. Jadi, bagaimana kementerian melihat masalah yang

dihadapi oleh bandar-bandar besar di Sabah seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan juga pekan-pekan yang wujud seperti jiran saya di Kinabatangan. Jadi soalan saya, tidakkah kementerian boleh melaksanakan terus selain daripada air ini terhadap bandar-bandar yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Sabah dan Sarawak tidak pilih untuk masuk dalam pentadbiran berkenaan air dan pembetungan yang dijalankan di Semenanjung Malaysia melalui rang undang-undang baru SPAN yang akan dibentangkan di Parlimen pada satu masa lagi. Tetapi kementerian cuba menolong mereka.

Yang pertama, untuk mengenal pasti di mana kawasan-kawasan atau bandar-bandar berkenaan masuk di dalam sesuatu organisasi atau badan untuk menjaga hal air atau hal pembetungan mereka.

Yang kedua, sebab mereka tidak masuk dalam pengurusan keseluruhannya sebagai satu Malaysia, kerajaan atau kementerian saya boleh menolong mereka cuba mendapatkan lebih peruntukan untuk mereka membina loji rawatan atau mengganti paip-paip yang sudah pecah atau usang. Dengan itulah, kita boleh cuba. Kita harap satu hari untuk Sabah dan Sarawak melalui Dewan Undangan Negeri masing-masing, mereka boleh menubuhkan organisasi atau *regulator* atau suruhanjaya seperti SPAN di Sabah dan Sarawak, yang mana melalui *regulator* itu, adalah satu badan kawal selia untuk mengawal perkhidmatan air dan pembetungan di kedua-dua negeri itu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan. Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian dalam usaha pembinaan Jalan Pan Borneo yang boleh menghubungkan bahagian Miri dan Limbang dengan kawasan Parlimen Sipitang, Sabah.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Pan-Borneo ialah jalan yang menghubungkan Sabah dan Sarawak dari Miri ke Limbang, ke Lawas dan seterusnya ke Sedumin di negeri Sabah. Melalui pinggir Brunei, komponen-komponen jalan tersebut adalah seperti berikut:

Jalan Miri ke Pujut, Jalan Pujut ke Lutong, Jalan Lutong ke Kuala Baram, Jalan Kuala Baram ke sempadan Brunei, Jalan Limbang ke sempadan Brunei, Sungai Pendaruan, Jalan Lawas ke Terusan ke Temburong dan Jalan Lawas ke Merapoh dan ke Sedumin Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua komponen jalan tersebut telah disiapkan sejak Rancangan Malaysia Keenam sehingga Rancangan Malaysia Kelapan. Jumlah panjang jalan dari Miri ke Merapoh ialah 152.2 kilometer. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selanjutnya terdapat dua jambatan yang masih perlu dibina untuk melengkapkan jalan raya ini bagi menghubungkan bahagian Miri dan Limbang dengan kawasan Sipitang, iaitu satu jambatan di Sungai Pendaruan-Limbang dan satu lagi jambatan di Sungai Terusan-Lawas. Kementerian Kerja Raya telah memohon supaya pembinaan jambatan Sungai Terusan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan kilang.

Selain daripada itu, bagi jambatan dari Sungai Pendaruan, pelaksanaan projek adalah memerlukan persefahaman mengenai isu persempadanan dengan Kerajaan Brunei. Masa ini, rundingan belum diadakan di antara kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Brunei untuk membina jambatan tersebut.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi. Memang cukup jelas sekali. Tetapi, persoalan yang saya maksudkan dalam soalan saya itu ialah jalan raya yang boleh menghubungi Miri menerusi kawasan saya di Baram, Lawas, Limbang dan Lawas sampai ke Sipitang tanpa melalui Brunei Darussalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menikmati semangat kemerdekaan 43 tahun lamanya dan kerajaan juga sering mengatakan ingin mempromosikan integrasi di

antara penduduk-penduduk, di antara negeri, begitu juga di antara masyarakat dan kaum-kaum kita. Jadi bagi saya, jalan perhubungan Miri, Baram, Limbang, Lawas dengan Sabah sangat penting untuk mempromosikan integrasi ini dan juga membangunkan kawasan yang dilintasi olehnya.

Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebabnya jalan ini tidak diberi keutamaan oleh kerajaan memandangkan penduduk-penduduk Sarawak, Sabah ini ingin berintegrasi dengan satu sama lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak sudah diintegrasikan sekarang melalui Malaysia. *[Ketawa]*

[Dewan gamat seketika]

Satu hatinya, satu negara, satu hati, ya. Tetapi bukanlah jalan sahaja boleh berhubung di antara manusia tetapi manusia sendiri sudah bersatu hati.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Baram, perkara ini saya kena timbul kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, oleh kerana mahukah mereka menerima projek ini dalam rancangan Malaysia separuh penggal atau tidak? Selepas itu, saya akan berhubung dengan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan Yang Berhormat baru sahaja saya melawat.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya telah menyebut tadi masa saya ada di Miri, nampaknya macam satu bandar di New Zealand.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Cantiknya jalan, pokok ini, itu semuanya telah disediakan oleh kerajaan. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jadi saya mintalah, tunggu sedikit harilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Semua kemudahan boleh disediakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tunggu Yang Berhormat. Ya, Bukit Mas.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Cadangan jalan yang ditanyakan oleh rakan saya, Yang Berhormat bagi Baram tadi sebenarnya sudah pun diperuntukkan oleh pihak kerajaan sebanyak RM50 juta untuk buat kajian.

Beberapa Ahli: Ooh!

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Persoalan saya, apakah tahap kajian yang telah dibuat ini, sama ada jalan ini mengikut kajian boleh dibuat ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Ini yang saya rasa belum dijawab. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian ataupun Menteri, tadi mengatakan perundingan dengan Brunei mengenai jambatan di Pendaruan belum dibuat.

Soalan saya, Pan Borneo Highway ini telah pun dilaksanakan seperti mana dikatakan oleh Menteri tadi beberapa tahun dahulu. Tidakkah perundingan dibuat dengan pihak Brunei lebih awal sehingga jambatan sekarang di Lebuhraya Pan Borneo ini tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Ini menyusahkan pihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Beberapa Ahli: Betul. Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri faham sudah.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Jalan Limbang sempadan Brunei ke Sungai Pendaruan, saya suka menjelaskan sedikit kepada Yang Berhormat iaitu sepanjang 58 kilometer, sudah dibina mengikut piawaian JKR, R5 dan telah siap pada awal tahun 90-an. Tetapi ada juga permintaan baru daripada Yang Berhormat tadi dan juga Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Baram. Seperti apa saya janji tadi, kita akan mengambil perhatian, tetapi saya suka juga menjawab kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Sabah dan negeri Sarawak, kita sudah membelanjakan beberapa bilion ringgit atas jalan. Bukan satu duanya. Tiap-tiap kalinya kita akan mengekshakan sekurang-kurangnya RM1.2 bilion, RM1.5 bilion dan selebihnya daripada itu, telah dibelanja untuk membina jalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Bilion, ya? Bilion?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bilion.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita akan mengikuti dengan prestasi ini untuk memperbaiki keadaan jalan masa akan datang.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Kinabatangan...

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Peraturan Mesyuarat 41 (F).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Di mana ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan atau *lounge suit* ataupun boleh juga memakai pakaian adat istiadat atau apa-apa perkara yang lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya melihat Ahli Yang Berhormat bagi Jelebu, Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, nampaknya pakai *lounge suit*.

Tetapi sama ada ini merupakan satu pakaian yang telah diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau pakaian ini telah diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua, harus ia merupakan satu perkara yang dimaklumkan kepada kami semua kerana kami juga tidak suka pakai *tie*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jelebu itu boleh, sesuai memakai pakaian yang dipakai oleh beliau sekarang. Untuk ahli-ahli ... Ya, sila bangun. [*Meminta Yang Berhormat Jelebu bangun*]

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: [*Bangun memperagakan pakaian kepada Ahli-ahli Dewan*]

Tuan Yang di-Pertua: Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pakaian yang sedemikian ataupun serupa ataupun sama dengannya sebagai satu pakaian alternatif boleh dipakai. Arahan ataupun saranan akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, kalau begini, arahan-arahan seperti ini sepatutnya dia memakai hanya selepas arahan dikeluarkan dan sebelum. Kalau begini, tidak ada lagi arahan saya harap menteri kena pakai *tie*lah, keluar dan pakai *tie* semula.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Johor Bahru di atas keprihatinan budaya beliau dan juga sensitifnya mata beliau melihat di atas pakaian Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang keduanya sukacita saya memaklumkan menerusi kebenaran Tuan Yang di-Pertua bahawa kerajaan kita telah pun meluluskan pakaian alternatif ini di mesyuarat Kabinet pada bulan Februari dan saya telah pun menulis surat kepada Tuan Yang di-Pertua dua kali dan menurut isyarat beliau saya dibenarkan memakai pakaian alternatif ini yang telah diluluskan oleh kerajaan kita. Tinggal lagi arahan rasmi dari beliau terserahlah kepada Tuan Yang di-Pertua untuk melunaskannya.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masih tidak cukup dan tidak munasabah. Kalau soal kerajaan membenarkan pakaian di Kabinet kita bukan ahli Kabinet jadi kita tidak kisah. Itu soal Kabinet memakai pada masa Mesyuarat Kabinet tetapi kalau dalam Dewan Rakyat, saya rasa kita kena menghormati apa yang kita sudah bersetuju bersama.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya belum habis bercakap lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Menteri boleh bersabar. Tuan Yang di-Pertua, bagi rakan-rakan saya yang lain saya rasa tidak adillah kalau kita membenarkan peraturan itu dilonggarkan sebelum arahan dikeluarkan. Ini bukan perkara yang kecil tetapi satu yang besar dan harus kita menghormati Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, beliau telah menulis surat kepada saya sebanyak dua kali dan saya bersetuju. Juga, saya telah memberi kelulusan - minit saya bahawa pakaian alternatif yang dicadangkan oleh beliau dan diluluskan oleh pihak Kabinet itu boleh dipakai. Walau pun pada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat belum lagi dimaklumkan atau diberi arahan untuk memakai pakaian alternatif itu - tidak paksa, ya! Tetapi alternatif sahaja. Masih boleh memakai *tie*, boleh memakai pakaian kebangsaan dan pakaian-pakaian yang dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat walaupun arahan belum dikeluarkan lagi ataupun permintaan kepada Ahli Yang Berhormat untuk berbuat demikian ataupun membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbuat demikian. Walau bagaimanapun, saya menggunakan kuasa saya untuk memberi pengecualian kepada beliau untuk memakai pada hari ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, bukankah lebih wajar kalau kita dapat pendapat daripada semua Ahli Parlimen kerana pakaian ala Jelebu ini nampak kemas dan tampan juga.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya fikir Ahli Yang Berhormat bagi Kepong sentimennya terlalu dalam. Ini bukan pakaian ala Jelebu tetapi pakaian yang dipilih oleh Kerajaan Malaysia sebagai alternatif. Alternatif bererti jika tidak suka tidaklah dipakai tetapi sekiranya ingin memakai ia adalah pakaian pilihan. Jadi tolong, di atas terminologi atau terma itu baik-baik mengucapkannya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, pakaian ini ala *tuxedo*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bercakap sedikit. Tuan Yang di-Pertua, minta tolong sikit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bagi peluang saya sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong, cepat-cepat sikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jangan berlakonlah. Kepong jangan takut, cakap sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat bagi Jelebu tadi sebab saya ada baca di media massa mengenai pakaian alternatif ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, minta berhentikanlah ini. Soalan saya tidak sampai-sampai lagi ni. Ini sudah dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua, sudahlah!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kinabatangan, kalau tidak mahu pakai kita diam dahulu. Saya berharap kita dapat pendapat daripada semua Ahli Parlimen, itu yang pertama. Yang kedua, saya berharap Yang Berhormat bagi Jelebu lebih asyik dan lebih berkesan untuk memelihara warisan negara kita.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit Tuan Yang di-Pertua, sikit. Minta tolong Tuan, Yang di-Pertua. Sudah diberi peluang kepada Pembangkang bagilah saya bercakap sikit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya sokong. Pakaian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Jelebu, kalau rakyat biasa menggunakan perkataan "pakaian ala Bank Islam", biasanya uniform Bank Islam. Saya hendak tahu sikit sahaja, dari segi potongan itu saya setuju tetapi orang lain saya tidak tahu, sebagai pakaian alternatif. Warnanya pula, saya hendak mendapat maklumat warna hitam ataupun putih, yang mana satu?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tak payahlah itu. Tuan Yang di-Pertua, mohon. Saya menghormati keputusan Kabinet dan menghormati keputusan kerajaan dan menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua memberi peluang untuk menteri memakai pakaian yang dipakainya sekarang. Tetapi apa sahaja keputusan di luar kalau tidak ada keputusan daripada Dewan ini tidak boleh kalau kita hendak memartabatkan kuasa Dewan ini untuk memberi satu keputusan. Saya sebagai wakil rakyat yang diamanahkan oleh *Backbenchers* Parlimen Malaysia sebagai pengerusi, berhubung dengan memartabatkan Parlimen saya perlu berca kap dengan mengatakan apa sahaja keputusan kerajaan berhubung dengan tingkah laku, budi pekerti dan bahasa kita di Dewan ini mesti diluluskan oleh Dewan dahulu sebelum digunakan pakai sebagai sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru dan Yang Berhormat bagi Santubong. Oleh kerana Peraturan 41(f) sangat jelas dan sungguhpun bukan perkara bantah atau tidak bersetuju dengan pakaian alternatif tetapi sehingga Peraturan Mesyuarat dipinda ialah menjadi *supreme* peraturan dalam Dewan ini dan mungkin pakaian alternatif ini boleh dilaksanakan selepas Peraturan Mesyuarat dipinda. Oleh kerana kalau tidak, nampaknya Peraturan Mesyuarat boleh diketepikan dan ini satu *precedent* nampaknya tidak begitu

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Jadi tidak perlu dipersoalkan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengeluarkan Surat Pekeliling kepada Ahli-ahli Yang Berhormat setelah proses-proses yang tertentu dijalankan mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya akan buat hanya apabila proses itu dijalankan. Sementara itu saya mengecualikan Yang Berhormat bagi Jelebu memakai pakaian itu pada hari ini.

4. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) usaha kerajaan dalam memperbanyakkan peruntukan pembangunan bagi menyediakan rumah-rumah masyarakat termiskin terutama di daerah Kinabatangan; dan
- (b) langkah kerajaan dalam menyeimbangkan kepesatan pembangunan infrastruktur asas (bekalan elektrik dan air) di antara daerah luarbandar dan bandar di negara kita.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana membawa soalan ini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang besar bagi mempergiatkan pembangunan luar bandar khususnya dalam usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2009. Kementerian sentiasa mengemas kini dan menyediakan profil keluarga miskin tegar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Melalui daftar profil yang lengkap kementerian berupaya merancang dan menyediakan anggaran peruntukan yang mencukupi bagi membiayai setiap program pembasmian kemiskinan termasuklah Program Bantuan Rumah (PBR). Sehingga 1 Januari 2006 sistem daftar keluarga miskin tegar berjumlah 68,923 orang termasuk 19,534 orang daripada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM144 juta bagi seluruh negara termasuk RM19.9 juta bagi negeri Sabah dan daripada jumlah ini daerah Kinabatangan telah menerima RM1.1 juta bagi pembiayaan sejumlah 110 unit rumah keluarga miskin tegar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan pula, kementerian memperuntukkan sejumlah 540.7 juta ringgit di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan pada tahun 2006 ini kementerian menyediakan RM30 juta bagi Program Bantuan Rumah (PBR).

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi misi dan matlamat kementerian untuk mengimbangkan liputan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air di antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar. Justeru itu dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, pelaksanaan pembangunan prasarana, utiliti dan ameniti sosial akan diperhebatkan bagi mencapai sasaran liputan bekalan air dan elektrik 100% di Semenanjung, sementara 90% di Sabah dan Sarawak.

Bagi memenuhi maksud ini peruntukan sejumlah RM1.2 bilion dikhususkan untuk program bekalan air luar bandar berbanding hanya RM700.4 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Ini adalah peningkatan sebanyak 80%. Bagi program bekalan elektrik luar bandar pula RM1.025 bilion diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan berbanding cuma RM571.04 juta bagi Rancangan Malaysia Kelapan iaitu peningkatan hampir 80%.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata kementerian juga akan memastikan kualiti prasarana, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar akan dipertingkatkan sepanjang masa bagi memastikan tahap kesejahteraan masyarakat dipertingkatkan dalam menjana pembangunan ekonomi luar bandar yang berjaya dan mapan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Memang kementerian ini telah banyak membantu masyarakat luar bandar terutama sekali di Kinabatangan. Persoalan yang saya hadapi ialah sehingga hari ini masih terdapat 29 buah kampung tidak ada elektrik luar bandar, 47 buah kampung tidak ada air bersih dan memerlukan lagi 2,500 projek perumahan rakyat termiskin. Bayangkan berapa ratus juta yang diperlukan. Jadi kawan-kawan bila dengar satu juta sudah, 'Ooo' itu, mungkin mereka tidak tahu masalah saya. Jadi saya harap kawan-kawan semua fahamlah, kita ini wakil rakyat tugas kita membela rakyat, tengok kawasan sendiri. Jangan nampak juta-juta sudah ketawa.

Masalah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Satu juta mungkin satu persen sahaja. Jadi bermakna masih banyak lagi keperluan. Memang kita menanti-nanti akan keputusan daripada kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan saya berharap kementerian ini tidak lupa untuk memberi peruntukan yang secukupnya kepada Kinabatangan, untuk memastikan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan pembangunan wilayah yang seimbang di samping memastikan bahawa salah satu prasyarat menuju negara maju di mana masyarakatnya mesti maju. Kalau di bandar maju tetapi luar bandar tidak maju maka tidak ada negara maju. Itu namanya sebelah maju sebelah mundur. [Disampuk] Jadi kita mahu peruntukan yang ada ini diberi secara seimbang kepada kawasan Parlimen saya di Kinabatangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan ambil peluang untuk berucap.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Saya dan Kementerian sebenarnya sangat maklum tentang 27 kampung yang belum ada bekalan elektrik, 47 kampung yang belum ada bekalan air dan saya memberi jaminan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, negeri Sabah dan Sarawak, 90 peratus daripada kawasan-kawasan akan mendapat liputan bekalan air dan elektrik dan Rancangan Malaysia Kesepuluh [*Dewan riu*] kita dapat selesaikan semua insya-Allah. Yang Berhormat-Yang Berhormat, rakan-rakan saya sekalian, yakinlah pendirian..

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Menteri jawab ya.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: harap berilah kepercayaan kepada Yang Berhormat Menteri saya dan kementerian ini untuk melaksanakan misi nasional di kampung dan desa pedalaman sebaik mungkin sedaya upaya fikiran dan peranan dan pemantauan Yang Berhormat di kawasan sangatlah kami pohon dan harapkan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita memang tak ragu usaha Kementerian untuk membangunkan kawasan luar bandar. Tetapi, bagi pihak saya dan rakan-rakan saya daripada Melaka walau pun Kota Melaka diibaratkan kata kawasan dalam bandar, tetapi dikelilingi Kota Melaka itu masih ada lagi kampung-kampung tradisional yang memerlukan bantuan. Begitu juga di Jasin tak diiktirafkan sebagai luar bandar, dapat peruntukan yang kurang daripada kebanyakan daripada rakan-rakan kita.

Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pada Menteri Pembangunan Luar Bandar bagilah sama rata peruntukan untuk kami sama-sama kerana dalam kerana dalam bandar pun ada juga orang-orang miskin [*Dewan riu*] orang-orang yang seolah-olah yang macam luar bandar. Soalan saya....

Tuan Yang di-Pertua: Ya. [*Dewan riu*]

Seorang Ahli: Ada gaya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Adakah orang-orang di kementerian ini turun ke bawah melihat keadaan. [*Dewan riu*] Jangan atas meja sahaja kerana sahabat saya daripada Kota Melaka mengadu menangis Tuan Yang di-Pertua, kawasan dia pun ada juga kawasan luar bandar tetapi dia tak dapat peruntukan kerana sehinggakan dia nak tukar nama...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bila..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ..bukan lagi Kota Melaka ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bila dia menangis?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Di luar tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Jasin. Kementerian sememangnya maklum tentang kampung-kampung tradisi yang terletak di pinggir-pinggir bandar di kawasan-kawasan hampir bandar terutama sekali kawasan Jasin. Dan kita telah memberi peruntukan, tepi peruntukan ini tentulah berbeza dengan kawan-kawan di pedalaman Sabah dan Sarawak kerana mereka lebih memerlukan. [*Dewan riu*]

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi kepastian kepada Yang Berhormat, pegawai-pegawai kementerian sentiasa turun ke bawah untuk memastikan pemantauan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan di luar bandar ini dapat dilaksanakan dengan penuh baik untuk memenuhi misi nasional. Jadi, saya memohon kepada Yang Berhormat rakan-rakan saya supaya dapat melakukan pemantauan

daripada masa ke semasa daripada senarai yang kita diberikan dan berilah maklumat secara peribadi ataupun secara rasmi kepada saya untuk memastikan pelaksanaan itu dapat dilaksanakan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Akhir kata Yang Berhormat saya ingin menyatakan bahawa tiada apa yang lebih membahagiakan kami di Kementerian dari melihat anak bangsa dan penduduk luar bandar mendapat pembelaan [*Dewan riuh*] di tingkat kualiti hidup menghirup angin kemakmuran dan dalam suasana sentosa aman dan beroleh kejayaan secara berterusan. Terima kasih.

5. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibini Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan selain dari dimakan, apakah kemungkinan buah '*dragon fruit*' yang terbukti berjaya ditanam di Perak dan Terengganu, boleh diusahakan sebagai industri hiliran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat. Buah pitaya atau '*dragon fruit*' selain daripada dimakan segera ianya berpotensi untuk diproses kepada produk-produk berikut; pelbagai jenis minuman asaskan pitaya, kordial, jem, yogurt, sup dan juga teh kering dan buah kering. Dan putik bunga atau batang boleh juga dimasak sebagai sayur-sayuran.

Walau bagaimanapun penyelidikan dan perkembangan lanjut mengenai ini perlu dijalankan bagi mengetahui secara terperinci sifat buah serta produk set pemakanan dan jenis pembungkusan dan keselamatan produk dan juga penerimaan orang ramai. Dan tahun ini MARDI akan mula pelaksanaan untuk membuat R&D untuk buah naga ini. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selain daripada makan buah-buah ini sebagai kek, teh dan segala-galanya. Adakah kita ingin kementerian Yang Berhormat ini, ingin meminta MARDI ataupun IMR untuk menjalankan penyelidikan tentang antioksidan untuk menjadi ubat kanser atau barah, sakit jantung ataupun merendahkan tekanan darah sahabat saya daripada Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Dia beli lima buah '*dragon fruit*' ini dengan izin, yang berwarna merah, makan. Lepas tu bila dia pi bilik air, dia nampak merah juga, dia terkejut. [*Ketawa*] Jadi, adakah benda ini sihat dan juga selamat untuk beliau. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Seminggu Tuan Yang di-Pertua, seminggu bau keluak warna merah. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Itu biar pihak Menteri jawab, ya.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan tadi maklumat bahawa bila makan dan keluar merah. Saya sudah cek dengan doktor, itu satu tanda yang baik. [*Ketawa*] Jika makan merah keluar hitam itu masalah.. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mah Siew Keong: So ini adalah satu yang baik..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mah Siew Keong: Dasar itu benar, saya sudah cek..

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju.

Datuk Mah Siew Keong: Saya nak memberitahu [*Ketawa*] saya nak memberitahu bahawa selama ini MARDI telah memberi penekanan kepada buah-buahan yang 15 buah-buahan seperti jambu batu, betik dan lain-lain untuk pembangunan. Dan dari segi buah naga, tahun ini akan membuat permulaan. Dan walau bagaimana pun hendak disampaikan Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa analisis yang telah dibuat menunjukkan bahawa buah naga adalah satu buah yang begitu banyak nutrien, kaya dengan "*Phyto-albumins*" iaitu antioksidan dan vitamin 'C' bagus untuk lelaki dan perempuan juga semua.

Dan masalahnya sekarang adalah untuk industri pemrosesan. So *concentrate* MARDI adalah supaya bila diproses nutrien-nutrien ini akan dikekalkan.

Sebab jika diproses nutrien ini tidak dikekalkan dia tidak ada kegunaan masalah ini macam. Sebab ia sangat sepat rosak. Oleh itu MARDI akan mengkaji lebih mendalam proses ini supaya ia dapat dieksport kepada negara-negara lain dan saya hendak memberi jaminanlah dalam buah naga ini, Malaysia dari segi produk-produknya antara produk proses seperti jem, seperti *wine* adalah antara yang utama di negara-negara Asia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan tambahan. Sebenarnya bila kita ada di Vietnam waktu itu, Araulah makan buah ini, dia pun tak tahu macam mana nak makan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tanya saya juga. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat makan keluar warna merah dak? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat. Ya, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan itu usaha yang dulu untuk mempelbagaikan atau menyeliaikan buah-buahan seperti markisah, guava, guava tu lebih baik saya nampak dan betik tu. Dan kalau kita buat dengan buah pitaya ini ataupun *dragon* ini. Adakah kita boleh itu memastikan kualiti kita lebih baik kerana Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang saya nampak tu pemantauan untuk menjadikan produk-produk ini mencapai tahap kualiti yang tinggi sangat kurang, sangat kurang sepertilah itu *bottled water* itu air yang di dalam tu botol tu, saya nampak pemantauan tak cukup, memang tak cukup kerana kita mungkin kebanyakan air di dalam botol tu mempunyai bakteria yang lebih, lebih daripada itu air paip kita...

Tuan Yang di-Pertua: Minta soalan Yang Berhormat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan ini saya hendak Yang Berhormat memastikan dan itu mengadakan peraturan yang ketat untuk menjaga semua industri ini supaya kita dapat produk yang berkualiti tinggi. Jangan lain kali Arau, mengeluh kerana sakit perut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan buah naga ini adalah satu perkembangan yang baru. Dan ia hanya mula ditanam di Malaysia pada tahun 1999. Dan hari ini buah naga ditanam di semua negeri di Malaysia kecuali Perlis, belum. Dan walau bagaimana pun, sampai hari ini hanya lebih kurang 600 hektar yang di tanam.

Oleh masalah sekarang adalah kekurangan, kekurangan buah naga dan walau bagaimanapun seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Kementerian telah mula menggalakkan semua pekebun kecil walau pun buah-buahan lain atau buah naga supaya mengadakan *good agricultural practice*. Pegawai-pegawai kita telah pergi ke akar umbi untuk memberi nasihat. Supaya dengan adanya *good agricultural practice* kualiti buah-buahan dan juga dari segi kebersihan akan meningkat dan ini akan mendapat harga yang lebih baik. Kita akan meneruskan kerja ini. Terima kasih.

6. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah teks penuh Dasar Automotif Negara akan diumumkan berikutan keresahan industri automatif negara untuk menyesuaikan tawaran dan permintaan pasaran dalam dan luar negara kerana lewat diumumkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Fong Kui Lun daripada Bukit Kepong ..

Seorang Ahli: Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bintang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Suliman: Minta maaf, Bukit Bintang bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Wan Hashim bin Wan Teh dari Gerik yang akan dijawab sepatutnya pada 14 Mac dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Said bin Yusof dari Jasin yang sepatutnya dijawab pada 3 April yang telah tidak sempat dijawab. Memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Dasar Automatif Nasional yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Mac 2006 yang lalu.

Kerajaan percaya Dasar Automatif Nasional akan menjadi pemacu utama dalam memacu transformasi sektor automatif tempatan kepada sektor yang mapan, kompetitif dan berdaya saing untuk faedah semua peserta industri pengguna dan ekonomi Malaysia. Ini berdasarkan kepada asas-asas berikut –

- (i) kerajaan akan terus menyokong pembangunan sektor automatif tempatan melalui pakej geran dan insentif yang komprehensif;
- (ii) kesemua peserta dalam rantaian nilai industri akan digalakkan membuat tumpuan ke arah pencapaian skala operasi yang menjamin daya tahan dan daya saing berterusan;
- (iii) kerajaan akan terus menggalakkan peserta industri bekerjasama dengan pihak luar untuk menubuhkan usaha sama strategik; dan
- (iv) kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab, pengeluaran dan pemasangan serantau dengan menggalakkan peserta sedia ada meningkatkan komitmen mereka.

Berhubung penggunaan gas untuk teksi, kerajaan sememangnya sentiasa menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api alternatif terutama di bandar-bandar besar seperti di Lembah Klang dalam usaha menangani isu pencemaran alam sekitar.

Dalam hal ini Petronas merancang untuk menambah bilangan stesen NGV. Buat masa ini terdapat 45 buah stesen NGV di sekitar Lembah Klang, Johor Bahru, Melaka dan Pulau Pinang. Menjelang tahun 2010 dianggarkan sebanyak 94 buah stesen NGV akan beroperasi di seluruh negara. Manakala berhubung dengan penggunaan minyak diesel perkara ini memerlukan pertimbangan yang lebih teliti.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun industri automobil, industri di negara kita sudah lamakan, khususnya pasaran kereta tempatan telah 35 tahun pada awal 70-an, di Shah Alam, Selangor dan juga di Tampoi, Johor. Soalan saya ialah Malaysia telah melepaskan banyak peluang yang kita sepatutnya dimiliki untuk mewujudkan Malaysia sebagai satu *hub* mengeluarkan kereta di rantau ini.

Akan tetapi peluang ini telah lepas, saya ingin tanya apakah tindakan kementerian Yang Berhormat akan diambil bagi memastikan bahawa *ventor* industri di negara kita khususnya dalam industri automatif seperti mana yang dikatakan *bolt and tyre, design auto body* dan juga *engine* dipastikan bahawa ini salah satu tidak boleh dikurangkan memastikan kejayaan dalam automatif industri ini.

Dan apakah kementerian akan memantau tentang itu pengeluaran kereta nasional kita PROTON dalam *volume* dalam penilaian pasaran dan juga *design*, reka bentuk dan pasaran di negara mahupun dalam negeri atau di luar negeri. Apakah tindakan selanjutnya diambil oleh kementerian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua di dalam Dasar Automatif Nasional ini, kita mempunyai beberapa cara ataupun pendekatan untuk memastikan bahawa perlaksanaannya akan menepati tiga syarat.

Yang pertama sekali ialah sumbangan dasar ini ataupun aktiviti automotif ini kepada ekonomi negara kita. Yang kedua kita hendak memastikan supaya daya saing dan kompetitif dari segi pasaran kenderaan-kenderaan dalam negara kita. Dan yang ketiga iaitu ciri keselamatan ataupun dengan izin, *road ordinance*.

Tuan Yang di-Pertua saya tidak bersetuju seperti kata Yang Berhormat bahawa kita tidak ataupun terlepas peluang dalam bidang automotif ini. Bahkan Malaysia merupakan pengeluar kenderaan apa ini kita panggil *passenger vehicle*, dengan izin yang terbesar di Asia Tenggara ataupun ASEAN, sebanyak 500 ribu kenderaan kita keluar setahun.

Ini adalah merupakan satu pasaran yang besar dan kita menjadi satu *force* yang kuat dalam kawasan ini. Dengan dasar pelaksanaan mengikut instrumen yang ada di dalam dasar Ekonomi Nasional ini, insya-Allah kita boleh menjadi sebagai satu pengeluar kenderaan yang hebat dirantau ini tetapi tertakluk dan sebab itu tertakluk kepada pelaksanaannya berdasarkan keperluan 3 syarat yang saya sebutkan tadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semasa zaman pop yeh yeh, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kereta-kereta penumpang kecil-kecil

Tuan Yang di-Pertua: Tahun bila?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tahun 60-an, kereta Fiat 850 saya ingat, kereta Fiat 600, Volkswagen, Morris Minor dan sebagainya. Tapi kereta-kereta penumpang sekarang besar-besar belaka. Dan jalan-jalan raya di kawasan luar bandar tidak lagi sesuai dengan kenderaan yang besar-besar ini, kenderaan penumpang yang besar-besar dan tiada kenderaan kecil kecuali Perodua dan ini merupakan satu amalan dalam negara Malaysia. Adakah kerajaan di dalam Dasar Automotif Negara mengambil kira faktor tersebut di dalam menentukan ciri-ciri keselamatan jalan raya termasuklah kereta-kereta yang diimport ke dalam negara kita sama ada sesuai atau tidak dengan segala ciri-ciri jalan raya yang ada dalam negara kita. Sekian terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya jawab tadi 3 ceteria yang terakhir itu, ciri-ciri keselamatan. Tapi dalam Dasar Automotif Negara ini pun kita secara jelas disebutkan di situ bahawa kita memerlukan semua pengeluar-pengeluar kenderaan di dalam negara kita supaya dapat rasionaliskan agar mereka akhirnya pada kita akan kita alirkan arah perkembangan ataupun pembangunan industri kereta ini kepada dua pengeluar nasional sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Penyenggaraan dan Pentadbiran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[5 April 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Dungun untuk menyambung perbahasan yang mengenai perkara ini.

11.07 pagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya seperti rakan-rakan yang lain ingin menyokong cadangan dan juga pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac yang lalu dengan satu rancangan yang besar untuk tempoh lima tahun daripada tahun 2006 hingga 2010 yang pada keseluruhannya telah mempamerkan satu azam dan harapan baru bukan sahaja dipihak kerajaan tetapi juga persediaan dari segi pelaksana seperti agensi-agensi kerajaan kita. Tetapi yang penting dan terpenting lagi ialah bagaimanakah sasaran yang ingin dicapai oleh kerajaan supaya kesemua strategi dan teras sah yang telah digariskan itu oleh Yang Amat Berhormat itu dapat menjadikan pencapaiannya 100% sehingga akhir tahun Rancangan Malaysia yang Kesembilan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya penekanan kepada usaha-usaha kerajaan yang saya nampak mempunyai persamaan dengan rancangan-rancangan Malaysia terdahulu tetapi mempunyai pendekatan yang agak berbeza dalam beberapa perkara. Pertamanya ialah penekanan kepada pembangunan yang intra dan inter Wilayah yang mana keadaan negeri-negeri tidak dilihat sebagai satu daripada wilayah sahaja, supaya ada keseimbangan pembangunan sama ada di Sabah dan Sarawak. Apatah lagi satu perimbangan pembangunan negara dan rakyat kita dalam Koridor Pantai Barat dan juga Koridor Pantai Timur.

Daripada jumlah yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita nampak ada pertambahan yang baik tetapi kalau kita melihat dari segi pembangunan wilayah terutama sekali dalam pembangunan Koridor Pantai Timur keadaan ketiga-tiga negeri ataupun separuh daripada Johor, iaitu Terengganu sebanyak 5.8 bilion, Kelantan 6.6 bilion, dan Pahang 9.8 bilion yang tidak di masuk di campur dengan apa kita yang kita namakan Peruntukan Persekutuan dalam PFI dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Walau bagaimanapun saya yakin dan percaya dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan juga pelaksanaan, kita mahu supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dan sebab itulah pada dasarnya sebagai seorang Ahli Parlimen dari wilayah ataupun kawasan Koridor Pantai Timur, pertamanya ingin merakamkan ucapan terima kasih. Dan janji kerajaan Barisan Nasional khususnya di Terengganu untuk melaksanakan apa jua janji yang ada sebenarnya telah terlaksana dan keputusan Rancangan Malaysia Kesembilan ini juga sebenarnya memenuhi janji Barisan Nasional khususnya di Terengganu dengan penubuhan sebuah universiti di Terengganu, pembinaan lebuh raya di antara berjumlah tidak kurang daripada 1.6 bilion, pembinaan ataupun *upgrading* peningkatan, perkhidmatan lapangan terbang yang ada di Terengganu dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tapi walau bagaimanapun, saya baru sekejap lagi...walau bagaimanapun saya terkejut apabila melihat daripada statistik dan kenyataan yang ada di dalam ini tentang keadaan kemiskinan. Terengganu merupakan negeri dan rakyatnya yang paling miskin dalam Semenanjung Malaysia dan merupakan negeri yang kedua termiskin selepas Sabah di Malaysia.

Sebab itu saya berharap prioriti dan keutamaan yang harus ditekankan oleh kita bersama khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, garis kemiskinan yang ada, saya harap kita dapat memenuhi satu pendekatan baru. Saya tidak mahu seperti kegagalan ataupun kelemahan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang mana jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan sebanyak tidak kurang daripada 18 bilion melalui 6 kementerian kerajaan tetapi akhirnya perbelanjaan untuk disampaikan kepada sasaran individu yang dilihat sebagai miskin tegar ini, sebenarnya hanya 10% yang mana 90% nya tidak termasuk dalam usaha-usaha pelaksanaan program yang mempunyai hubungan kait secara langsung kepada kumpulan sasaran iaitu kumpulan kemiskinan tegar.

Sebab itu saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini suatu senarai yang lengkap tetapi dalam bentuk yang *update* dan dinamik mesti disediakan oleh kerajaan. Kita tidak boleh lagi mengikut kaedah seperti dahulu iaitu kita mempunyai senarai akhirnya sampai ke kementerian-kementerian di pusat, oleh kerana jentera pentadbiran kita tidak disusun begitu baik.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Beri sedikit saya tidak habis lagi isu kemiskinan, duduk dahulu, *I will give you, don't worry*. Duduk dahulu.. sebab itu dalam hal kemiskinan rakyat ini, saya berharap umpamanya dalam penubuhan JKJK. Sekarang ini boleh dikatakan JKJK menjadi agen akar umbi yang paling penting kepada kerajaan tetapi ianya di bawah naungan kerajaan negeri. Keadaan JKJK kita sendiri cara kita mengurus mereka tidak seperti kita mengurus sama rata di antara negeri, sama ada Perlis mungkin berbeza dengan Kedah, Terengganu mungkin berbeza dengan Pahang dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya gerakan pengurusan JKJK di akar umbi ini, diambil alih oleh ICU dan Pejabat Perdana Menteri supaya mempunyai penyeragaman daripada tugas. Sebab itu apabila jawapan daripada kementerian bahawa setiap kampung mesti mempunyai apa kita namakan sebagai satu peta pembangunan kampung. Pengerusi JKJK pun kadang-kadang kita bayar elaun pun 3, 4 bulan, 6 bulan sekali. Mungkin tidak berlaku di setengah tempat tetapi keseluruhannya pengurusan JKJK harus dimartabatkan oleh kerajaan dalam kita hendak menyelesaikan supaya maklumat serta apa yang berlaku dalam sesuatu kampung dalam negara kita ini dapat kita jayakan dengan baik supaya senarai kumpulan rakyat kita yang miskin yang kita hendak bela, kita hendak jadikan sasaran mereka ini berubah dapat dalam bentuk dinamik.

Mungkin kemiskinan ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, mungkin berlaku apabila hari-hari boleh berlaku kemiskinan.

Apabila berlaku perceraian, suami tinggal keluarga mungkin masalah pendidikan anak-anak dan sebagainya. Mungkin ini akan menjadi masalah. Sebab itu, saya berharap di peringkat kerajaan di semua peringkat supaya ada suatu senarai yang kita namakan senarai yang dinamik, yang boleh berubah dari hari ke hari, dari minggu ke minggu, bergantung kepada keadaan semasa supaya di peringkat pelaksanaan dan

juga penterjemahan dasar yang hendak kita laksanakan supaya walaupun sasaran kemiskinan tegar ini kita nak selesaikan dalam negara kita dalam tahun 2009, tetapi saya berharap ia dapat disasarkan dalam tahun 2008.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan. Kuala Terengganu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sri Aman, Sri Aman dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Jangan lama sangat ya? *Ten minutes.*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih. Kita berbalik sedikit. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyokong pembangunan intra-wilayah dan inter-wilayah. Tadi kita telah mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan beliau masih mempertahankan jalan raya menghubungi Sarawak dan Sabah melalui Brunei di mana *passport* kita terpaksa dicap 8 kali dan karenah-karenah birokrasi di Brunei pun boleh tahan juga.

Jadi Yang Berhormat bagi Baram juga ada mencadangkan jalan raya menghubungi Sabah dan Sarawak melalui Baram supaya kita dapat menyatukan dua wilayah ini dengan cara yang lebih senang. Macam mana, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita memperjuangkan jalan Borneo, Pan-Borneo alternatif ini?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa, saya boleh bersetuju semua, tetapi bergantung kepada kemampuan kerajaan dan kita berharap kerajaan dapat mengambil perhatian berat di atas rintihan rakan-rakan kita, Ahli-ahli Parlimen khususnya daripada luar bandar.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, kita banyak bercakap tentang kealibabaan dan juga pembangunan ekuiti bumiputera dan juga pembangunan usahawan bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *Let me finish first.*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Perkara yang sama tentang Terengganu tadi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terengganu, bolehlah.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Okey, okey. Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Ini daripada negeri yang sama tadi. Beberapa kata kunci yang penting yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi ialah tentang kemiskinan di Terengganu. Strategi untuk kita membanteras kemiskinan di Terengganu.

Harapan Yang Berhormat ialah supaya pencapaian 100%. Yang satu lagi ialah tentang Koridor Pantai Timur, yang berteraskan kepada *petrochemical* ini. Saya nak tanya Yang Berhormat bagi Dungun, terutamanya sebab ini *petrochemical* di kawasan Yang Berhormat bagi Dungun. Sejauhmanakah industri *petrochemical* ini benar-benar telah membawa kesan dari segi membanteras masalah kemiskinan di Terengganu ini?

Yang keduanya, ialah sejauh manakah industri-industri yang ada itu, yang kecil-kecilan itu, memainkan peranannya? Saya melihat dari segi pengalaman yang dilihat dari segi perjalanan ke Kuala Lumpur kita tengok di Kerteh dari kawasan Yang Berhormat sendiri dengan industri kecil ini, dia tidak bawa ke mana. Saya mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat dapat berhujah balik. Iaitu industri yang bersifat besaran yang ada *anchomya* itu. Yang memberi satu tenaga yang besar, yang membolehkan memberi kesan berganda kepada pembangunan ekonomi negeri Terengganu. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Kuala Terengganu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah dalam hal kita nak membangunkan Koridor Pantai Timur ini, saya pun ada hendak tanya, bahawa selepas PAS mengambil alih Terengganu, kita nampak Petronas mengalihkan projek-projek raksasa mereka ke

luar kawasan pesisiran pantai, khususnya di Terengganu. Sebab itu, saya sebenarnya salah seorang yang senantiasa melihat kejayaan Petronas sebagai satu daripada teras dalam struktur pengurusan pembangunan negara.

Sama ada kita mempunyai maklumat ataupun tidak, tetapi Petronas sebenarnya melalui Akta 1974 dahulu lagi, Petronas telah mempamerkan sebagai satu penyelaras dasar dan juga pelaksana dasar yang boleh dibanggakan, kalau kita bandingkan dengan organisasi-organisasi minyak dan petrokimia lain di seluruh dunia. Sebab itu, saya nak tanya kepada Petronas, sebenarnya selain daripada kejayaan-kejayaan Petronas, apakah Petronas tidak boleh melaksanakan program-program sebagaimana dikehendaki oleh Kuala Terengganu tadi, dalam jangka Rancangan Lima Tahun yang akan datang ini, apakah sebenarnya, umpamanya *gas processing plant*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *Gas processing plant* sekarang kita bercakap harga minyak naik, gas tidak dapat sampai ke Terengganu, di Pantai Timur. Kita pengeluar gas yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tetapi akhirnya, kita tidak boleh membekal gas yang baik kepada rakyat khususnya di pesisiran Pantai Timur di Terengganu, Pahang dan Kelantan. Jadi, apakah rancangan Petronas untuk tempoh 5 tahun yang akan datang supaya selain daripada menyediakan infrastruktur tambahan kepada penyediaan gas ini, ia juga harus membina. Pembinaan IKS yang kita tahu bahawa rata-rata, selain pembangunan yang berbentuk petrokimia seperti *polyethylene ethylene, optima* dan lain-lain, apakah seperti GPP ini, *Gas Processing Plant*? Kerana dalam rangka induk Petronas, Petronas sepatutnya membina 1, 2, 3, 4, 5 dan 6, GPP, yang mana sekarang termati di situ. Berkemungkinan keadaan tanah boleh selesai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat nak berikan laluan sekejap kepada mereka?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sekejap, sekejap, *I just want to finish*. Hendak habiskan Petronas sikit. *Don't worry Fong, we are friend*.

Jadi saya berharap, Petronas juga dapat menyediakan rancangan untuk pembangunan Koridor Pantai Timur khususnya, Terengganu. Terutama sekali dalam GPP, 7, 8. Kerana ia akan memberi impak yang baik kepada peluang pekerjaan dan sebagainya. Malah kalau kita melihat dalam pelaburan yang dikeluarkan oleh MITI dalam tahun 2005 sahaja. Saya nak ucapkan tahniah kepada MITI kerana dalam tahun 2005 sahaja, pelaburan yang diluluskan oleh MITI, dan juga melalui agensi-agensinya, melebihi daripada paras *target* iaitu RM25 bilion, yang mana pencapaian kepada pelaburan dan juga kepada negara kita sama ada di peringkat domestik dan luar, ialah sebanyak RM31 bilion, iaitu melebihi daripada sasaran yang dikehendaki oleh negara sebanyak RM25 bilion.

Cuma kaedahnya, berkemungkinan dalam hal ini, di sebelah Pantai Timur, kita agak terkebelakang dari segi pengagihan pelaburan, kalau kita nak bercakap tentang bagaimana kita hendak membangunkan industri sama ada dalam bentuk pengilangan dan sebagainya dari segi pembangunan intra-wilayah kerana dalam hal ini, Terengganu merupakan tempat yang terakhir. Hampir terakhir di dalam pelaburan yang ada pada tahun lepas, yang mana kita merupakan negeri bukan terakhir, yang kelima terakhir selepas Kelantan, Perlis dan Labuan. Labuan mungkin bukan sebuah negeri. Jadi, kita ucap tahniah seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Saya berharap kerajaan dapat menyelaraskan pengagihan dari segi *locality* ini supaya pelaburan yang berjumlah berjuta-juta ringgit dan berbilion-bilion ringgit ini, dapat diagihkan berasaskan kepada keperluan dan pembangunan tentang intra-wilayah ini. Sila Kepong.

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Laluan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya saya bersimpati dengan Dungun. Bersimpati dan anak-anak buah ada di situ, sebab dia lebih bergaya hari ini. Kita berharaplah, beliau mendapat baik membawa "resmi

ayam betina" dahulu. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua, dengan royalti minyak dan pelaburan bertahun-tahun di Terengganu, apakah faktor yang menyebabkan kemiskinan yang kedua yang teruknya di negara ini? Apakah faktor itu? Saya pun tak faham dan saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji dengan lebih teliti mengapa keadaan ini wujud? Saya tak percayalah mengapa kemiskinan itu begitu teruk di Terengganu. Ini memang mungkin satu kaedah, mungkin itu keberkesanan pelaburan kerajaan, mesti dipertingkatkan lagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya royalti ataupun pengagihan dan nafkah tidaklah banyak. Yang banyaknya, mutakhir ini apabila keadaan minyak naik, pengeluaran banyak dan sebagainya. Kalau kita melihat daripada awal, mungkin jutaan ringgit, yang mana ketika itu Terengganu menyediakan infrastruktur dahulu, seperti pendidikan, jalan dan sebagainya, kita lebih tahu. Tetapi yang lebih penting, kemiskinan ini berlaku, berkemungkinan juga kerana tidak ada kestabilan politik, yang mana kadang-kadang dari segi rakyatnya, kita melihat prioriti ketika itu ialah kefahaman rakyat tentang bagaimana untuk melihat sebuah kestabilan kerajaan.

Sebab itu, saya nampak pelaburan yang agak luar daripada Terengganu ini adalah kerana tidak ada kestabilan, kesamaan dari segi kerajaan. Mungkin masa PAS dahulu, impak kepada pembangunan ini, dia lari sedikit dan akhirnya, kita tahu bahawa memerlukan pelaburan yang besar bukan merupakan suatu perkara yang boleh dilaksanakan dalam keadaan hari ini, besok dapat dilaksanakan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya..

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta laluan, Kuala Krau.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:daripada dasar kerajaan kita ini, dengan komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, saya yakin dan percaya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krau.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Kita boleh mengatasi masalah kemiskinan tegar ini dengan lebih cepat. Jadi, sebab itulah kita cuba kerangka supaya ada perimbangan dari segi agihan pelaburan yang kita tahu tadi melebihi daripada RM25 bilion, tetapi akhirnya kita juga mendapat tempat yang agak akhir di dalam penerimaan pelaburan-pelaburan di peringkat kita. Kuala Krau, nak juga? Saya tak ada masa, saya ada sikit lagi, sikit.

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak menyentuh tentang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun mengenai untuk mengemaskinikan dan memartabatkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Yang Berhormat bagi Dungun telah mencadangkan supaya JKK ini diawasi atau diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan ini mungkin satu pandangan yang baik. Kita melihat bahawa JKK, pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik, langsung tidak ada perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen dan beberapa perkara yang agak tertinggal di dalam perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen.

Kita lihat bahawa JKK ini adalah satu Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Kita tidak nafikan bahawa JKK memainkan peranan yang begitu baik, aktif di dalam kemajuan dan pembangunan kampung, tetapi mengenai keselamatan agak tertinggal sedikit. Kalau dahulu, satu agenda yang tetap iaitu mengenai ajaran sesat, mengenai jenayah, mengenai penyalahgunaan dadah dan juga pendatang tanpa izin, mestilah menjadi agenda yang wajib yang dibincangkan di dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya empat perkara ini mestilah menjadi agenda yang tetap dan perkara yang kedua iaitu mengenai memartabatkan JKKK?

Kita lihat Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menjawab begitu baik sekali tentang pembangunan seimbang, wilayah dan bandar. Tetapi elau-elau JKK dan pengerusi JKK yang diumumkan pada tahun lepas sejumlah RM400 atau RM500, sehingga sekarang masih lagi belum diterima oleh pengerusi JKK. Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Dungun, Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya rasa pendirian Yang Berhormat bagi Kuala Krau dan saya sama. Cuma dalam keadaan modus operandi, bagaimana kita nak memartabat, memperkasakan JKK ini, kerana ada penyeragaman di seluruh negara. JKK di Pahang, saya tak tahulah pelantikannya. Tapi Terengganu, alhamdulillah. ADUN dan Ahli Parlimen, kita berkongsi mencadangkan. Mungkin kena selesai dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Kalau hendak bagi saya maklum pun saya bersuara.

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini saya bertanya dengan Setiu, tidak begitu Yang Berhormat bagi Dungun. Terengganu termasuk Setiu juga tidak ada perbincangan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Dia ada kolum untuk Ahli Parlimen. Bergantung pada Ahli Parlimen berkenaanlah hendak menggunakan kuasanya ataupun tidak. Saya rasa itulah lebih kurang masalah JKK dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu juga saya yakin bahawa dengan

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Nanti dulu, nanti dulu, tak habis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak bagi. Tak payah beri laluan, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sebab itulah saya...nanti, sikit..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bagi *chance* sekali.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sikit, sikit ya. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam peruntukan Kerajaan Pusat melalui kementerian ini, kita berharap setakat ini Ahli-ahli Parlimen masih tidak tahu, walaupun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat mungkin dari senarai bajet belum diselesaikan oleh EPU dan sebagainya. Jadi kita di peringkat Ahli Parlimen, kita pun rasa terima kasih berkemungkinan, umpamanya hospital, dibinakah tidak di kawasan kita? Berapa buah sekolah dibina di kawasan kita? Mungkin di kawasan Tuan Yang di-Pertua pun nak tahu. Mungkin persidangan di sini, kita hebat tapi kita tidak ada maklumat bagaimanakah senarai pembangunan, saliran yang akan dibina kawasan kita dalam tempoh 5 tahun dan gerakan pembangunan pertanian yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, gerakan buku hijau, bumi hijau. Bagaimana kita sebagai Ahli Parlimen dapat menjayakan bersama-sama dengan rakan-rakan dalam pentadbiran.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya pun berterima kasih kepada pegawai daerah Dungun, dia hendak tahu bagaimana Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi bersama-sama kita ialah ketua-ketua Jabatan dari Parlimen Dungun yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Akir sebagai pegawai daerah. Saya ucap terima kasih kerana sempat datang ke Parlimen dan mungkin besok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang diaturkan Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Ya, ya, ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua bersetuju berkenaan EPU menyenaraikan kepada Ahli-ahli Parlimen apakah pembangunan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat untuk kawasan masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, kita banyak membicarakan tentang ekuiti 30% bumiputera. Umpamanya yang mana kita nampak ada kekangan.....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Seminit, seminit, seminit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya memerhati dan saya mengikuti apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun dan inilah kali pertama yang saya dengar daripada Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Terengganu miskin dan taraf kemiskinan Terengganu ini mengatasi daripada negeri Kelantan. Nombor tiga,

Sabah, Sarawak dan Terengganu selepas itu baru Kelantan. Tidak jadi masalah kita hendak sebut Kelantan miskin, hendak sebut apa miskin tetapi nyata sekarang ini Terengganu miskin. Yang saya satu sebenarnya, Terengganu bukan miskin, Terengganu kaya, kerajaan kaya tetapi rakyat miskin. Kalaulah royalti minyak tadi dibagi, ehsannya dibagi kepada rakyat Terengganu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir tidak payah ucap sebab masa untuk Yang Berhormat bagi dungun hanya ada lima belas minit sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Soalnya...

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Lima belas minit lagi, bukan banyak sangat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Soalnya, setuju tidak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit.....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:kalau saya katakan bahawa kerajaan.....

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tidak *start* lewat.....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: kerajaan Terengganu kaya, tetapi rakyat miskin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya kurang boleh terima kerana ini statistik yang kita tidak dapat elakkan dan kita tidak ada rancangan politik yang hendak menyatakan bahawa Kelantan lebih baik dan sebagainya. Tetapi, dari segi Terengganu, saya bersyukur kerana jumlah rakyat Terengganu yang *migrate* dari Terengganu yang keluar dari Terengganu tidak sampai pun 80 ribu dan rakyat Kelantan kita tahu berapa juta yang berada. Ada satu statistik yang mengatakan dua juta, tiga juta yang mana pengembaraan rakyat Kelantan keluar menerima sumber pendapatan daripada luar Kelantan....

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Jadi saya ingat kita jangan bincang tentang miskin, kaya kerana yang pentingnya tidak salah kita membicarakan kelemahan kita tetapi dalam masa yang sama, kita mempunyai azam untuk membangunkan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bolehlah kita beralih kepada tajuk yang lain.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Yang Berhormat bagi Setiu hendak tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti berkenaan dengan miskin dan kaya juga.....

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Satu minit bolehlah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, terima kasih. Saya teringat hari ini kita di Terengganu telah diperintah oleh Barisan Nasional dan kita melihat pengagihan kewangan yang ada dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu pada hari ini nampak begitu telus sekali. Saya percaya Yang Berhormat bagi Dungun masih ingat semasa Terengganu di bawah kerajaan pimpinan PAS sehingga royalti itu berpindah tangan pengurusannya dan sebagainya. Boleh Yang Berhormat bagi Dungun jelaskan ke mana pergi RM432 juta satu ketika dahulu sehingga royalti ini ditarik balik di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta PAC menyiasat perkara ini. Saya berharap PAC boleh menyiasat perkara ini. Kita kena tanya bekas, matan Menteri Besar Terengganu. Saya bersetujulah. Tuan Yang di-Pertua, isu ini isu penting tentang gagasan Yang Amat Berhormat dengan azam yang penuh semangat untuk membina tamadun agung katanya di dalam Rancangan

Malaysia Kesembilan ini dan kita yakin rentetan perjuangan bangsa dan pembangunan negara kita, kita melalui pakatan strategik semua kaum, maka kita bersetuju supaya bumiputera yang dilihat ketinggalan suatu ketika akhirnya kita mesti melalui dasar yang mana ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya mencapai sebanyak 30%.

Sebab itu saya ingin bertanya kepada kerajaan, usaha-usaha kerajaan sebenarnya tidak dapat dipertikaikan, tetapi ada kaedah-kaedah baru secara drastik mesti dilaksanakan oleh kerajaan dengan menentukan beberapa dasar. Umpamanya kita mungkin bercakap tentang GLC. Ketua-ketua eksekutif yang ada mungkin dari segi KPInya mungkin telah berjaya. tetapi tidak ada elemen pembangunan bumiputera di dalam GLC berkenaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Apakah kerajaan mesti memasukkan elemen-elemen pembangunan bumiputera dalam struktur KPI di dalam GLC masing-masing supaya ketua-ketua eksekutif ini tidak kita persalahkan kerana kita sendiri tidak menyatakan elemen pembangunan bumiputera dalam GLC dan sebagainya. Sila, sila, kawan saya. Saya tidak boleh tolak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerap kali menyuarakan sama ada gagasan, sama ada harapan, sama ada semangat dan sebagainya. Di mana silapnya Yang Berhormat sehingga bumiputera ini tidak boleh menyasarkan 30% ekuiti dalam negara. Sistem kitakah salah? Peraturan kita salah atau birokrasi kita banyak, atau orang Melayu ini memang begitu? Mungkin Yang Berhormat mempunyai satu akal yang boleh dicadangkan kepada kerajaan supaya sasaran 30% ini dapat dicapai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan tidak boleh kita berbicara soal ekuiti bumiputera ini.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kinabatangan. Sebab itu saya ingin mencadangkan berkemungkinan dari segi dasarnya keseluruhannya agak baik. Berkemungkinan dari segi penyampaiannya lemah dan ada ketirisan dan sebagainya. Tetapi kita juga mesti melihat dalam kerangka kekayaan-kekayaan baru yang harus diteroka oleh kita. Umpamanya kalau kita melihat dalam pakatan politik orang Cina, Melayu, India dan semua etnik, kita boleh berpakat di dalam gagasan Barisan Nasional. Tetapi mengapakah tidak ada kemufakatan di antara pembangunan perniagaan perdagangan di antara kaum Cina. Umpamanya apakah tidak ada satu dasar yang baik supaya kaum Cina yang berjaya seperti Genting dan sebagainya juga mempunyai pakej tertentu membangunkan bumiputera sederhana dan kecil di dalam program-program pembangunan perniagaan mereka.

Saya rasa pemimpin-pemimpin korporat dan konglomerat besar Cina bersetuju untuk membangunkan usahawan bumiputera yang kecil dan sederhana bersyarat kita juga mempunyai dasar yang telus supaya ada perimbangan di dalam perkara-perkara seperti ini sehingga tidak menjadikan syarikat induknya bermasalah. Jadi saya rasa perlu ada pakatan strategik di antara kaum Cina yang berjaya untuk membantu kaum bumiputera yang masih belum berjaya.

Di peringkat kerajaan saya dengar dan dapati daripada data-data yang ada pada saya, kita ada lebih daripada 32 dana untuk bantu bumiputera - ada dana, tabung dan sebagainya. Tetapi setiap kali diumumkan, rakyat luar bandar umpamanya, usahawan kecil dan sederhana akhirnya mendapat maklumat yang akhir, di Terengganu, di Pahang, di luar bandar dan sebagainya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin, bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Mengapakah dana-dana ini tidak dapat dibelanjakan dengan baik dan kalau ianya dapat dibelanjakan dengan baik, mengapakah masih ada di antara program seperti vendor, seperti mentor-mentee, seperti gabungan strategik dan pelbagai program yang dilaksanakan oleh kerajaan,

tetapi akhirnya kita juga tidak dapat memenuhi sasaran yang kita hendak walaupun sebahagian daripadanya kita sudah berjaya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Setengah minit. Cepat sedikit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya. Ini masalah penting Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Yang Berhormat bagi Dungun dibagi panjang sedikit lagi. Dana ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau hendak beri peluang kepada dia, Yang Berhormat jangan minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya Tuan Yang di-Pertua. Dana ini memang ada Yang Berhormat bagi Dungun dan di masa-masa yang lepas, kerajaan pun telah meminta supaya institusi-institusi kewangan mengadakan beberapa persen daripada jumlah yang hendak dipinjamkan khusus untuk bumiputera. Tetapi malangnya peniaga-peniaga kecil dan sederhana ini tidak dapat, bank-bank dan institusi kewangan ini peruntukan untuk bumiputera ini dia cari bumiputera yang besar-besar. Kadang-kadang peruntukan RM30 million, RM50 million satu orang dia ambil. Masalah bumiputera yang diperuntukkan selesai, Yang Berhormat bagi Kepong, diselesaikan. Jadi ini yang berlaku dahulu. Akhirnya kalau kita lihat pada hari ini, NPL-NPL yang tidak dibayar yang tak terbayar ini, bukan masyarakat peniaga yang kecil-kecil macam kami ini, yang tidak bayar ini yang besar-besar. Akhirnya kita lihat *portion* untuk bumiputera telah diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Soalnya, adakah Yang Berhormat bagi Dungun minta supaya dana-dana ini diterangkan di peringkat bawahan peniaga-peniaga kecil ini supaya kita orang yang berniaga-berniaga kecil ini dapat manfaat seperti yang diharapkan oleh kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya setuju Yang Berhormat bagi Jasin. Itulah yang saya hendak pergi, supaya apabila kita ada dana yang banyak ini kadang-kadang kita ada lebihan. Ada setengahnya pada tahun - saya lupa tahun berapa tetapi ada RM3 bilion dikatakan tidak dibelanjakan dan kalau kita melihat pula ada beberapa bank baru yang hendak bantu bumiputera. Saya berharap selepas ini, terutama sekali beberapa Kementerian yang mempunyai kaitan dengan pembangunan bumiputera khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian MITI dan kementerian-kementerian yang lain yang berkaitan supaya dana-dana ini dapat digabungkan dengan saksama supaya maklumat ini dapat didedahkan dengan sebaik mungkin.

Sebab itu untuk jayakan seseorang usahawan Tuan Yang di-Pertua, bukan suatu perkara yang senang, tetapi kalau dahulu kita ada program pendedahan umpamanya. Mungkin Kementerian Luar boleh membincangkan dengan kerajaan, dengan Jabatan Perdana Menteri dan EPU yang dahulu EPU Jabatan Menteri melalui ICU iaitu Skim Latihan Usahawan Bumiputera untuk ambil graduan ataupun peniaga-peniaga bumiputera yang muda, yang berpotensi untuk didedahkan di peringkat antarabangsa dan jaringan-jaringan mereka ini dapat sebenarnya membantu dan hampir kesemua Skim Latihan Usahawan Bumiputera yang diperkenalkan oleh kerajaan tahun 80an dahulu, sekarang ini merupakan ahli korporat yang berjaya.

Walaupun berlaku sedikit ketirisan, tetapi hampir keseluruhan melalui Jabatan Perdana Menteri, Skim Latihan Usahawan Bumiputera untuk kita dedahkan di peringkat antarabangsa, mereka pulang, mereka melalui proses jatuh bangun dalam perniagaan dan perdagangan, mereka ini hampir keseluruhan di antara mereka sekarang memiliki syarikat yang tersenarai di Bursa saham. Sebab itu kita berharap skim-skim yang baik mesti diteruskan walaupun kita terpaksa membelanjakan dari segi latihan dan sebagainya.

Masyarakat Perdagangan dan perindustrian bumiputera yang diuar-uarkan oleh kerajaan sekarang ini ianya tinggal sebagai suatu keadaan falsafah sahaja dan kita hendak tanya kepada kerajaan apakah jadi kepada program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Kita hendak lahirkan industri

bumiputera yang baik, kita hendak lahirkan pedagang bumiputera yang baik. Tetapi dalam masa yang sama kita ada kekangan bahawa kita juga sebenarnya sedang menilai bagaimanakah kedudukan kelas menengah Melayu dalam masyarakat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: ... kerana gabungan di antara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung? Yang Berhormat, gulung. Gulung.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Gabungan di antara keseluruhan ini sebenarnya akan menjumlahkan sejumlah peratusan yang kita namakan sebagai ekuiti bumiputera. Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti meneruskan dengan pendekatan-pendekatan baru supaya ada elemen-elemen pembangunan bumiputera. Walaupun kita tahu PNP sudah berjaya, tetapi PNB juga mesti ada gerakan-gerakan baru supaya dapat disasarkan, MARA yang menjadi tempat bergantung bumiputera harus ditambahkan peruntukan dengan lebih baik dan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: ...perbadanan kemajuan iktisad negeri-negeri, pembangunan ekonomi negeri-negeri juga sebenarnya mesti menilai semula fungsi mereka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, seorang bekas Ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, sekali dengan sayalah, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kami masuk politik, tinggallah. Soalan dia Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita melahirkan *entrepreneur* ataupun usahawan-usahawan bumiputera yang baru ini diberi peluang kerana kita dapat lihat kadang-kadang tauke-tauke lama itulah yang kerajaan dok bagi peluang. Muka itulah yang kerajaan dok bagi peluang sedangkan yang baru ini tidak mendapat peluang ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan dalam jawapan dalam ucapan Yang Berhormat supaya pengagihan projek-projek dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan ini diberi kepada keseluruhan pengusaha-pengusaha ataupun usahawan-usahawan bumiputera supaya mempercepatkan pertumbuhan ekonomi bumiputera dan kita hentikanlah yang kita dok bagi kepada - saya tahu *public listed company*, nama Tan Sri itu, Tan Sri ini, tidak ada orang lain. Apa sahaja projek dia orang dapat. Jadi bagaimanakah kita hendak membangunkan bumiputera yang banyak untuk kita mencapai Dasar Ekonomi Baru 30%. Macam mana Yang Berhormat, bersetuju dengan pandangan saya atau tidak?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat, biar saya sambung sedikit apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, tambah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tambah sedikit sahaja. Fasal baru-baru ini dalam surat khabar apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemukakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kita tengok dalam surat khabar dia sudah buat *forecast* sudah, di mana duit ini RM20 bilion ini akan pergi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat nanti boleh tanya menterilah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Siapa syarikat akan dapat, jadi saya kira Yang Berhormat, setuju tidak apa yang di cadang oleh Jerai, kita kena pastikan bahawa projek-projek ini dibahagi kepada ramai orang yang kecil-kecil ini supaya dapat manfaat. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan usahawan satu benda yang sukar untuk kita jawab kerana di peringkat pelaksanaan pun kita nampak ada ketirisan dan sebagainya. Jadi saya sebenarnya bersetuju pada dasarnya supaya pengagihan ini diagihkan di peringkat kuantiti usahawan yang ramai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dungun, minta sedikit Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tetapi dalam masa yang sama kita juga....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:mesti membina kualiti usahawan bumiputera ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan sedikit.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sebab itu saya yakin dan percaya pendekatan oleh beberapa kementerian kita berharap

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dungun sedikit, sedikit. Yang Berhormat Dungun mungkin setuju dengan saya, Menteri Kerja Raya dua hari sudah sendiri mengumumkan bagaimana hendak membantu kontraktor-kontraktor Kelas F dengan memberi terus hasil daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang besar ini yang boleh dibuat oleh kontraktor Kelas F, dipecah-pecahkan dibagi terus kepada Kelas F. Jadi bagaimana dengan kementerian lain? Apakah kementerian lain juga boleh mencontohi keberanian, apa yang telah dilihat oleh Menteri Kerja Raya ini untuk membantu kontraktor-kontraktor Kelas F agar mereka juga bukan boleh bertahan tetapi turut menyahut dan melaksanakan program Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Apakah Yang Berhormat sebagai bekas Setiausaha Persatuan Kontraktor Kelas F yang banyak pengalaman setuju supaya saranan ini diperluaskan kepada menteri-menteri dan kementerian yang lain. Termasuk Yang Berhormat kita Menteri Luar Bandar, terima kasihlah yang sentiasa ada bersama dengan kita. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya bukan Setiausaha Agong Kelas F, saya Setiausaha Agong Persatuan Kontraktor Malaysia, A sampai F, dahulu bukan sekarang. Tidak apa saya bersetuju dengan pandangan sahabat saya daripada Larut tetapi yang lebih penting pendekatan. Umpamanya macam Kementerian Luar Banda apabila dia mengagihkan jalan kampung kepada Ahli-ahli Parlimen untuk diagihkan. Alhamdulillah saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang kebetulan ada di sini dan kita berharap kalau boleh tambah banyak lagi pun saya ingat baik, kerana ia baik untuk rakyat dalam masa yang sama kita boleh menyelesaikan sebahagian besar daripada kontraktor Kelas F dalam negara kita ini.

Di kawasan saya, saya sudah cuba selaraskan dengan baik supaya kontraktor Kelas F ini dapat diagihkan dengan saksama supaya hampir keseluruhan yang menyokong kerajaanlah supaya dapat kontrak yang disediakan oleh kementerian dan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam ekuiti bumiputera sebagai penggulangan saya, kita juga mahu melahirkan konglomerat bumiputera. Kita juga mahu melahirkan korporat bumiputera. Kita juga mahu melahirkan usahawan bumiputera dan akhirnya kita juga mahu melahirkan dalam bentuk IKS yang kecil dan sebagainya kerana ini merupakan majoriti kepada penduduk kita supaya keseluruhan ini harus bergabung dalam bentuk kualiti supaya akhirnya dengan cepat kita dapat memenuhi tuntutan 30% sasaran ekuiti bumiputera ini.

Sebab itu dalam hal ini saya berharap kerajaan dapat membuat satu pendekatan modus operandi dalam gerakan baru supaya misi nasional yang

dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat dijayakan. Terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Muar.

11.48 pagi.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya seperti rakan-rakan yang lain ingin mengalu-alukan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada saya mempunyai kelainan dan kekuatan yang tersendiri. Beliau dengan tegas menggariskan teras-teras dalam usaha untuk mencapai hasrat Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya tidak mahu mengulang tentang teras-teras yang telah dibangkitkan yang telah dibentangkan. Cumanya yang saya ingin kongsi, tindakan kerajaan untuk memperkukuhkan pembangunan modal insan merupakan satu perkara yang amat penting. Satu perkara yang paling besar yang pernah dibuat oleh kerajaan untuk kita mencapai kejayaan perancangan yang dikemukakan tadi.

Dan saya juga merasakan bahawa pelaburan yang sangat bijak yang telah dibuat oleh kerajaan kerana modal insan yang telah dinyatakan itu boleh mengisi segala bentuk prasarana yang telah dibangunkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun seperti yang telah disebut dengan panjang lebar oleh rakan-rakan di dalam Dewan ini, saya ingin menyentuh tentang perkara penerangan. Saya merasakan bahawa penerangan ini sangat penting, penerangan perlu disampaikan dari atas sampai ke pelosok tanah air. Penerangan perlu memainkan peranan yang lebih besar daripada apa yang kita lakukan hari ini. Penerangan perlu kita selaraskan kerana penerangan pada saya bukan sekadar penyiaran.

Kementerian Penerangan perlu menjalankan kerja yang lebih daripada melihat kepada bentuk penyiaran semata-mata sama ada di dalam bentuk media elektronik atau media bertulis. Sebab itu perkara-perkara yang pernah disuarakan oleh kerajaan sama ada dalam soal Islam Hadhari, Modal Insan, Perpaduan dan satu masa dulu tentang PPSMI, perlu diberi penjelasan supaya ia benar-benar difahami di peringkat akar umbi kerana kalau gagal kita memberi penerangan ini maka di bawah akan sedikit berkecamuk dan pihak-pihak berkepentingan akan cuba untuk menyucuk di bawah supaya agenda yang cuba dibuat oleh kerajaan ini.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih sahabat saya daripada Muar. Apakah Muar ingin mengetengahkan pandangan bahawa selain daripada program-program yang dibuat seperti TV3 umpamanya rancangan Bersamamu, 999, RTM Debat Perdana, masih belum cukup tentang untuk memberi penjelasan dasar-dasar kerajaan supaya rakyat di semua peringkat benar-benar memahami selain tanggungjawab agensi kerajaan itu sendiri untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Apakah Yang Berhormat bagi Muar bermaksudkan supaya dilebarkan lagi program seperti ini supaya lebih menarik rasa tanggungjawab dan peranan masyarakat, semuanya pada keseluruhan. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut. Kementerian Penerangan melalui siri-siri program di TV1 RTM1 dan RTM2 telah memainkan peranan sebaik mungkin untuk mendekati masyarakat kerana kita tahu hari ini bukan sekadar kita sahaja Ahli Parlimen terpaksa melihat kepada media elektronik untuk mendapatkan maklumat, terpaksa membaca surat khabar untuk mendapatkan maklumat tetapi apa yang saya maksudkan, pelebaran tugas itu bukan sekadar kepada dalam bentuk penyiaran. Ia perlu digunakan dari semua agensi kalau hari ini kita kata Islam Hadhari itu perlu kita laksanakan dengan terbaik kita minta semua rakyat terlibat Kementerian Penerangan perlu memainkan peranan supaya Islam Hadhari ini tidak diterjemahkan oleh pihak-pihak mengikut fahaman masing-masing.

Begitu juga dengan modal insan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berulang-ulang kali sebut tentang modal insan tetapi penterjemahan di peringkat bawah kadangkala boleh mendatangkan salah faham dan kekacauan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih sahabat saya daripada Muar. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kita hari ini kita tengok kementerian kita berapa, 31 kementerian yang ada untuk menjaga rakyat di Malaysia. Insya-Allah rakyat akan dijaga dengan sempurnanya tetapi saya nampak hanya Kementerian Penerangan yang memainkan peranan dekat Islam Hadhari. Sedangkan Kementerian Alam Sekitar boleh menggunakan kerana dalam Islam Hadhari itu tercatat 10 tajuk yang kita hendak bertamadunkan Hadhari ini ataupun Hadhari ini supaya kalau tiap-tiap kementerian memainkan peranannya maka kita akan dapat lihat Islam Hadhari ini akan bergerak lebih cepat dan akan membuktikan kepada keseluruhan dunia Islam bahawa apa yang dibawakan oleh kita untuk mentamadunkan Islam ini akan lebih cepat.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya tiap-tiap kementerian boleh memainkan peranan mereka untuk mempercepatkan dan membuktikan kejayaan Islam Hadhari ini dengan kementerian-kementerian itu mempunyai *planning-planning* ataupun program-program Islam Hadhari. Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Muar?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Cadangan yang baik saya setuju. Sebab itu saya katakan tadi kementerian berusaha luas tetapi penyelarasan koordinasi di peringkat kementerian belum nampak terlaksana. Sebab itu Kementerian Penerangan perlu diberikan mandat untuk menjadi satu badan yang akan mengagihkan keputusan kerajaan kerana kalau tidak perkara ini tidak disahut dengan baik oleh kementerian-kementerian yang berkaitan dan akhirnya pemahaman masyarakat tidak sampai kepada apa yang kita harapkan. Sebab itu saya kuarir, Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan dengan panjang lebar dan begitu baik sekali jika tidak diterjemahkan dan tidak disampaikan dengan sempurna maka kita kuarir. Bukan sekadar sektor penyampaian itu penting tetapi penerangan, penjelasan yang tepat juga penting untuk diberi maklumat kepada masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebelum saya bertanya saya ingin mengalu-alukan rombongan daripada Sekolah Menengah Alam Megah, Parlimen Kota Raja. Soalan saya, sebenarnya kita telah menyatakan ketidakpuasan hati kita dari segi penyelarasan antara kementerian. Jadi oleh kerana itu dalam konteks penerangan ini apakah pendapat Yang Berhormat supaya Kementerian Penerangan sendiri mengambil satu inisiatif untuk menubuhkan satu jawatankuasa di antara semua jabatan supaya penerangan berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga projek-projek yang lain dapat diperjelaskan kepada rakyat dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tentang jawatankuasa ini saya ada sedikit kerisauan sebab terlalu banyak jawatankuasa kita tubuhkan dan dianggotai oleh orang yang sama dan untuk mengambil orang ini hadir dalam satu mesyuarat jawatankuasa ini saya takut berlaku kelewatan. Pada saya, keputusan ini keputusan jemaah menteri, Menteri Penerangan ada dalam mesyuarat jemaah menteri, semua menteri kena akur bahawa Kementerian Penerangan perlu melaksanakan dalam apa juga keadaan. Sebagai contoh, kejayaan kita memberi penjelasan tentang kenaikan isu harga minyak telah berjaya disampaikan dan telah disahut oleh semua lapisan masyarakat, telah disampaikan oleh agensi kerajaan, oleh kementerian.

Jadi kejayaan untuk memberi penjelasan telah mengekang tindakan-tindakan sesetengah pihak untuk mengganggu-gugat keputusan kejayaan. Ini contoh yang baik yang perlu kita laksanakan dari semua kementerian faham dan ia dilaksanakan kerana mereka tahu ini penting. Ini keputusan jemaah menteri, ini perlu dilaksanakan dengan segera tetapi malang sekali ada perkara-perkara lain seperti Islam Hadhari yang

disebutkan seperti Kempen Budi Bahasa, tidak dilaksanakan dengan sempurna oleh semua kementerian.

Saya ingin mencadangkan di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan saya tercah-cari adakah kita boleh masukkan bahasa kebangsaan sebagai teras kepada kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini perlu disahut oleh semua kementerian. Jangan ada kementerian nanti masih berurusan dalam bahasa Inggeris. Saya tengok di negara kita ada pembentangan mesyuarat yang dihadiri oleh semua orang Malaysia, menteri masih bercakap dalam bahasa Inggeris. Di manakah kedudukan ketuanan bahasa Melayu? Ini jati diri, ini semangat sayangkan kepada negara dan saya ingin mencadangkan kepada kerajaan jadikan bahasa kebangsaan sebagai *pillar*, sebagai teras kepada mencapainya Rancangan Malaysia Kesembilan supaya pembangunan masyarakat, modal insan sayang kepada negara, sayang kepada negara, sayang kepada bahasa dapat dijadikan juga pencapaian di dalam rancangan ini.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat. Bercakap tentang Islam Hadhari ini, kerajaan telah memberi penekanan kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi penekanan yang cukup hebat tentang Islam Hadhari dan negeri Terengganu telah menyambut baik perkara ini dan telah bergerak mengambil perjalanan. Tetapi saya percaya dalam masa yang sama ada sesetengah pihak yang cuba memutarbelitkan perkara ini sampai ke peringkat akar umbi sehingga ramai yang terkeliru. Dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Muar, sejauh manakah Islam Hadhari ini konsep dan juga pendekatan ini sudah benar-benar sampai ke peringkat akar umbi yang telah digerakkan oleh pihak kerajaan sehingga sekarang. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Maafkan saya bila saya kata yang keliru ini kita sebab penyampaian itu tidak sekata. Kalau kita boleh nyatakan dengan jelas oleh semua peringkat dengan sekata dan senada. Insya-Allah masyarakat akan faham sebab itu saya mengambil contoh isu kenaikan harga minyak, tidak ada masalah semua orang faham. Tetapi dalam isu Islam Hadhari mungkin penjelasan, penaksiran dan pemahaman itu agak berbeza, maka pemahaman di bawah juga berbeza. Sebab itu saya ingin menyatakan di sini Kementerian Penerangan mahu memberi.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, saya cukup amat tertarik bila disebut oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi tentang permasalahan ini dan saya kira kita juga berkongsi rasa kekusaran tadi iaitu satu konsep yang besar itu yang tidak sampai turun ke bawah. Kadang-kadang makna tentang konsep itu tidak difahami oleh semua orang. Satu lagi pendekatan yang kita buat ialah pendekatan yang bersifat serpihan, ertinya *piecemeal treatment* dengan izin. Ertinya tindakan kita tidak bersepadu. Saya ingin mencadangkan di sini supaya aktiviti dan agenda besar seerti Islam Hadhari ini harus merentasi semua kurikulum, harus merentasi semua agenda kementerian-kementerian yang ada. tidak pula diambil *treatment* secara serpihan, yang ini sahaja buat JAKIM sahaja buat tetapi bahagian lain JKR misalnya, Alam Sekitar tidak mengambil peranannya.

Sebab saya kira 10 cabaran dalam Islam Hadhari itu mencakupi semua kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat supaya konsep bersepadu, tindakan yang bersepadu ataupun disebut sebagai *holistic approaching* sebagai agenda yang besar dalam usaha kita hendak merealisasikan rancangan yang besar, Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Terdapat juga kekusaran sebenarnya, Yang Berhormat bagi Muar, apabila peringkat akhir kertas perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, Timbalan Perdana Menteri kita mengatakan bahawa ia amat bimbang sekali, takut-takut sekiranya Rancangan Malaysia Kesembilan menjadi satu fatamorgana katanya, a *mirage* katanya. Cita-citanya baik sekali tetapi dari segi pelaksanaannya.

Demikian juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dengan keadaan yang sendunya, dengan keadaan yang hibanya, mengharapkan supaya

pelaksanaan itu benar-benar ikhlas datang daripada hati, bukan sekadar tampalan sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya rasa Yang Berhormat begitu faham apa yang saya hendak nyatakan mengikut kata-kata tadi dan saya rasa kerajaan juga faham kerisauan kita bagaimana kita hendak memberi faham kepada semua apa yang hendak kita buat supaya pelaksanaan itu dapat dijayakan. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya terkebelakang sedikit. Penerangan ini perlu kita selesaikan dahulu. Kalau semua faham, maka pelaksanaan insya-Allah dapat kita patuhi seperti apa yang telah dibangkitkan. Sebab itu saya ingin beralih kepada...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua, Yang Berhormat bagi Ledang dan Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hendak bantu, hendak bantu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ledang dulu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Muar, dalam daerah yang sama. Saya amat bersetuju dengan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi sebab kita berdepan dengan satu dilema di mana penerangan yang sejelas-jelasnya dalam sesuatu perkara, isu dan sebagainya tidak sampai ke bawah. Sedangkan kalau kita lihat dalam sebuah kementerian ada menteri, ada dua timbalan menteri, ada setiausaha parlimen, ada ketua setiausaha kementerian, timbalan ketua setiausaha dan sebagainya tetapi nampaknya maklumat tidak sampai ke bawah. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Muar tentang perkara yang saya sebutkan tadi dari segi kepimpinannya cukup, sumber manusianya cukup tetapi maklumat tidak sampai ke bawah sehingga melibatkan kementerian-kementerian lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan tajuk ini, saya bagi Yang Berhormat bagi Pasir Mas untuk beri pandangan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat, Yang Berhormat bagi Muar. Saya tertarik dengan perbincangan yang telah dibuat oleh sahabat-sahabat kita tentang Islam Hadhari dan permasalahan-permasalahan yang timbul selepas daripadanya. Apa yang saya kira yang menjadi masalah sekarang ini kalau kerajaan bincang daripada peringkat awal suatu permasalahan, suatu isu yang begitu besar yang membabitkan negara, apa salahnya kerajaan menjemput sama wakil-wakil daripada parti-parti pembangkang khususnya PAS, setidaknya dengar pandangan masing-masing sebelum daripada mengeluarkan Islam Hadhari dan tajuk-tajuk daripadanya sehingga tidak ada tuduh-menuduh di antara satu sama lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tadi saya dengar dan masyarakat dan Ahli Parlimen ini mendengar bagaimana Yang Berhormat bagi Jelebu yang memakai pakaian yang telah pun digazet oleh Parlimen tetapi dibangkit lagi oleh *backbencher*. Kalau pakaian yang kecil itu pun dibangkit oleh *backbencher*, bagaimana Islam yang besar? Tidak pernah dikemukakan kepada ulama-ulama serantau, ulama-ulama tempatan dan ahli-ahli fikir.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Parlimen belum gazet lagi, baru Kabinet.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi bagaimana yang sekecil itu dibincang di sini mengambil masa sebegitu lama, sedangkan Islam yang begitu besar tidak dibincang di peringkat awal dengan menjemput alim ulama dan berbagai-bagai cendekiawan yang berada di negara kita. Apakah tidak ada yang cerdik di kalangan orang lain? Cuma Perdana Menteri sahaja yang cerdik. *[Disampuk]* Soalan saya, apakah pandangan Yang Berhormat kalau saya katakan sekarang tidak terlewat, panggil pimpinan-pimpinan parti, PAS kita panggil, UMNO kita panggil, ulama-

ulamanya kita panggil dan kita mencari kata sepakat supaya rakyat di bawah tidak akan menjadi sesuatu yang menjadi masalah kepada mereka.

Kalaulah pimpinan-pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi bersama duduk semeja dengan Mursyidul Am PAS, duduk semeja... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bukan berhujah, ini pandangan ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Muar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Pandangan saya jelas, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita rasa perkara ini penting untuk negara kita, tidak perlu dijemput. Saya akan tetap beri pandangan kalau saya tidak dijemput pun. Kalau ini penting untuk dilaksanakan demi kebaikan negara saya, saya akan beri pandangan saya tanpa diminta. Saya akan beritahu had dan batasan yang saya ada, saya akan sampaikan kepada kerajaan. Ini bukan soal sama ada saya dapat *mileage* ataupun pujian.

Saya rasa ini yang terbaik untuk negara saya, saya akan beritahu kepada kerajaan. Tidak timbul soal sama ada saya dilibatkan atau tidak, kerajaan ada sistem pentadbirannya. Mereka akan melaksanakan tugas yang diberikan oleh rakyat, mandat yang diberikan untuk mencapai aspirasi tersebut. Mana mungkin dia dapat jumpa dengan semua orang. Tetapi kalau semua orang ini rasa perlu memberi pandangan balas, saya rasa tidak ada halangan di peringkat kerajaan untuk menerima pandangan-pandangan yang baik. Cuma jangan kita ada kepentingan, jangan kita ada matlamat yang tertentu.

Sebab itu saya ingin beralih kepada satu lagi perkara dalam kita merangka...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gerik, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Ya, boleh? Sebab perkara yang Yang Berhormat bagi Muar sebut tentang mendaulatkan bahasa itu sesuatu yang cukup penting dan dekat di hati saya tetapi jarang diperkatakan. Kita ini rasanya seperti suka sangat meminjam dan makin lama makin hari, makin banyak yang kita pinjam dan apa yang ada pada kita, kita ketepikan. Lihatlah Putrajaya itu dengan namanya precinct, namanya parcel, padahal banyak nama lain dan iklan menjadi advertensi, apa benda itu, banyak lagi. Jadi bagaimanakah agaknya, apakah usaha kita untuk meletakkan dan mendaulatkan bahasa kebangsaan ini kembali kepada landasannya yang asal? Saya minta pandangan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih. Saya pun hendak beralih kepada tajuk tersebut. Saya rasa tentang advertensi, kita mengalu-alukan keputusan TV3 menukar kepada iklan sekarang ini kalau kita tengok. Tetapi pada saya itu tidak cukup. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Gerik, dalam kita melaksanakan satu *philosophy* Rancangan Malaysia Kesembilan, ini bukan Belanjawan Negara, ini masa depan negara dalam tempoh masa lima tahun adalah masa yang paling sesuai untuk kita memasukkan elemen bahasa kebangsaan sebagai salah satu teras.

Sebab itu kita tengok kadang-kadang kita sendiri keliru. Kalau di Kementerian Belia dan Sukan, kita diberi maklum ada satu kempen *Cari Champion*. Yang buat ini agensi kerajaan. Kementerian Kesihatan pernah cakap *Sure Sihat*. Yang buat ini agensi kerajaan. *Sure Sihat*, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, itu yang dikatakan setengah belut, setengah ular ini. *Cari Champion* itu pun begitu juga dan yang buat ini kerajaan. Kenapa kerajaan sendiri tidak mematuhi perkara yang kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan *Sure Heboh*, Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *Sure Heboh* sudah tukar, Jom Heboh. Ha, baguslah itu. Inforia – infotainment.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, kita ucap tahniahlah kepada TV3, sekurang-kurangnya mendahului Kementerian, Kementerian Belia dan Sukan terutamanya. Jadi saya pun setuju dengan Yang Berhormat, kita mintalah Kementerian Belia dan Sukan ini supaya lebih sensitif terutama kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Muar sudah bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi, bagi, dia memang bagi, Yang Berhormat. Kita mintalah supaya Kementerian Belia dan Sukan ini lebih sensitif ke atas peranan untuk menjadi *role model*, dengan izin, model contoh kepada belia-belia, terutama sekarang kita tengok tidak selesai lagi masalah GPMS ini, sampai dua kepala ini macam mana. Takkanlah hendak kita desak supaya dua-dua mengundurkan diri. Kalau kita cadangkan dua-dua mengundurkan diri, sudah tentulah akan ada prasangka. Jadi inilah. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas kata tadi, pelaksanaan. Kita bagi peluang kepada mereka ini pun, seluas mana lautan dalam sekalipun, kerja dia hendak hentam kita sahaja. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya setuju tentang perkara yang dibangkitkan tentang belia, boleh kementerian jawab apakah perancangan kementerian sebenarnya. Tetapi dalam kita membentuk generasi belia, kita kena ada rasa satu tanggungjawab. Cari *Champion* bukan susah sangat hendak cari perkataan lain, Cari Juara. Bukan susah pun. Tetapi kalau kita sendiri memberitahu kepada rakyat boleh guna Cari *Champion*, maka rakyat akan guna. Sebab itu saya kata, Kementerian Penerangan perlu memainkan peranan yang lebih besar daripada apa yang ada hari ini kerana dalam minda masyarakat akan dimasuki perkara-perkara yang kita beritahu.

Kalau kita tidak bertanggungjawab dalam memberitahu, maka kita lahirkanlah satu bangsa yang tidak bertanggungjawab kepada bahasa ini. Sebab itu saya ingin memberi penjelasan yang lebih besar tentang bahasa. Saya minta Ketua Setiausaha Negara dapat mengeluarkan pekeliling supaya semua surat-menyurat di antara agensi swasta dan kerajaan, buat dalam bahasa Malaysia. Kalau pun mereka tidak tahu untuk tulis bahasa Malaysia, bagi kepada Institut Terjemahan Negara supaya dia dapat berniaga sedikit. Sebab kalau kita tengok profil syarikat hari ini semua bahasa Inggeris.

Kalau kita pergi ke negara Jepun, pemimpin negara dia boleh bercakap bahasa Inggeris dengan baik tetapi dalam acara rasmi, dia akan adakah satu penterjemah. Kita di sini bukan pakai penterjemah, bercakap dengan orang Malaysia pun kita cakap bahasa Inggeris. Jadi di manakah ketuanan bahasa Melayu? Di manakah ketuanan Bahasa Kebangsaan? Ini kerajaan kena jadikan, ambil kesempatan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai salah satu usaha untuk kita membentuk sebuah negara, apabila kita bercakap tentang modal insan, bahasa ini merupakan satu elemen yang boleh kita ambil pakai dalam menyatupadukan masyarakat.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan isu bahasa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat. Cuma satu perkara, apa pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pemakaian dalam Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo dalam dokumen-dokumen yang difaillkan di mahkamah, adakah ini patut kita masih lagi lakukan sedangkan kita sudah 49 tahun merdeka. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Pandangan saya, semua agensi kerajaan yang ada dalam negara kita patut mencontohi Dewan ini, Dewan Parlimen, dewan yang tertinggi. Dewan ini merupakan satu dewan yang begitu menghargai dan mengangkat bahasa Malaysia kepada tahap yang tertinggi. Kita tidak cakap bahasa Inggeris. Kalau hendak cakap pun, kita minta izin. Jadi kalau di Parlimen ini kita boleh buat, kita boleh menghormati, saya tidak nampak kenapa di bahagian-bahagian yang lebih bawah tidak boleh menghormati Bahasa Kebangsaan.

Apakah kita tidak boleh cakap bahasa Inggeris? Saya rasa sebahagian besar daripada kita ini lebih pandai bercakap bahasa Inggeris daripada bahasa Malaysia. Tetapi sebab rasa hormat kepada bahasa dan pentingnya bahasa itu dimartabatkan, maka hari ini kita tengok semua, walaupun ada sebahagianlah sudah berpuluh tahun pun tidak berapa hendak tahu tetapi dia cuba juga cakap bahasa Malaysia. Tetapi ini perlu kita hormati – Dewan Rakyat, Dewan Negara, Dewan Parlimen merupakan badan tertinggi negara masih menggunakan bahasa Malaysia. Sama ada kita sedar atau tidak, ini badan tertinggi tetapi mendaulatkan bahasa.

Sebab itu saya ingin menyarankan sekali lagi sebelum saya beralih, Tuan Yang di-Pertua, jadikan bahasa Malaysia ini, ambil kesempatan yang ada dalam kita merangka ke mana kita pergi lima tahun dari sekarang dan letakkan bahasa Malaysia di tempat yang sepatutnya.

Yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih. Dalam kita merangka perbelanjaan lima tahun dari sekarang dengan pengumuman RM200 bilion campur RM20 bilion dalam bentuk PFI, saya yakin kerajaan ada duit, tetapi saya ingin mencadangkan dalam kita menggunakan cara biasa untuk mendapatkan pendapatan negara, saya ingin mencadangkan satu perkara yang baru.

Yang pertama, kerajaan akan mendapat pendapatan daripada cukai (tax) – naikkan cukai, maka pendapatan akan meningkat kepada kerajaan. Tetapi cara ini tidak popular. Kedua, turunkan subsidi – kalau kita turunkan subsidi tidak kena pada tempatnya, juga keputusan tidak popular walaupun mendatangkan pendapatan kepada negara. Ketiga mungkin kita banyak keluarkan lesen-lesen supaya orang yang memohon membayar dan kerajaan dapat mengutip keuntungan. Tidak berapa popular jika kita salah guna.

Tetapi ada satu lagi cara yang saya rasa boleh dipertimbangkan iaitu dengan mengurangkan ekuiti kerajaan dalam syarikat-syarikat GLC. Saya tidak nampak kenapa kerajaan perlu memegang saham sampai 70% dalam sesetengah syarikat kerana perkara ini menyebabkan kerajaan berniaga. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mencairkan pegangan syarikat-syarikat tertentu tetapi memegang *golden share*, dengan izin. Maknanya kerajaan masih lagi memegang kuasa kepada syarikat-syarikat GLC ini tetapi mencairkan ekuitinya kepada syarikat-syarikat bumiputera atau individu-individu bumiputera dengan syarat mereka memegang ekuiti, bukan memegang pengurusan. Pengurusan masih kepada kerajaan supaya kepentingan rakyat kepada syarikat-syarikat *utilities*, dengan izin – api, air, perkhidmatan – tetap terbela.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang hendak pergi kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Memang kita lihat pada hari ini banyak syarikat bumiputera yang berkemampuan seperti Yang Berhormat bagi Indera Mahkota, sebagai contohnya. Sebagai contohlah, Yang Berhormat bagi Titiwangsa mungkin ada, banyak! Tetapi masalahnya ialah seolah-olah mereka melihat bahawa terlalu rendah sangat kalau diberi ekuiti ini kepada syarikat-syarikat bumiputera yang ada. Padahal berapa banyak syarikat yang boleh terselamat daripada pegangan ini terlepas kepada rakyat asing.

Kalau katakanlah sebuah syarikat bumiputera itu tidak dilihat zahirnya tidak mampu, kita boleh konsortiumkan mereka, disatukan. Kalau bank kita boleh gabungkan, saya tidak nampak kenapa syarikat-syarikat bumiputera boleh digabungkan menjadi satu imej negara kita supaya sasaran kita pada 30% Dasar Ekonomi Baru itu akan tercapai. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya setuju dan saya suka sebab pandangan saya itu diterima oleh rakan-rakan. Sebab itu saya fikir kalau kita boleh bagi kepada syarikat atau individu, bukan memberi individu itu menjaga syarikat Government Link Companies hanya sebagai pegangan, mereka menawarkan harga yang sesuai, kerajaan jual, kerajaan dapat duit, kerajaan masih menjaga kepentingan syarikat dan orang ramai tetapi dalam masa yang sama kita dapat melahirkan lebih ramai bumiputera kepada pegangan kaunter-kaunter blue chip ini yang mana ada hasil, dan yang mana dapat memberikan keuntungan kepada bumiputera. Sebab itu kalau hari ini kita tengok, kalau dikatakan 18 peratus pegangan bumiputera saya nampak

bumiputera banyak melabur dalam amanah saham, dalam syarikat-syarikat pegangan kerajaan yang dipegang oleh kerajaan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya tidak rasa itu sebagai pegangan bumiputera tetapi itu pegangan kerajaan bagilah kepada bumiputera, individu yang kaya, yang banyak duit bagi dia pegang supaya akhirnya syarikat-syarikat bumiputera ini dengan modal saham yang ada dapat lebih maju dan kerajaan dapat duit. Ya, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya mendengar ucapan dari Yang Berhormat bagi Muar, memang saya tertarik dengan cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi Muar ini mengenai cara kerajaan untuk mendapatkan lebih banyak pendapatan. Cadangan itu mungkin satu kelebihan dan kelemahan iaitu memberi dan menjualkan ekuiti, *Government Link Companies* kepada syarikat ataupun individu bumiputera kerana di manakah mekanisme kita untuk mengawal bahawa ini tidak akan pergi ke tangan yang ... ataupun jatuh kepada orang-orang lain, di mana mungkin ekuiti bumiputera akan berkurangan di masa yang akan datang. Selepas itu kerajaan pula kembali untuk membina sekali lagi mengenai ekuiti itu. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Muar.

Yang kedua, saya membuat satu cadangan bahawa Petronas sebagai sebuah syarikat gergasi di negara kita ini, tidak bolehkah Petronas beri lebih sedikit dividen kepada kerajaan kerana Petronas ini iaitu *major shareholders* dia adalah kerajaan. So, apakah cadangan atau pandangan Yang Berhormat bagi Muar mengenai kita mendesak Petronas ini memberikan lebih banyak lagi dividen kepada kerajaan supaya pendapatan kerajaan dapat ditingkatkan, maka pembangunan negara dapat diteruskan, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Muar?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya rasa kita boleh kenakan pelbagai sekatan, selama ini pun kita akan kuota bumiputera kalau di syarikat yang disenaraikan di bursa saham, mereka tidak boleh lupuskan tanpa kelulusan, yang saya ingin sampaikan kerajaan perlu memberi peluang kepada bumiputera terlibat. Yang pertama.

Kerajaan masih menguruskan syarikat *Government Link Companies* dan saya tidak mahu *Government Link Companies* ini dibebaskan terus kerana ada kepentingan-kepentingan yang terpaksa kita pertahankan. Tetapi kalau kerajaan berniaga dia bersaing dengan syarikat bumiputera, tetapi kalau syarikat bumiputera ini ada pegangan sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan ...

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]: Penjelasan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sekejap, sekejap sahaja, dana-dana amanah saham. Kalau kita tengok hari ini Amanah Saham Bumiputera sahaja yang dihadkan, kenapa pegangan yang sudah tentu orang bumiputera hanya dihadkan kepada 200,000 tetapi Amanah Saham Wawasan, Amanah Saham Didik tidak dihadkan. Kita boleh masuk seberapa banyak yang mungkin tetapi Amanah Saham Bumiputera yang kita tahu memberi pulangan yang besar kepada pemegang saham, kepada pelabur, dihadkan kepada 200,000 bukan sahaja biar lebih ramai orang bumiputera melabur dalam Amanah Saham tersebut, sebab itu tadi saya penuh keyakinan untuk mempertingkatkan kecairan pendapatan kepada kerajaan perkara ini boleh dilakukan dengan syarat *golden share*, dengan izin masih dipegang oleh kerajaan dengan syarat perlantikan pengurusan *Government Link Companies* tersebut diberikan kepada kerajaan, mereka yang bumiputera hanya terlibat dalam pegangan ekuiti sahaja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, terima kasih. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Muar, yang mana cadangan itu sangat konstruktif, cuma apa yang berlaku Yang Berhormat mencadangkan supaya ekuiti dalam *Government Link Companies* dicairkan kepada bumiputera. Apa yang berlaku dalam Pantai Holdings itu telah dipegang oleh bumiputera dan telah dijual

kepada Parkway anak syarikat Temasek. Apabila kita tanya di sini menteri jawab, dia tidak ada kuasa kerana ini hak individu. Bagaimana boleh Yang Berhormat cadangkan sedangkan apa yang berlaku di luar batasan ataupun tidak ada kuasa kepada khazanah untuk menyekat penjualan itu, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak tambah apa yang disebut oleh Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak minta Yang Berhormat bagi Muar, kita jangan balik kepada kesilapan kita yang lama. Pada permulaan Dasar Ekonomi Baru dahulu kita sudah cuba kaedah ini dan banyak bumiputera yang berdaftar dengan MITI dan juga Kementerian Kewangan dia bagi *share* 20 lot, 50 lot, 100 lot dan banyak juga dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan bumiputera juga diberi peruntukan *pink form-pink form* ini dahulu. Akhirnya itu sebab kita lihat pada satu ketika, ekuiti bumiputera sudah naik sampai 20 lebih peratus, hari ini sudah menjunam balik 18 peratus kerana kita lihat ramai di antara kalangan kita yang ambil *fast money* dengan izin. Menjual ekuiti-ekuiti bumiputera yang mereka dapat. Akhirnya benda ini balik ke *square one*, cadangan itu memang cantik dan memang molek, kan lebih baik izinkan saya sedikit mencadangkan kepada Yang Berhormat bagi Muar, melalui Rancangan Malaysia Kesembilan ini bagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya dari Larut tadi.

Kita minta kementerian yang dapat peruntukan yang banyak dalam segi pembangunan ini mengagih-agihkan peluang-peluang perniagaan dan juga kontrak kepada seberapa ramai bumiputera yang ada sehinggakan mereka menjadi kuat, menjadi kaya, selepas itu baru pegangan-pegangan kerajaan diberikan kepada mereka. Kalau ini kita dapat buat saya kira ekuiti kita ini akan berkekalan, tetapi kalau hari ini dengan keadaan yang ada kalau kita cairkan pegangan-pegangan kerajaan ini kepada individu-individu bumiputera, mereka akan menjadikan satu daripada *vehicle* untuk mempercepatkan dan mengayakan diri mereka, dapat saham - jual dan akhirnya akan berlaku bagaimana yang disebutkan oleh Pengkalan Chepa tadi, kita tidak hendak peristiwa yang berlaku kepada Pantai Holdings ini berlaku lagi, yang mana syarikat bumiputera telah menjualkan kepada Parkway akhirnya bukan sahaja jatuh ke tangan bukan bumiputera, tetapi jatuh ke tangan mereka yang daripada negeri lain atau negara lain. Apa pendapat Muar?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya sebenarnya mendengar pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Jasin semasa membahaskan perkara ini dan saya setuju dahulu kita cari orang untuk kita kayakan. Cadangan saya ini lebih kepada bagaimana kerajaan boleh mencari pendapatan baru, kita boleh kenakan sekatan. Hari ini pun ada kata-kata di bawah syarikat yang telah berjaya jangan dibantu sebab itu saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kerajaan hari ini memutuskan untuk membantu terus syarikat yang telah betul-betul memberi komitmen dan yang telah memberi performance yang baik - terus bantu. Syarikat-syarikat ini mempunyai sumber kewangan untuk memegang saham kerajaan dan syarikat-syarikat bumiputera ini boleh kita berikan kepercayaan, kerana mereka akan terus mendapat keuntungan walaupun tidak mendapat projek kerajaan.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya belum habis jawab, tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kena gulung Yang Berhormat.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Tidak, saya setuju sahaja, terima kasih. [Dewan riuh dengan ketawa]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sama-sama. Sebab itu... beri saya sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kita boleh mengenakan sebahagian sekatan kepada syarikat-syarikat ini dan bukan yang kita cari. Mereka kena datang memberi penawaran, berapa banyak pada harga berapa mereka hendak beli pegangan kerajaan, sebab itu ini selaras dengan FDI, kerajaan memohon syarikat swasta untuk membantu pembangunan negara dan dengan cara membeli ekuiti ini juga pada saya boleh membantu hasrat dan perancangan kerajaan. Tetapi saya faham dalam kita

melaksanakan perkara ada orang ambil kesempatan, manusia tidak semuanya baik, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup baik, tetapi dia tidak boleh menganggap orang lain baik macam beliau. Orang ini berbeza, sebab itu yang kita persoalkan panjang lebar kita hendak buat A, orang di bawah buat B. Sebab itu perkara ini perlu kita halusi bagaimana kita boleh memastikan syarikat ini menawarkan diri mereka bukan kita memberi kepada bagi Jerai untuk memegang saham tersebut...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sebab kita tidak tahu dia ada kemampuan atau tidak, sama ada...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pun tidak minta, saya tidak minta, saya hendak tanya.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila, okey. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta penjelasan. Yang Berhormat, kalau kita kaji balik Rancangan Malaysia Kelapan kita ini macam Ketujuh dan sebagainya. Dasar Ekonomi Baru kita itu sudah patut sampai. Tetapi disebabkan oleh inflasi dan sebagainya, maka ia menurun dan menjunam begitu kuat sekali. Nasib baiklah kita ada badan-badan seperti PNB, Tabung Haji dan lain-lain agensi yang dapat mempertahankan kedudukan kita tidak merosot begitu teruk. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kita menghala ke arah mencapai 30 peratus, tetapi agensi kerajaan yang kita amanahkan ini harus benar-benar bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tugas dan amanah mereka ini akan mencapai matlamatnya.

Saya takut jadi macam UDA, yang diamanahkan untuk meletakkan bumiputera dalam kawasan bandar-bandar raya dan sebagainya. Akhirnya disebabkan oleh penipuan pengurusan UDA itu sendiri, maka UDA hari ini telah dijual dan hancurlah harapan bumiputera untuk bergayut kepada satu agensi kerajaan dan ada juga agensi-agensi lain, perbadanan-perbadanan kemajuan negeri. Sejauh manakah perbadanan-perbadanan kemajuan ini menjalankan tugas mereka Tuan Speaker untuk menjayakan matlamat kerajaan, ini persoalannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerajaan boleh bagi duit, kerajaan boleh tubuh agensi dan sebagainya, tetapi dari segi keamanan dan dari segi ketelusan pegawai-pegawai itu menjalankan tugas menjadi satu tanda tanya yang besar, yang belum boleh kita selesaikan lagi, bagaimana kita hendak mencapai dasar 30 peratus itu. Jadi ini bagi bagi Muar, bagaimana pandangan Yang Berhormat *input* saya ini bagus atau tidak bagus untuk Yang Berhormat ini. Berbunga-bungkan lagi untuk dijadikan satu iktibar kepada pegawai-pegawai Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pegawai-pegawai yang diamanahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Jerai, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sedap suara Tuan Yang di-Pertua, untuk diamanahkan menjalankan tugas-tugas itu, terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sila gulung, sila gulung.

Seorang Ahli: Perkasakan bahasa.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Mana boleh saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai, untuk menjawab saya rasa yang pertama mereka yang diberi amanah untuk menjaga *Government Link Companies* ini kena tahu, mereka yang hanya mengurus syarikat ini dan syarikat ini bukan mereka punya. Mereka mengurus sebab amanah yang diberikan oleh kerajaan. Saya ingin mengambil kesempatan, ada

dakwaannya kononnya kerajaan melantik kroni, melantik orang UMNO dan syarikat *Government Link Companies* sebagai *chairman* dan sebagainya.

Saya ingin menafikan sehingga hari ini tidak ada orang-orang politik. Kerajaan memilih orang yang benar-benar boleh menjalankan. Mereka melakukan *headhunting* dengan izin. Mencari yang terbaik, MAS baru-baru ini bukan ahli UMNO pun tetapi mereka yang terbaik yang kita rasakan. Cuma peringatan mereka hanya mengurus dan jangan sekali-kali mengingati bahawa *Government Link Companies* ini mereka punya. Yang kedua....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sedikit?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Untuk menjawab Jerai.... sekejap, sekejap. Yang kedua, mereka harus mempunyai pertimbangan bahawa dalam perniagaan saya setuju ada untung dan rugi tetapi dalam *Government Link Companies* bukan setakat untung dan rugi sahaja penting, peranan mereka dalam membentuk membangunkan bumiputera juga penting. Ini jangan sekali-kali lupa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah bagi jalan Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tidak payah bagi jalan? Saya, saya, saya.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya tambah perbadanan tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta perbadanan ini kaji baliklah sebab perbadanan kerajaan-kerajaan negeri ini ditubuhkan untuk membantu bumiputera bukan untuk mengaut keuntungan. Oleh itu kita minta supaya anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh perbadanan ini dikaji balik bukan untuk bersaing dengan bumiputera yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa pandangan Yang Berhormat supaya dikaji balik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila habiskan ucapan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju dan sudah pun disebut akan dijawab oleh pihak kementerian dan mereka sedar itu tanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi yang saya kena cakap juga pada hari ini. Iaitu tajuk lain tetapi saya kena cakap sebab ini diminta untuk saya cakap oleh ramai kawan-kawan. Tentang pelancongan, kita perlu selaraskan pelancongan negara, Malaysia ini negara kecil, infrastruktur kita baik dan jangan ada pertindihan, jangan bazirkan kos kita untuk membangunkan zoo di setiap negeri. Kita kena pastikan apa yang ada itu kita mantapkan contoh pelancongan, kita ada banyak pelancongan sukan, pelancongan perubatan, pelancongan pendidikan, pelancongan kebudayaan, Le Tour di Langkawi hampir hendak mati, itu sudah bagus kita besarkan lagi, *F1 power boat* sudah tidak ada lagi.

Jangan cari benda baru, buat apa yang ada sebab masyarakat perlu datang ke negara kita sebab itu kerajaan satu lagi kena sedar ada orang datang ke sini untuk beristirahat dan untuk bercuti. Bagus untuk negara tetapi ada orang datang sini untuk mengambil kesempatan. Negeri-negeri yang bersempadan dengan negara-negara jiran seperti Brunei, Singapura dan Thailand mempunyai masalah ini. Sebab itu saya mengalu-alukan tindakan kerajaan mengenakan sedikit bayaran, kalau tidak subsidi-subsidi yang kita berikan harga murah dalam negara kita akan melonjak hanya kerana mereka datang untuk meraih keuntungan bukan untuk melancong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Akhir sekali, untuk kenyataan, saya hendak tanya negara kita ini kadang-kadang baik sangat. Kenapa kerajaan menyediakan suatu persembahan untuk Indonesia selama lapan jam sebanyak lapan kugiran, sudahlah negara bagi kerja, bagi kehidupan, kita bagi lagi hiburan. Mengapa perkara ini boleh berlaku. Sebab itu saya rasa kerajaan perlu melihat tentang kepentingan negara lebih daripada kepentingan orang luar. Ini dalam maksudnya, fikirkanlah. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Permatang Pauh.

12.31 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan bertemakan 'Membina Tamadun Menjulung Martabat Negara' di Dewan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak, khususnya pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat yang telah bertungkus-lumus menghasilkan dan menyiapkan dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan tersebut. Melihatkan segala data dan perangkaan yang dibentangkan menunjukkan kajian secara komprehensif telah dilakukan oleh pihak-pihak terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, tema membina tamadun dan menjulang martabat negara adalah suatu tema besar. Justeru itu tugas untuk merealisasikan tema tersebut agar menjadi realiti juga amat besar dan bukanlah suatu tugas yang mudah serta boleh dilakukan dengan sambil lewa. Tugas tersebut memerlukan persiapan yang rapi selain kekuatan fizikal, ia juga menuntut kekuatan mental dan emosi yang tinggi serta keinginan politik yang tidak berbelah bagi.

Apabila dokumen RMK-9 dibentangkan, jelas sekali cabaran yang dihadapi oleh pemerintah bukan tentang bagaimana peruntukan RMK-9 mahu diagihkan dan kepada siapa harus diberikan. Cabaran utama ialah bagaimana pelaksanaannya mahu dilakukan oleh kerajaan bagi mencapai matlamat dan sasaran. Janganlah hendaknya dokumen RMK-9 ini dijadikan sebagai janji baru setelah RMK-8 gagal mencapai sasaran 37%. Pemerintah berhadapan dengan cabaran sosiopolitik yang lebih besar, yang diwarisi dari zaman penjajah. Persoalan yang berkaitan dengan kerukunan hidup setiap kaum yang sama-sama mewujudkan bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan meraikan Hari Kemerdekaan Ke 50 di dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada usia 50 tahun sepatutnya sudah ada asas kukuh untuk membina kegemilangan bangsa Malaysia. Perpaduan kaum dan persefahaman agama sepatutnya bukan lagi menjadi suatu masalah dan sudah lama dibereskan. Persoalan kemiskinan, jurang pendapatan dan pengagihan kekayaan sepatutnya sudah berjaya di atasi.

Pembentangan dokumen RMK-9 ini, sebaliknya telah mendedahkan bahawa kepincangan negara zaman awal tahun 70-an masih membelenggu dan memerlukan jangka waktu yang panjang untuk ditangani. Sudah 35 tahun kita bergelut dengan perbezaan jurang pendapatan antara kaum. Hal yang lebih dikesalkan ialah setelah begitu lama kita diyakinkan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah untuk membasmi kemiskinan, jumlah rakyat miskin masih pada tahap yang merunsingkan.

Kita menyangka DEB telah dapat mengatasi jurang tersebut. Malangnya bukan sahaja jurang antara kaum gagal diatasi, wujud pula jurang lebar antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Di kalangan bumiputera pula ketara sekali perbezaan di antara kelompok yang mendapat keistimewaan pemerintah dengan kelompok majoriti yang hanya mampu menjadi pemerhati.

Menurut kajian Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) ternyata Malaysia berada di tahap yang paling buruk di Asia Timur. Hal ini lebih ketara jika ditinjau keadaan di Sabah dan di Sarawak, Kelantan, Terengganu dan di beberapa daerah di Kedah, Pahang dan Perak.

Dokumen RMK-9 juga mendedahkan bahawa polarisasi di antara kaum masih kekal di peringkat sekolah, universiti dan tempat pekerjaan. Apa yang dipaparkan

seolah-olah segala usaha dan program interaksi kaum telah gagal mencapai sasaran dan matlamat walau pun ratusan juta ringgit telah dicurahkan ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya itu yang disedari oleh pemerintah, ia mestilah ditangani dengan segera. Faktor utama untuk menjayakan RMK-9 ialah kesediaan kerajaan mentadbir pengurusan kerajaan dengan cekap dan beramanah serta penuh bertanggungjawab. Harus diingat tanpa landasan tersebut, segala kerangka dasar yang lunak didengar tidak berupaya melakukan lonjakan kepada pertumbuhan yang diimpikan. Dasar-dasar perkauman sempit mestilah dihentikan dan digantikan dengan dasar-dasar yang menghormati insan sebagai ciptaan Allah S.W.T. yang mesti dilindungi maruahnyanya, hartanya dan darahnya.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian misi negara menjelang 2020, bergantung kepada andaian peningkatan produktiviti sektor awam dan sektor swasta. Unjuran kadar pertumbuhan 6% sehingga tahun 2010 dikira berdasarkan pertumbuhan pelaburan awam dan pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 11.2%. Kegagalan sektor awam mencapai sasaran produktiviti dan sebarang ketidakpastian pasaran akan menjejaskan pelaburan swasta. Ini akan menjejaskan sasaran pertumbuhan dan pencapaian objektif sosioekonomi.

Di dalam ucapan saya ketika membahaskan Kajian Separuh Penggal RMK-8 dahulu, saya telah membangkitkan tentang kegagalan RMK-8 mencapai sasaran produktiviti. Pada separuh penggal RMK-8, kadar produktiviti faktor keseluruhan - *the total factor productivity* dengan izin, yang dicapai ialah 25.5% berbanding dengan sasaran asal 37.2%. Ini menunjukkan bahawa keupayaan pengurusan dan penggunaan teknologi belum berjaya meningkatkan produktiviti perkhidmatan. Walaupun pada penghujung tempoh RMK-8 tahap produktiviti sedikit meningkat tetapi masih gagal mencapai sasaran. Saya berharap unjuran kadar produktiviti faktor keseluruhan bagi RMK-9 ini sebanyak 35.8% dapat dicapai. Sekiranya tidak, pelaburan berjuta ringgit meningkatkan keupayaan pengurusan dan pelaburan dalam teknologi seperti ICT menjadi sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, melihatkan tahap ekonomi Malaysia hari ini, keperluan menarik pelabur asing untuk memperoleh modal asing dan kepakaran serta teknologi tidak dapat tidak, mesti dilakukan. Malaysia dilihat kurang menarik kepada pelabur asing mutakhir ini. Alasan bahawa persaingan dari negeri China dan India tidak dapat kita terima. Ini justeru kerana negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Singapura kian berjaya dan mendapat tumpuan. Malah negara yang dilanda kemelut ekonomi yang dahsyat pada akhir 90-an seperti Korea Selatan telah berjaya memacu pertumbuhan yang lebih segar dan meyakinkan.

Bagi mengekalkan pelaburan swasta di dalam jajaran RM30 bilion hingga RM40 bilion setahun, kerajaan perlu bekerja lebih keras untuk meningkatkan iklim pelaburan negara. Tahap jurus tadbir yang tinggi di sektor awam dan swasta, kewujudan pekerja berpendidikan dan terlatih, kebebasan media dan sistem perundangan yang bebas dan adil merupakan prasyarat untuk menarik pelabur.

Galakan cukai dan insentif merupakan *final pull* bagi usaha ini. Saya masih ingat ada menteri yang telah menjawab tentang apa yang dibangkitkan oleh kami tentang hak asasi manusia. Menteri boleh menjawab, kompeni tidak mempedulikan hak asasi manusia sekiranya mereka mendapat untung. Apakah ini yang negara kita hendak ikuti? Untung sahaja dan saya dengar sebelah sana, sebelah BN sendiri mengatakan jangan untung sahaja. Jangan kita fikirkan hanya untung tetapi juga kepedulian rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pelan pembangunan RMK-9 telah mencadangkan zon pembangunan baru di antara Utara, Pantai Timur dan Selatan yang merentasi sempadan negeri. Pada waktu ini ketiga-tiga kawasan yang dicadangkan merupakan campuran kawasan bandar, pekan dan perkampungan yang sudah wujud beratus tahun bermula dengan kawasan penempatan semula jadi.

Cadangan zon pembangunan baru boleh membawa satu transformasi sosial dan fizikal yang besar. Cadangan tersebut memerlukan penelitian rapi supaya kawasan yang kini aman dan teratur tidak menjadi musnah akibat kerakusan pemaju dan kontraktor. Menyebut tentang ini, saya teringat mengenai subsidi yang telah ditarik dan apabila kerajaan mengatakan RM4.4 bilion ini akan digunakan untuk membuat kemudahan pengangkutan awam.

Saya teringat juga kawan-kawan kami di Sabah dan Sarawak yang mengatakan kalau inilah untuk mereka, apa yang mereka akan dapat kerana mereka tidak menggunakan subsidi yang diambil daripada mereka juga tidak mereka dapat merasa nikmat ini kerana apa maksud pembangunan awam kalau jalan pun tidak begitu betul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap cadangan rancangan pertanian baru dan bio-teknologi tidak dibuat tergesa-gesa sebagaimana pemerintah melancarkan projek Multimedia Super Corridor yang kini kita boleh umpamakan seperti indah khabar dari rupa. Walaupun saya sangsi dengan persediaan kerajaan, saya berharap kepakaran yang cukup berilmu dan berpengalaman di bidang yang diperlukan, ada sebelum wang sebanyak RM2 bilion untuk bioteknologi dibelanjakan.

Kita perlu akui kita berada di belakang negara Eropah, Jepun dan India di bidang bioteknologi. Di negara-negara tersebut produk bioteknologi pertanian, bioteknologi kesihatan dan pharmaceutical sudah lama mendapat tempat di pasaran. Kita sewajarnya membangunkan produk bioteknologi berasaskan sumber tempatan yang telah pun melalui proses penyelidikan, melalui institut penyelidikan dan universiti kita sendiri. Produk-produk inilah yang sepatutnya ditingkatkan pemasaran, pembungkusan dan penjualannya.

Seperti mana Yang Berhormat bagi Muar kata tadi, kita ada tetapi kalau *maintenancenya* ataupun kita tidak menjaganya sebagaimana Yang Berhormat bagi Muar mengatakan dari segi pelancongan - ini kalau sebelah sana pun kata, kami yang kata sudah lama ini, betullah itu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan asal RMK-8 iaitu sebanyak RM111 bilion telah ditambahkan sebanyak RM60 bilion iaitu tambahan sebanyak 55% untuk menjadikannya RM170 bilion. Alasan yang diberikan kerajaan terhadap tambahan tersebut ialah untuk menampung kos dan tambahan projek Rancangan Malaysia Kelapan. Kerajaan tidak pula mengakui bahawa wujudnya penyelewengan dan ketirisan. Saya tegaskan bahawa jangan pula nanti tambahan drastik juga berlaku pada peruntukan RM200 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerana jumlah ini begitu besar berbanding dengan jumlah asal RMK-8.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kementerian Kerja Raya begitu gembira dengan kelulusan senarai projek di bawah RMK-9 iaitu dua buah universiti, 409 buah sekolah, 8 buah hospital, jambatan dan monorel di Pulau Pinang, terima kasih saya datang dari Pulau Pinang dan beratus kilometer jalan raya cukup untuk diagihkan kepada kontraktor.

Sektor pembinaan khususnya pada infrastruktur dan utiliti telah mendapat peruntukan tertinggi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 23% daripada jumlah peruntukan bernilai RM43.8 bilion. Kali ini jangan sampai pisang berbuah dua kali. Kerajaan hendaklah memastikan peristiwa MMR2 tidak berulang lagi. Hampir tiga kali ganda wang dibelanjakan atas projek yang sama.

Kalau perkara seperti ini berlaku di negara lain, saya yakin kerusi Menteri sudah pasti dikosongkan. Berbeza pula di Malaysia, bukan sahaja Menteriya masih kekal, kejadian katanya. Tuhanlah pula yang dipersalahkan dan peruntukan yang tinggi dianugerahkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan nasib Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terpaksa menongkah arus dan berpatah sayap dalam usahanya untuk memerangi rasuah di dalam partinya dan rasuah di dalam kerajaan. Saya petik apa yang dikatakan, "Patah sayap bertongkat paruh, namun hasrat tak akan luntur". Janganlah tinggal hasrat sahaja, kita fikir-fikirkan tengok namun hasrat itu tinggal hasrat. Saya percaya Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Badan Pencegah Rasuah mempunyai maklumat yang lebih banyak mengenai perbuatan rasuah. Rasuah atas nama apa sekalipun dan dilakukan oleh sesiapa sekali pun tidak boleh dimaafkan.

Justeru sekali lagi saya menyarankan pihak kerajaan Barisan Nasional mestilah mempunyai kesetiaan, kesediaan mengkaji semula DEB yang terbukti gagal mencapai sasaran. Kerajaan mesti juga bersedia mengakui bahawa terlalu banyak penyalahgunaan kuasa yang memihak kepada kelompok kecil dan kepentingan keluarga. Seperti mana dengan AP, saham kontrak dan penswastan, agihan kepada

kelompok kecil dilakukan dengan menggunakan nama bumiputera. Fenomena yang berlaku di dalam syarikat seperti MAS dan Renong misalnya, berbilion ringgit telah digunakan bagi menyelamatkan syarikat tersebut juga atas nama bumiputera. Maka dasar pembahagian yang tidak adil ini dan hanya menguntungkan kumpulan kecil wajib dihentikan.

Kami mengusulkan agar pendekatan RMK9 dikaji semula dengan mengambil kira pendekatan pembasmian kemiskinan yang berkesan. Dasar yang lebih realistik yakni membina rangkaian niaga dan usahawan menengah hendaklah difikirkan secara mendalam kerana kita tidak boleh adakan. Dikatakan Melayu miskin, ada yang kelompok-kelompok orang Tionghoa yang miskin, ada kelompok orang-orang India yang miskin, Kadazan, Dusun yang di Sabah, di Sarawak, orang Asal, orang Asli. Ini semua mesti ambil kira kerana Perdana Menteri adalah Perdana Menteri semua rakyat Malaysia, bukan Perdana Menteri orang UMNO sahaja. RMK-9 melalui teras kelima itu iaitu untuk memperbaiki perkhidmatan awam, tidak terdapat apa-apa penyelesaian yang akan menamatkan permasalahan sistem ini. Dalam erti kata lain, tidak terdapat sebarang tindakan yang bakal dilakukan bagi memastikan ketelusan dan kebebasan dari rasuah.

Benar, dua institusi telah dinamakan iaitu Institusi Integriti Nasional dan Badan Pencegah Rasuah untuk bertindak memastikan pelaksanaan rancangan berlaku dengan baik. Namun dari segi realitinya, melengkapkan pegawai BPR dengan teknologi penyiasatan terkini dan komputer paling canggih tidak akan dapat membantu menyelesaikan masalah selagi badan tersebut tidak diberi kebebasan untuk bertindak. Malah di sebalik niat murni dalam menubuhkan Institut Integriti tersebut, persoalan yang timbul ialah bagaimanakah gejala rasuah dapat dihapuskan dengan ceramah dan seminar sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan bangsa Malaysia yang padu, saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan komited untuk mempertahankan kedaulatan negara merupakan objektif Rancangan Pembangunan Sosio-Ekonomi. Biar rancangan tersebut rancangan 5 tahun, 10 tahun 30 tahun objektifnya tetap sama. Sudah tiba masanya untuk kita mengamalkan satu agenda ekonomi baru yang berani dan saksama yang berteraskan prinsip-prinsip berikut:

- Membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum.
- Berpaksakan kepada keperluan bukannya keturunan.
- Membekalkan kaum bumiputera dengan kemahiran dan peralatan untuk bersaing dengan kaum lain serta memupuk semangat kerja keras dan hemat berbelanja tanpa pergantungan pada mana-mana pihak termasuklah polisi-polisi kerajaan dan kerajaan pula tidak melindungi mereka dari menghadapi persaingan.

Janganlah pula kerajaan hanya menganjurkan "Jom Heboh", "Sure Heboh", berpesta-pesta dan mengatakan "Melayu mudah lupa, hanya suka-suka". Tapi bercambah dengan program-program hiburan sahaja.

Mewujudkan sebuah kerajaan yang benar-benar telus dan berani ditegur, berani ditegur dan diperbetulkan dengan memberi kebebasan kepada badan-badan seperti BPR, badan kehakiman dan badan-badan penguatkuasaan dengan penyeliaan yang secukupnya untuk mereka melakukan tugas. Juga kerajaan berani ditegur, jangan pula kalau ditegur, ISA namanya. Juga kerajaan mesti mengamalkan sikap "kepedulian" sosial dengan pembangunan mapan dan mesra alam. Kita fikirkan mesra alam, alam dunia ini adalah satu, kalau kita merosakkannya memanglah kerosakan alam tidak akan membawa berkat dan generasi akan datang akan merasa akibatnya.

Saya yakin melalui prinsip-prinsip di atas dan dengan landasan pengurusan kerajaan yang cekap, beramanah dan penuh bertanggungjawab serta amalan yang mengutamakan "kepedulian" terhadap nasib rakyat, usaha untuk membina sebuah bangsa yang bertamadun akan mencapai kejayaan. Saya teringat doa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sebak dia mengatakan. Saya rasa bahawa Barisan dan semua kita rakyat mesti tolong Perdana Menteri kerana kita mahu martabat negara kita pasti terjuang dan lahirlah Malaysia yang aman dengan jiwanya sendiri dan dikagumi dunia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pontian.

12.52 tgh.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini saya juga ingin sama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk berbahas Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Sesungguhnya kita amat berbesar hati dan berbangga dan mengharapkan mudah-mudahan Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan dapat membawa negara dan rakyat kita ke satu tahap yang lebih baik daripada apa yang kita ada pada hari ini.

Saya juga berdiri pada pagi ini dengan harapan mudah-mudahan pandangan dan teguran yang ingin saya sampaikan ini dapat memperlengkapkan lagi perancangan yang ada. Ini saya kira adalah satu kesempatan di mana pandangan dan teguran dari pembangkang juga adalah sesuatu yang akan dapat diambil kira oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, dengan jelas teras yang kelima-limanya antara lain telah menyebut tentang soal meningkatkan nilai ditambah dalam pertanian. Rata-rata rakan-rakan yang telah berbahas sejak hari Isnin yang lepas menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam membangunkan sektor pertanian. Sama ada masalah yang timbul ini berpunca daripada peranan jentera kerajaan yang tidak berkesan, pendekatan yang diambil oleh agensi-agensi di dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang tidak dapat memenuhi harapan dan aspirasi rakyat sehinggalah kepada masalah yang dihadapi seperti penyalahgunaan, peluang-peluang yang telah disediakan oleh kerajaan sehinggalah kepada penyelewengan yang berlaku di semua peringkat, dalam kita mempergunakan dan memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Ini bererti bahawa perlu ada langkah-langkah yang ...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu, nak bagi jalan?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ada sedikit penjelasan yang kalau boleh Yang Berhormat terangkan kepada saya tentang cabaran sektor pertanian dan meningkatkan *change value*, dengan izin dalam sektor ini. Saya kira perkara yang cukup penting bukan sahaja dari segi masalah dalaman dalam negara kita tapi cabaran dari luar negara. Bagaimana Yang Berhormat lihat cabaran dari WTO, ataupun Pertubuhan Perdagangan Dunia, dan juga kawasan Perdagangan Bebas Asian itu sendiri ataupun disebut sebagai AFTA itu sendiri. Ketika mana tidak berapa lama lagi sekatan perdagangan dalam bentuk tarif atau bukan tarif semakin akan dimansuhkan ataupun dikurangkan.

Saya kira ini adalah merupakan cabaran yang begitu hebat sekali di mana mungkin kekuatan kita untuk berdaya saing dan berdepan dengan cabaran ini agak tidak dapat membawa kesan-kesan yang ke depan kerana kita agak lewat, bingkas dari segi mengorak langkah dalam sektor dan industri pertanian ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mungkin tajuk yang sama, pendek sahaja. Mengenai FTA, LTO ataupun FTA, saya dapati bahawa perbincangan terakhir dengan Australia dan New Zealand mengenai FTA sedang dijalankan dan tak lama lagi akan dimeterai. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebelum FTA dengan Australia dan New Zealand ditandatangani bahawa Parlimen patut diberi satu laporan yang lengkap bukan semacam FTA dengan Jepun yang ditandatangani tanpa Parlimen dimaklumkan mengenai isi kandungan yang dengan kesan yang begitu *far reaching*.. mengenai hak-hak negara kita. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa FTA isi kandungan, patutlah dikemukakan di Parlimen sebelum ia ditandatangani?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, adalah satu pandangan yang amat bernas sekali di mana kerajaan perlu mengambil kira faktor luaran dalam merencana usaha untuk mempunyai nilai tambah di dalam meningkatkan pencapaian kita dalam sektor pertanian. Walaupun dalam ucapan Yang Berhormat sendiri begitu menekankan soal global, tapi dalam segi pembangunan pertanian saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa cabaran luaran, permintaan pasaran di peringkat antarabangsa yang menuntut supaya pengusaha-pengusaha pertanian kita supaya dapat

meningkatkan kualiti dan juga meningkatkan dari segi kemampuan untuk mempunyai pengeluaran yang seragam dan berterusan merupakan cabaran-cabaran yang saya kira perlu dimasukkan sebagai keutamaan dalam usaha kerajaan untuk memastikan bahawa industri pertanian di negara kita ini terus berkembang maju.

Saya juga merasakan bahawa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu bahawa sesuatu hasrat kerajaan untuk bersetuju lebih-lebih lagi persetujuan yang akan dapat memberikan kesan yang begitu mendalam dan luas kepada rakyat negara ini haruslah terlebih dahulu dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya ianya dapat difahami dan juga dapat diketahui dengan mendalam akan segala perkara yang mempunyai matlamat. Dan juga saya percaya bahawa apa juga usaha yang dibuat oleh kerajaan adalah bertujuan untuk memberikan satu kebaikan kepada rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa membangunkan pertanian ini, kita perlu dilihat dalam perspektif yang baru. Kalau kita masih lagi berada pada tahap yang sedia ada, kita akan keliru akhirnya. Kita hari ni dalam sebuah keluarga, katakan keluarga itu memiliki tanah seluas 10 ekar. Kemudian apabila ketua keluarga mati atau meninggal dunia, maka waris-waris katakan anak mereka purata kalau kita ikut statistik, 4 orang sekeluarga yang nak mudah kira 5 lah. Katalah kita rakyat Malaysia pada hari ini dah lebih produktif, satu keluarga ada 5 orang anak.

Daripada 10 ekar, kita akhirnya difaraidkan tanah-tanah ini telah menjadi dua ekar sekeluarga. Sedangkan dasar pertanian, sedangkan pendekatan yang dibuat oleh kerajaan telah menggambarkan kepada kita bahawa kita memerlukan tanah yang luas. Hari ini pertanian harus dilihat sebagai kegiatan yang bersifat komersial yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Kalau tidak pertanian dan petani itu akan masih lagi disamakan dengan isu-isu yang bersabit dengan soal kemiskinan, yang bersabit dengan soal mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit tanya petanglah. Yang Berhormat boleh sambung sampai petang.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Pontian untuk menyambung perbincangan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbalik kepada perkara yang telah saya bangkitkan pada awalnya iaitu pada rumusannya memang terdapat *mismatch*, dengan izin ataupun perselisihan di antara akta kanun tanah dengan dasar pembangunan...

Tuan Yang di-Pertua: Salah padan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Salah padan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Salah padan, *mismatch*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengah hari tadi dekat satu jam setengah mencari istilah itu. Salah padan. Kenapa saya berkata demikian ialah berbalik kepada soal ketua keluarga itu memiliki 10 ekar tanah dan ada anak lima orang. Apabila ketua keluarga meninggal dunia mengikut sistem faraid dibahagi sama rata kepada anak-anak mereka. Selalunya bapa ataupun ibu itu hendak berlaku adil akhirnya daripada 10 ekar sudah menjadi dua ekar tanah. Maka kiranya 10 ekar kalau ditanam dengan katakanlah contoh sawit itu dapat memberi hasil RM5,000 sebulan. Tetapi apabila turun kepada waris anak-anak pula...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sedikit.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: ...tentunya ini akan mengurangkan pendapatan keluarga tersebut....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: ...malah menjadikan pertanian sesuatu yang tidak lagi bersifat komersial.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Memang sedap Yang Berhormat. Sedap kalau kita dengar macam sedap makan buah nanas.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Pontian adalah Lembaga Perusahaan Nanas...

Seorang Ahli: Negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Negara walaupun berpangkalan di Johor, tidak mengapalah. Masalahnya Yang Berhormat kita setuju untuk kita *commercialize*kan lagi segala hasil pertanian supaya petani-petani kita berdaya saing globalisasi mengikut arus peredaran zaman. Masalahnya ialah satu, kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan. Kemudahan ini termasuklah peruntukan, benih kadang-kadang dapat benih ini pun kambing-kambing kurus. Ya sungguh Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri memohon bantuan yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk petani saya. apabila sampai ke Jabatan pertanian di peringkat daerah datang lembu kurus tidak makan mati pula bila sampai.

Seorang Ahli: Astaghfirullah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bayangkan. Itu ternakan. Lepas itu pula Yang Berhormat, kalau kita setakat menjadikan ini sebagai alasan untuk bergantung kepada mengimport segala produk kita, ternakan kita, daging kita, sampai bila petani kita terutama sekali apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ingin melihat tenaga-tenaga muda ini dalam modal insan hendak dibangunkan. Apakah kita tidak ada lagi jalan lain? R&D kita setakat mana kita hendak hentikan masalah dan masalah. Sepatutnya kita mesti lihat walaupun kita terpaksa menanggung satu perbelanjaan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang penting bagi kita ialah ilmu pengetahuan. Teknologi yang perlu ada pada petani kita daripada kita hanya bergantung pada mengimport segala barangan daripada luar negara. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat yang juga Lembaga Pengarah Bank Pertanian. terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tahniah Yang Berhormat bagi Larut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kerap menguar-uarkan pendekatan merevolusikan pertanian. Saya percaya bahawa itu merupakan hasrat di mana penggembengan kerjasama daripada semua peringkat daripada pegawai, di peringkat kementerian sehinggalah kepada pertanian di peringkat negeri dan daerah merupakan tenaga-tenaga yang perlu memahami hasrat kerajaan untuk merevolusikan pertanian ini supaya perkara-perkara yang telah Yang Berhormat bangkitkan tadi itu dapat diatasi kerana kita akan berada pada kedudukan yang ada pada hari ini yang berpunca daripada kegagalan kita untuk menterjemah...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: ... usaha-usaha hendak menjadikan pertanian ini sebagai enjin ketiga pertumbuhan negara. Yang Berhormat bagi Jasin sebentar. Saya ada satu lagi perkara sebelum saya terlupa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Dalam akta tanah yang telah menjadi salah satu penghalang untuk memajukan pertanian di negara kita ialah dengan adanya pihak yang hari ini memohon satu kawasan yang luas yang pada peringkat awalnya bertujuan untuk membangunkan projek-projek pertanian. Tetapi apabila sampai satu masa dan ketika kawasan-kawasan tersebut di sekitarnya telah membangun kita dapat lihat di mana kawasan-kawasan yang dahulu merupakan kawasan pertanian hari ini telah bertukar menjadi kawasan-kawasan pembangunan seperti perumahan, kawasan-kawasan pembangunan perindustrian yang menyebabkan akhirnya bercanggah di antara dasar pertanian dan juga dengan akta pembangunan tanah sama ada dari segi akta tanah itu sendiri mahupun dari segi perancangan di peringkat kerajaan-kerajaan negeri.

Jadi saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan-kerajaan negeri ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah memperkatakan supaya kerajaan negeri jangan lokek hendak bagi tanah kepada program-program untuk memajukan kawasan pertanian di negara kita. Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin tanah menjadi masalah Yang Berhormat bagi Pontian ingin bicarakan. Tapi saya hendak melihat, kerana pada hari ini kita ada 17 universiti dan tiap-tiap universiti itu ada makmal-makmal R&Dnya. Selain daripada itu kita juga ada FRIM, kita juga ada MARDI. Kita ada banyak agensi-agensi kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja R&D. Malangnya, sudah hampir lebih 30 tahun, 40 tahun badan-badan ini tertubuh dalam negara kita tetapi hasilnya kata Yang Berhormat bagi Larut "hilek". Tidak ada lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi kalau kita lihat kita selalu bercakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap negara kita ini kaya. Memang benar. Semua tanaman dalam dunia ini 70% ada di dalam negara kita. Tidak guna kita keluar *outsourcing*. Benda dalam negara kita ini macam-macam boleh kita perbuatkan tetapi R&D-R&D ini tidak berjalan. Kita lihat macam contoh halia. Daripada halia sahaja kita boleh buat macam-macam perkara.

Saya pernah kemukakan dalam Dewan ini kita pergi ke Fiji satu negara ketiga yang miskin. Daripada buah kelapa sahaja dia boleh keluarkan lebih daripada 30 produk. Mengapa tidak kita pandang balik ke belakang. Saiz tanah tidak menjadi masalah tetapi kalau kita mengadakan R&D yang kuat melalui institusi-institusi yang telah ada dalam negara kita campur dengan ada yang baru yang hendak ditubuhkan macam kata lembaga jarak seperti Yang Berhormat bagi Arau katakan itu, saya kira masalah yang kita hadapi pada hari ini yang kita perkatakan pada hari ini untuk memperkasakan industri pertanian ini akan lebih cerah pada masa akan datang. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya minta izin hendak menggunakan sebahagian daripada ucapan saya itu dimasukkan bagi mengukuhkan alasan saya untuk mengesyorkan kepada kerajaan supaya yang hendak jadi petani ini biarlah petani. Hendak jadi pengusaha laut dalam biarlah mereka yang benar-benar tahu soal industri laut dalam, tahu soal perikanan, tahu tentang soal nelayan.

Ini oleh kerana dia sebagai pengusaha kapal maka dia layak memohon atau mendapatkan lesen menjalankan usaha laut dalam. Akhirnya daripada 50 lesen yang diberi hanya satu sahaja lesen yang digunakan yang selebihnya disewakan kerana mereka bukan sebenarnya nelayan. Mereka sebenarnya bukan pengusaha laut dalam sebab itu mereka tidak menghayati. Ada pemaju perumahan yang hendak menjadi pekebun menanam macam kata Yang Berhormat bagi Arau iaitu buah *dragon fruit* dengan izin. Dia pemaju perumahan tetapi oleh kerana agaknya hubungan mereka ataupun oleh kerana saluran yang ada untuk memberi dalam bentuk geran atau peruntukan maka jadi haruslah kerajaan melihat semula.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua pekebun, petani, nelayan ini didaftarkan terlebih awal, diberi kursus...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: ...diberi pendedahan macam kontraktor hendak jadi Kelas A ada dia punya kursus-kursus pengalaman ada dia punya kebolehan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Hendak jadi Kelas B lain. Jadi maka itu harus ada satu kaedah saya mengesyorkan kepada kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bera bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:supaya didaftarkan. Sila Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ke belakang sedikit. Saya berminat isu tanah yang semakin mengecil. Isu ini bukan merupakan isu baru bukan isu semalam. Isu ini sudah lama. Orang Islam meninggalkan harta dibahagikan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi daripada 10 ekar anak lima tanah menjadi dua ekar. Kalau anak yang tadi anak lima lagi akhirnya tanah akan menjadi semakin kecil dan semakin kecil.

Isu ini isu lama dan pihak kementerian sudah lama wujud dan sepatutnya pihak kementerian sudah lama memikirkan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Dan salah satu kelemahan yang ada di luar bandar sana ialah tanah tidak boleh dimajukan kerana masalah tanah yang kecil dan merupakan masalah pegangan harta dan sebagainya.

Jadi saya hendak tahu kepada Yang Berhormat, saya difahamkan Yang Berhormat ini Pengerusi Lembaga Nanas Negara, Ahli Lembaga Pengarah Bank Pertanian. Jadi adakah pihak Yang Berhormat mempunyai cadangan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini? Ataupun Lembaga Nanas mempunyai perancangan-perancangan tertentu untuk mengumpulkan tanah orang-orang kampung misalnya supaya boleh diusahakan tanaman nanas yang lebih besar dan sebagainya. Minta komen.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya difahamkan oleh Pengerusi Lembaga Nanas bahawa kebanyakan tanah-tanah yang ditanam dengan nanas di negara kita ialah tanah-tanah gambut. Tanah-tanah yang tidak sesuai ditanam dengan tanaman lain. Maka hampir 100 ribu hektar pada satu ketika dahulu sewaktu kita sebagai pengeluar nanas terbesar di dunia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya Pengerusi Lembaga Nanas itu siapa? Bukan Ahli Parlimen Pontian ke? Jadi tidak perlulah sebut difahamkan, sebut sahajalah.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Maka apabila pengeluaran ataupun tumpuan kita kepada pengeluaran nanas kita semakin menurun, maka hari ini tidak sampai 10 ribu hektar kawasan yang ditanam dengan nanas. Tapi Yang Berhormat ada peruntukan, ada geran dan sebagainya kalau kawasan Yang Berhormat itu terdapatnya kawasan-kawasan tanah gambut, saya kira peluang Yang Berhormat untuk mendapat geran daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia ini amat cerah sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belakang, kiri kanan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Pontian, Yang Berhormat bercakap mengenai bagaimana kita hendak memperkasakan sektor pertanian? Jadi ternakan juga merupakan satu daripada komponen sektor pertanian ini. Kita tahu Yang Berhormat bahawa ternakan terutamanya ternakan lembu dan kambing mempunyai potensi yang tinggi, oleh sebab kita pengeluaran kambing ini hanyalah 8% daripada keperluan negara.

Jadi yang saya dapati Yang Berhormat, ramai petani-petani muda yang mana ini menjadikan, menjadi hasrat kerajaan supaya orang muda terlibat dalam bidang pertanian ini berminat untuk menceburkan diri dalam ternakan khususnya ternakan

kambing. Ia juga apabila dilaksanakan *feed lot* ini, tidak memerlukan tanah yang besar, 5 ekar 10 ekar sudah cukup, sudah boleh mendapatkan pendapatan yang lumayan.

Yang menjadi masalahnya Yang Berhormat bagi Pontian ialah, saya dapati daripada rungutan daripada mereka yang ceburi bidang ini ialah kurangnya baka ataupun benih anak kambing ini yang dikeluarkan mereka yang terlibat. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat sekiranya pusat-pusat R&D kita ini, menjadi pembiak baka untuk membantu mendapatkan masalah kekurangan baka ini ataupun GLC kepunyaan kerajaan ini terlibat dalam menjadi pengeluar baka bagi ternakan lembu dan kambing. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Parit, saya amat bersetuju bahawa kita sudah lama, sudah menjalankan pelbagai bentuk kajian, pelbagai bentuk tinjauan dalam soal hendak membangunkan industri ternakan negara. Malah dahulu kita ada ternakan ikan itu di bawah LKIM, dahulu kita ada Majuternak. Tetapi hampir lebih 10 tahun Majuternak telah ditutup, tidak ada satu pun manusia yang saya kira, kita jumpa di tepi jalan ataupun di tengah jalan kalau dia tidak dilanggar kereta, yang tidak boleh bersetuju dengan saya bahawa tidak ada sebab kenapa kalau kita hendak menjadi pengusaha ternakan kambing, kambing itu tidak boleh hidup. Atau kita hendak menternak lembu, lembu itu tidak boleh gemuk atau segar, seperti negara Australia, New Zealand dan sebagainya.

Tapi hakikat yang ada di hadapan kita, kita masih lagi mengimport. Bil import negara dalam ternakan mencecah hampir 500 juta, kita mengimport daging proses sahaja daripada India sebagai contoh. Bilnya yang begitu besar tapi semua orang kata apa susah sangat hendak bela lembu ini, ia macam-macam benda yang ia boleh makan. Jadi saya kira Yang Berhormat berbalik kepada soal, sekejap Yang Berhormat....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Minta penjelasan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: berbalik kepada soal yang saya bangkitkan lebih awal tadi bahawa kalau kita hendak bangun ternakan ini, industri itu harus diserahkan kepada mereka yang benar-benar tahu dan benar-benar menghayati keinginan untuk hendak membangun, sehinggakan janggut pun kalau boleh kalau dia hendak bela kambing janggut dia pun macam kambing. Jadi dia orang ini maknanya sudah menghayati, ini yang amat penting.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Pontian, kalau Lembaga Nanas boleh diwujudkan balik, saya cadang wujudkan balik Majuternak itu. Kalau Lembaga Nanas sudah diwujudkan balik, dahulu dibekukan Yang Berhormat jadi Pengerusi, kita cadang Majuternak ini kita wujudkan balik untuk menggalakkan ini industri ternakan ini, sebab Yang Berhormat baik dengan Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam Majuternak itu bagi Larut.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Memang elok, jangan kita putus asa oleh sebab mungkin itu kesilapan-kesilapan yang boleh kita jadikan sebagai satu pengajaran. Maka pendekatan lembu pawah untuk banyak program-program yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dan saya percaya boleh mengurangkan kos import barang-barang makanan khususnya daging dan sebagainya.

Berbalik kepada soal tanah tadi, walaupun Yang Berhormat bagi Bera mengatakan ini soal lama, soal cerita yang sudah begitu berulang-ulang kali. Tapi saya ingin mengesyorkan supaya pihak kementerian dapat menyusun pendekatan agar masyarakat kita ini dalam soal tanah untuk digunakan bagi tujuan pertanian ini. Budaya koperasi itu.....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Yang Berhormat berkaitan dengan tanah, minta laluan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Bukan hanya dikembangkan dalam masyarakat kita, budaya ini dapat kita sekejap Yang Berhormat. Dapat kita perkukuhkan dan perluasan konsep koperasi ini, kalau dia ada anak-anak lima orang tidak payah hendak faraidkan dua ekar dua ekar itu, untuk menjaga sepuluh ekar itu supaya kekal dapat mengeluarkan hasil yang sewajarnya atas nama satu keluarga koperasi ataupun persatuan ataupun satu bentuk syarikat diwujudkan bagi memastikan

bahawa pengeluaran hasil atas tanah yang berkenaan itu dapat memberi pulangan yang setimpal dengan tanah yang ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya buat sedikit pembetulan Pontian. Perkataan “tidak payah difaraidkan” itu harus ditarik balik, kerana faraid itu hukum syarak. Apabila mati seseorang, maka harta pusakanya hendaklah difaraidkan. Kena gunakan bahasa yang lain kerana dia boleh menyebabkan kita menolak hukum Islam. Jadi kena berhati-hati kerana kita Ahli Parlimen, kena berhati-hati. Saya faham maksud Pontian itu Tuan Yang di-Pertua, dia maksud dia itu saya faham. Tapi perkataan yang digunakan itu supaya jangan kita sampai menggunakan perkataan yang menolak hukum syarak. Itu ikhlas daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Bukan ada apa-apa di situ, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuan Yang Berhormat itu bukanlah menolak hukum syarak tetapi “tidak payahlah difaraidkan” itu, mengambil makna bahawa tidak payahlah dibahagi-bahagikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan perkataan itu, jadi gunakan perkataan lain. Fasal dia hukum hakam Islam ini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh, itu teguran yang ikhlas.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat, yang baik itu kita terima, yang baik kita terima dan saya kira tujuan dan matlamat saya itu supaya kita bukan hanya melihat apabila ketua keluarga itu meninggal sahaja, tapi kalau boleh kefahaman kita tentang pentingnya menjaga keluasan tanah ini untuk tujuan pertanian ini biarlah berlaku sebelum ketua keluarga itu meninggal. Itu jadi lebih mudah dan ianya lebih tersusun. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya dapat merasakan kerunsingan Yang Berhormat bagi Pontian Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat kita ini berada di dalam kedudukan berpengaruh ataupun boleh mempengaruhi keadaan untuk ke arah yang lebih baik lagi, lebih-lebih lagi apabila Yang Berhormat terlibat secara langsung di dalam sektor pertanian yang menjadi enjin Pembangunan Ekonomi Ketiga Negara.

Yang Berhormat bagi Pontian dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sempena perasmian satu daerah, satu industri beliau ada melahirkan rasa rusing beliau tentang hasil-hasil pertanian kita yang tidak dihayati di peringkat hiliran. Beliau telah memberikan satu contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila berada di atas kapal terbang *Malaysia Airline System*. Kapal terbang MAS, hidangan-hidangan yang disediakan hasil daripada pertanian negara luar, bukannya dari negara kita sendiri. Umpamanya hidangan yang disediakan kalau jemnya itu jem strawberi, bukannya jem nanas yang datangnya daripada Johor umpamanya. Ataupun Timbalan Perdana Menteri pernah bertanya, ada tidak apa nama “Seri Kaya” ataupun “Kaya” yang datangnya daripada kelapa. Dia kata ada, tapi disimpan di dalam Kabinet.

Jadi masalah ini berlaku di peringkat hiliran, dan saya yakin tidak ada masalah di peringkat dasar, di peringkat *research*, di peringkat kajian dan pembangunan tetapi masalahnya ialah penghayatan di peringkat hiliran. Siapakah yang bakal mempromosikan produk-produk orang kampung ini? Jika tidak GLC-GLC di syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan di dalam negara kita. Apa komen Yang Berhormat bagi Pontian tentang persepsi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang perkara-perkara yang berlaku di peringkat hiliran ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kita berkesempatan menyuarakan perkara-perkara yang seumpama ini bukan hanya dari segi hidangan kita di sistem penerbangan nasional kita. Tapi banyak juga di mana kita kurang mengguna pakai produk-produk pertanian keluaran tempatan sebagai kaedah promosi. Dan juga saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat pendekatan-pendekatan yang patut diambil oleh kerajaan dalam memastikan bahawa ianya adalah satu pendekatan yang orang kata, “Cakap dan bikin”, “Bukan cakap tidak serupa bikin”. Jadi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Jadi ini berkait dengan tanah juga, rasa saya tanah mungkin merupakan satu daripada aspek penting dalam pertanian. Tapi ada juga kaedah-kaedah yang lain yang boleh kita gunakan. Antara yang digunakan rasa saya untuk tanaman sayuran dan sebagainya, kaedah hidroponik.

Dan sekarang kalau kita lihat kaedah ini, sayur-sayuran jenis ini telah masuk ke *supermarket* dan sedap juga dimakan. Jadi bagaimana kalau kita menggalakkanlah petani-petani kita yang mungkin tidak ada tanah melalui pinjaman Bank Pertanian tadi, Yang Berhormat jadi salah seorang daripada Lembaga Pengarah untuk mewujudkan satu konsortium atau apa-apa untuk mengusahakan tanaman secara ini.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, saya rasa kerajaan punya kedudukan untuk memperjelaskan kepada kita saranan yang telah Yang Berhormat kemukakan tadi dan saya percaya ianya boleh sesuai sangatlah diperjelaskan oleh pihak kementerian nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada *point* yang terakhir, teras ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sedikit sahaja, saya hendak minta apa rasional, saya didatangi oleh mereka yang terlibat dalam *fund for food* dan inisiatif kerajaan dalam pertanian. Yang mana beliau mendapat bantuan pinjaman, diluluskan 2.7 juta tetapi sebagai *collateral* dia minta untuk dimasukkan secara simpanan tetap, *fix deposit* sebanyak 1.2 juta sebelum bantuan kewangan 2.7 juta itu dikeluarkan.

Saya tidak nampak ada rasional yang baik di sini sebab kalau dia ada RM1.2 juta untuk dijadikan *fixed deposit* tidak mungkin dia meminjam RM2.7 juta. Jadi apakah rasional dalam Bank Pertanian mengenakan syarat-syarat sebegini kepada peserta?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Yang saya kerap mendengar Bank Pertanian ini seolah-olah *last resort* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, apabila bank-bank komersial yang lain tidak mahu melayani ataupun tidak meluluskan permohonan untuk projek-projek pertanian yang dikemukakan oleh pemohon. Maka apabila akhirnya mereka sampai ke Bank Pertanian, Bank Pertanian juga terikat dengan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Bank Negara yang mana syarat-syaratnya seperti mana Yang Berhormat telah perkatakan tadi.

Apabila Bank Pertanian tidak mendapat keuntungan seperti mana yang disasarkan, maka pengurusan Bank Pertanian akan dipersoalkan. Tetapi dalam pada masa yang sama Bank Pertanian juga mempunyai tugas sosialnya yang begitu berat. Ini yang tidak dapat diasingkan maka saya difahamkan langkah-langkah sedang diusahakan dengan pihak Bank Negara supaya kedudukan Bank Pertanian ini lebih jelas supaya rakyat tidak keliru. Memang benar apa Yang Berhormat bagi Muar perkatakan kalau sudah ada RM1.2 juta apakah halnya hendak meminjam lagi. Itu sahaja sudah membolehkan pemohon itu untuk memulakan projek pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, teras yang ketiga memperkatakan tentang soal ketidaksamaan sosioekonomi. Pendekatannya antara lain mengurangkan jurang kekayaan. Tetapi baru-baru ini di dalam akhbar telah pun menggambarkan kepada kita beberapa projek infrastruktur dan projek-projek yang besar yang telah disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti *Penang Outer Ring Road* - RM1 bilion *potential beneficiary* dengan izin, ataupun mereka yang berkemungkinan ada kepentingan mendapat kepentingan atau mendapat faedah, *UEM Group ACPI*, *Penang Second Brigade* - RM2.6 bilion, *UEM Group ACPI*, *Penang Monorel* - RM1.1 bilion, MMC ACPI termasuklah *Flight Mitigation Project* dengan izin, *Water Distribution Networks*, *Johor Baharu Outer Ring Road*, *Seremban Outer Ring Road*, *airport upgrade* untuk Kuching-Labuan-Kota Kinabalu, semua sudah ada *potential beneficiary*nya.

Kalau inilah keadaannya Tuan Yang di-Pertua, maka hasrat kerajaan untuk mengurangkan jurang kekayaan ini perlu dikaji semula pendekatannya. Apa jadi dengan usaha-usaha kita satu ketika untuk melahirkan kontraktor yang berwibawa, kontraktor yang cemerlang dan pelbagai istilah yang telah kita perkenalkan sebagai satu galakan untuk membolehkan lebih banyak lagi kita mengenal pasti potensi-potensi yang ada di bawah ini supaya mereka juga turut mendapat peluang.

UEM, MMC, Gamuda, Sime Darby dan Ahmad Zaki, ini adalah nama-nama yang orang kata telah berdiri kukuh dan mereka telah mendapat peluang yang secukupnya. Daripada mula kerajaan memperkenalkan sama ada pendekatan secara pembangunan penswastaan, sama ada pendekatan pelaksanaan secara reka dan bina dan sebagainya nama-nama besar seumpama ini telah lama bertapak malah mereka telah pun mampu sepatutnya pergi ke luar negara. Walaupun UEM tidak begitu berjaya dalam menjalankan projek-projek di luar negara tetapi apabila kita susun semula Rancangan Malaysia Kesembilan berbilion ringgit ini akhirnya hendak disalurkan kepada kontraktor-kontraktor ini juga, maka saya mengesyorkan kepada kerajaan supaya diseimbangkan pendekatan. Kontraktor-kontraktor kelas A ini menangis di luar. Menderita tidak ada kerja, hendak turun ke *grade* bawah *overheadnya* sudah begitu tinggi, dengan peralatan dan perkakas pembinaannya, maka mereka terpaksa menanggung kos untuk menjadi kontraktor kelas A ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sikit, sikit Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Yang Berhormat bagi Pontian, saya rasa Yang Berhormat tidak menyebut nama-nama lain seperti Ranhill, Global Upline, WCT, Engineering Road Builders dan TIC. Tetapi apa yang hendak saya tekankan di sini ialah nama-nama ini asalnya adalah nama-nama yang dahulunya boleh kita andaikan yang juga naik daripada peringkat bawah, yang bertatih. Jadi sewajarnya seperti Yang Berhormat katakan tadi mereka ini yang telah ada nama besar, yang telah pun ada kepakaran pergi mencari projek di luar negara seperti yang disarankan oleh kerajaan sebagai mana misi nasional tadi supaya memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pontian tadi sebagai mana mereka dahulu mendapat peluang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Setuju Yang Berhormat. Saya akan tamatkan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju. Inilah masalahnya dan kepada kontraktor-kontraktor kelas A, B, C, D dan termasuk F ini sendiri juga mereka harus punya ketahanan diri sendiri kerana saya berkata begitu ialah jangan sekali-sekali mereka melakukan sesuatu yang akhirnya akan merugikan diri mereka sendiri. Maksud saya ialah persatuan-persatuan ini seperti Persatuan Pemborong Negeri Johor, Persatuan Pemborong Malaysia dan sebagainya saya tengok persatuan-persatuan ini akhirnya hanya menjaga kepentingan orang-orang tertentu sahaja. Hanya menjaga kepentingan rakan-rakan atau kawan-kawan baik sahaja dalam persatuan-persatuan ini. Kerajaan kadang kala memberi sedikit kelebihan kepada pihak-pihak yang berminat untuk melaksanakan projek ini sekiranya mereka datang sebagai satu kumpulan. Maka haruslah pemborong atau kontraktor-kontraktor ini memikirkan semula supaya mereka tidak terperangkap dengan usaha-usaha yang mereka telah persetujuan dan akhirnya mereka tidak dapat menggunakan sepenuhnya kesempatan yang telah diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan di atas Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Serdang.

3.08 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan menyediakan landasan kukuh bagi negara kita untuk mencapai Wawasan 2020. Dasar dan strategi Rancangan Malaysia Kesembilan berpaksi kepada cabaran utama untuk meningkatkan prestasi dan kemampuan negara ke tahap yang lebih cemerlang bagi menghadapi cabaran semasa dan perubahan persekitaran yang semakin tidak menentu. Hala tuju pembangunan negara yang berdasarkan tiga rangka dasar utama negara iaitu Dasar Ekonomi baru dari tahun 1971 hingga 1990, Dasar Pembangunan Nasional tahun 1991 hingga 2000 dan Dasar Wawasan Negara tahun 2001 hingga 2010. Setiap dasar yang

digubal berdasarkan pemahaman yang mendalam tentang keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh negara serta tindakan yang perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dalam tempoh 1990-an yang merupakan fasa pertama Wawasan 2020 telah menghasilkan pertumbuhan yang pesat dengan perubahan meluas dalam bidang ekonomi, sosial dan fizikal. Dasar Wawasan Negara akan menjadi asas kepada strategi dan program di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang menggariskan dasar dan hala tuju pembangunan negara untuk tempoh 2001 hingga 2010. Rancangan Malaysia Kesembilan meliputi tempoh 2006 hingga 2010 yang merupakan fasa kedua pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran utama dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan adalah melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan Negara untuk memperkukuhkan keupayaan, kebolehan dan keazaman negara bagi menghadapi cabaran masa depan. Pada masa yang sama, lapisan masyarakat tidak harus lupa bahawa pembangunan sosioekonomi mempunyai matlamat penting iaitu perpaduan negara. Langkah perlu diambil untuk memastikan masyarakat kita berdaya tahan bagi menghadapi pengaruh negatif yang mungkin merosakkan moral dan menjejaskan keharmonian dan toleransi di kalangan masyarakat.

Rakyat Malaysia perlulah sentiasa menghargai keamanan dan keharmonian yang dinikmati di negara kita ini. Keamanan dan keharmonian merupakan asas penting kepada semua usaha pembangunan negara kita. Sekiranya negara berada dalam keadaan kucar kacir disebabkan perbalahan dan pergaduhan, maka kemajuan negara sebenarnya tidak akan tercapai. Oleh itu, kita perlu meningkatkan usaha memupuk perpaduan negara dan membina masyarakat yang bertolak ansur demi kesejahteraan dan kemakmuran kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan dan kemakmuran yang kukuh yang berasaskan prinsip kerjasama, permuafakatan dan saling hormat-menghormati di kalangan rakyat yang berbilang kaum akan mengalahkan dan menewaskan terhadap fahaman politik yang ekstremis dan fahaman agama yang fanatik. Rakyat Malaysia harus sedar bahawa mengejar agenda bersifat ekstremis dan fanatik dalam masyarakat berbilang kaum akan menanam benih perbalahan dan perpecahan yang akan memusnahkan keharmonian dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sentimen dan emosi yang keterlaluan boleh membawa kepada kehilangan kewarasan hingga negara kita akan terjerumus dalam situasi yang teruk dan menderita dengan keharmonian yang sekian lama terbina akhirnya berkecai dengan sekejap mata. Tanpa perpaduan dan tiada kedamaian maka tentulah tidak ada pembangunan. Jika tiada pembangunan sosioekonomi, maka negara kita tidak akan maju. Salah satu matlamat dan agenda utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk mengukuhkan perpaduan rakyat. Tiada siapa yang boleh mempertikaikan mengapa hal ini begitu penting bagi negara pelbagai kaum di negara kita ini. Malah kejayaan sosioekonomi tidak ada maknanya jika rakyat bercakar-cakaran dan sentimen perkauman terus menyelubungi cara hidup. Tanpa perpaduan sasaran negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mencapai taraf negara maju tahun 2020 tidak ada ertinya.

Dengan demikian rakyat Malaysia hendaklah bersikap sederhana, munasabah dan adil yang berpandukan nilai-nilai murni dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Dengan adanya perpaduan dan keharmonian, kerajaan kita mampu mewujudkan suasana kehidupan yang aman dan kestabilan politik untuk mencapai keseimbangan sosial di dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan, kini cabaran adalah bagi menjayakan apa yang telah dirancangan. Penekanan berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan tidak akan memberi makna jika sistem penyampaian dan pelaksanaannya tidak berkesan. Perasaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan adalah fasa kritikal dalam menentukan pencapaian negara kita menjadi negara maju pada tahun 2020. Misi nasional adalah amanah cukup berat sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab pada akhir ucapan pembentangannya.

Harapan daripada semua pihak dapat menghayati amanah itu dengan memastikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan lancar dan sempurna. Janganlah nanti lagi masalah projek terbengkalai seperti isu makmal komputer berulang.

Dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan terdapat sebanyak 2,326 projek terbengkalai yang akan terpaksa disambungkan pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya difahamkan bahawa sebanyak 94% daripada jumlah RM170 bilion dana yang disediakan oleh kerajaan untuk Rancangan Malaysia Kelapan telah dibelanjakan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, tetapi bakinya 16% daripada jumlah projek yang sepatutnya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan gagal disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kegagalan pelaksanaan projek-projek tertentu itu perlu dikaji dan disemak agar dijadikan pembelajaran dan pengalaman untuk mengelakkan ulangan semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan perlu juga mengkaji semula data projek-projek yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang tidak dapat dilaksanakan kononnya tidak cukup peruntukan. Misalnya projek pembinaan balai bomba di Bandar Hussein Onn, Cheras telah tertangguh, walau pun projek berkenaan telah disahkan secara bertulis daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat dan makluman telah disalurkan kepada masyarakat setempat tetapi akhirnya projek ini tidak dilaksanakan. Perasaan kecewa masyarakat setempat memang nyata. Projek yang telah disenaraikan ini patut diutamakan lagi untuk menyambung pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya mengalu-alukan bahawa kerajaan akan menyediakan banyak tempat untuk memberi pelajar; melalui membina 180 buah sekolah rendah baru, 229 buah sekolah menengah dan sekolah berasrama. Saya berharap bahawa kawasan-kawasan yang kritikal dan mendesak hendaklah diberi keutamaan untuk membina sekolah baru bagi mengatasi kesesakan sekolah yang sedia ada agar dapat menampung murid-murid baru seperti di Taman Tun Perak, Cheras, Taman Cheras Utama, Cheras kerana kawasan ini mempunyai lebih 30 kawasan perumahan yang hanya terdapat sebuah sekolah kebangsaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya juga seperti di Bandar Seri Putera dan Bandar Bukit Mahkota, Bangi tiada sekolah langsung walau pun beribu-ribu rumah telah dibina. Cadangan membina sekolah kebangsaan dan sekolah menengah perlu diberi keutamaan. Cadangan pembinaan sekolah kebangsaan di Taman Impian Ehsan, Balakong dan cadangan sekolah menengah kebangsaan di Kampung Sungai Ramal Luar dan Desa Serdang, Daerah Hulu Langat telah dikemukakan untuk dimasukkan dalam senarai projek pembinaan sekolah baru. Maka saya harap cadangan ini dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu jaminan dan komitmen Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam Dewan ini pada 6 September 2004 terhadap seblok bilik darjah di SJK(C) Serdang Baru 1, Seri Kembangan; yang telah diisytiharkan tidak selamat hendaklah dirobohkan oleh pihak JKR dan digantikan dengan bangunan baru yang akan dibina pada tahun 2006 dan permulaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan boleh digunakan pada awal tahun 2008.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga menegaskan bahawa keselamatan dan keselesaan murid-murid di sekolah di seluruh negara sentiasa diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan tanpa mengira lokasi sama ada di bandar, di luar bandar atau di kawasan-kawasan pedalaman. Sektor Kebangsaan atau Sektor Jenis Kebangsaan pun tidak dibezakan. Sekolah bantuan penuh ataupun bantuan modal juga dimasukkan di dalam kategori yang dipantau.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya berharap bahawa komitmen untuk projek gantian bilik darjah di SJK (C) Serdang Batu 1, Seri Kembangan yang merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan ini akan dapat dilaksanakan mengikut jadualnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia memang prihatin terhadap masalah ketiadaan laluan alternatif di kawasan-kawasan perumahan seperti Taman Kajang Utama dan Kompleks Makmal Utama Science and Technology Research for Defence di Taman Bukit Mewah Seksyen 9, Ibu Pejabat Science and Technology Research for Defence di Kajang Utama yang baru

sahaja dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan di kawasan ini.

Kawasan IKS Kajang Utama, Taman Kajang Sentral dan lain-lain akibat daripada pembukaan Lebuh Raya Lingkaran Kajang (SILK) pada bulan Jun 2004. Pihak Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuh Raya Malaysia telah mengenal pasti dan mencadangkan pembinaan terowong atau *underpass* bagi kemudahan para penduduk, pengusaha-pengusaha kilang, murid-murid sekolah di kawasan perumahan tersebut berulang alik ke pekan Kajang melalui Jalan Bukit yang merentas Lebuh raya SILK. Sehubungan ini, projek yang dicadangkan ini telah disenaraikan melalui Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan pada tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan akan dimulakan sebaik sahaja menerima kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan demikian, saya merayu kepada pegawai-pegawai berkenaan yang bijaksana daripada EPU di Jabatan Perdana Menteri akan memberi kerjasama berdasarkan kedudukan kritikal dan mendesak untuk memulakan terowong sebagai laluan alternatif di kawasan-kawasan berkenaan agar mempercepatkan kelulusan selaras dengan seruan pihak kerajaan yang menegaskan bahawa infrastruktur berkualiti dan kemudahan yang perlu akan terus dibina di seluruh negara bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tentang jumlah pengeluaran air dari seluruh loji air dan negeri Selangor sebanyak 4,390 juta liter sehari berbanding dengan keperluan bekalan air yang dianggarkan berjumlah 4,400 juta liter sehari. Maka negeri Selangor termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air sebanyak 10 juta liter sehari menjelang tahun 2007 dan kekurangan ini akan meningkat sehingga 836 juta liter sehari pada tahun 2011. Langkah jangka panjang yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini adalah dengan melaksanakan projek penyaluran air mentah dari negeri Pahang ke negeri Selangor dan cadangan projek ini telah direstui oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dengan demikian saya sebagai anak Selangor mengambil berat terhadap isu air ini agar rundingan dan perbincangan antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Negeri Pahang akan mencapai muafakat dan persefahaman untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini, maka maklum balas kemajuan projek ini perlu dimaklumkan kerana rakyat Selangor berhak mengetahui kedudukan terkini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara isu air ini memang serius sebagaimana mengikut laporan daripada kementerian itu. Maka saya harap bukan sahaja langkah jangka panjang akan diambil tetapi lain jangka pendek sebelum air mentah dari Pahang ke Selangor dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya penubuhan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek yang telah disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah wajar dan tepat. Peranan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara penting memandangkan segala projek baru kerajaan memerlukan pelaksanaan yang teratur dan tersusun bagi mengelakkan daripada tertangguh dan terbengkalai.

Badan Bertindak berkenaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mempunyai komitmen yang tidak berbelah bagi untuk memastikan kejayaan sepenuhnya Rancangan Malaysia Kesembilan. Mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian perlu diperkukuhkan dan bertanggungjawab untuk memastikan projek-projek yang dilaksanakan adalah selari dengan teras pembangunan dan mencapai objektif misi nasional. Ia mesti dilaksanakan secara bersungguh-sungguh supaya harapan untuk memberi nikmat pembangunan kepada semua golongan rakyat tidak disia-siakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Tuaran.

3.25 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan supaya meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga minta Dewan ini menyeru

seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadikan negara yang makmur, progresif, berdaya tahan dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kejayaan membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang telah memberi harapan yang tinggi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah membaca dan melihat kelima-lima teras Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya nampak dan saya lihat bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini memberi harapan yang amat tinggi kepada rakyat. Di antara harapan yang paling tinggi adalah untuk merapatkan jurang-jurang perbezaan sama ada di antara wilayah, pendapatan di antara kaum etnik sama ada di bandar dan luar bandar dan sebagainya.

Saya amat berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya juga ingin mengalu-alukan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk meletakkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini akhirnya menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah dan Sarawak.

Sememangnya saya selaku Ahli Parlimen bagi Tuaran sudah sekian lama memperjuangkan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi negeri Sabah. Malang sekali beberapa pemimpin khususnya di peringkat kerajaan negeri masih lagi mempunyai kekeliruan, masih lagi mempunyai beberapa perkara yang tidak difahami sehinggakan ada pertembungan pendapat di kalangan pemimpin-pemimpin di antara Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Undangan Negeri dan juga daripada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Persekutuan akan meneruskan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah walau pun barangkali ada sedikit tidak berpuas hati.

Sebenarnya banyak perkara yang menjadi kekeliruan di antara pemimpin-pemimpin di kedua-dua belah pihak. Oleh sebab itu saya memohon sekali lagi, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya pihak kerajaan sama ada daripada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mahu pun daripada EPU memberi penjelasan atau penerangan kepada Kerajaan Negeri Sabah tentang apa sebenarnya Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah itu sebab beberapa perkara yang tidak betul sehinggakan ada pihak-pihak dari kerajaan negeri yang mengatakan bahawa Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah tidak sesuai sebab lembaga ini nanti akan mengambil alih keseluruhan pentadbiran di kawasan yang terlibat. Sebenarnya ini tidak betul dan yang mempunyai kewibawaan membuat penjelasan ini adalah pihak kerajaan iaitu pihak kementerian.

Saya ingin mencadangkan supaya sekali lagi memberi penjelasan dan saya juga ingin mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin negeri Sabah itu datanglah melawat beberapa kawasan Lembaga Kawasan Wilayah seperti PERDA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA dan sebagainya bagi melihat dengan sendiri bagaimana Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah ini berjalan dan saya amat yakin bahawa akhirnya kepimpinan di peringkat kerajaan negeri akan bersetuju dan menerima baik.

Tuan Yang di-Pertua, setelah melihat dari segi ketidakseimbangan pembangunan wilayah di antara negeri Sabah dan negeri-negeri di Semenanjung, saya menaruh harapan yang tinggi bahawa Lembaga Kemajuan Wilayah ini akan nampak sumbangannya yang penting.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dan malah terharu apabila mendengar doa yang telah disebut dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di akhir pembentangan usul pada *point* 1.1.1. Saya selaku warganegara Malaysia yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara saya pun boleh mengaminkan doa itu. Saya mencadangkan supaya doa ini dijadikan pedoman dan panduan kepada seluruh barisan kepimpinan dan juga jentera pelaksanaan sebab di sini dikatakan:

"Bekalkanlah kami dengan barisan warga yang berniat ikhlas, bersifat amanah, berpekerti mulia dan bersifat jujur, bertanggungjawab membina sebuah negara yang maju, membina barisan warga yang bersatu, sentiasa memohon keredaan Mu".

Dan saya masih ingat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut beberapa ungkapan tadi beliau sebak, beliau sebak dan saya boleh merasai kenapa. Barangkali nilai-nilai murni yang diluahkan ini sudah menjadi re komoditi di kalangan kita. Dan yang lebih membimbangkan ialah dalam doa ini kita memohon supaya dibekalkan barisan warga yang berniat ikhlas, bermakna warganegara yang berniat ikhlas. Dan seterusnya kita lihat keseluruhan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan juga dalam beberapa siri penjelasan termasuklah wawancara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Dato' Johan Jaafar di TV ...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Silakan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya rasa amat tersentuh tadi apabila rakan saya meskipun bukan beragama Islam tetapi benar-benar memahami doa itu yang bersifat universal iaitu nilai-nilai indah dan nilai-nilai murni dalam kehidupan kita. Cuma yang hendak saya nyatakan di sini ialah dalam proses pembangunan dalam kita mengejar kebendaan materialisme dengan izin kita harus mengimbangi dengan nilai-nilai murni dan hati jiwa yang bersih ini. Maka di sini kita perlu kembali kepada asas *back to basic* dengan izin. Kembali kepada dasar kita itu iaitu kita memupuk nilai-nilai murni dan indah. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apakah kerana kita terlalu asyik mengejar kebendaan maka kita lupa utama mengimbangi dimensi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih bagi Kuala Terengganu. Saya bersetuju. Kita ini berada dalam zaman, dalam dunia di mana kita terlalu mempunyai begitu banyak maklumat termasuklah budaya, konsumerisme dan ya saya bersetuju. Walau bagaimanapun, kita mempunyai sistem yang menangani hal-hal ini. Dan sistem ini ialah sistem pendidikan negara kita.

Sebenarnya dalam negara kita ini kita menekankan soal pemupukan nilai-nilai murni. Malah dalam sistem pendidikan kita, kita mempunyai apa yang dipanggil Tonggak 12. Walau bagaimanapun, saya sekali lagi akan ke situ di mana saya pun merasa bimbang. Merasa bimbang bahawa nilai-nilai murni di situ pun kita sebenarnya gagal. Tetapi sebelum ke situ saya akan kembali ke soal warga negara tadi. Kita hendak warganegara yang mempunyai sifat-sifat ini. Dan malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan dan menyatakan bahawa yang terpenting yang menentukan sama ada kita akan mencapai hasrat, niat dan matlamat kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan seterusnya mencapai Wawasan 2020 yang apa yang dikatakan modal insan dengan pelbagai nilai-nilai murni yang baik.

Kalau kita imbasi Titah Ucapan Diraja Seri Paduka Yang di Pertuan Agong tempoh hari telah menekankan integriti, kewibawaan dan sebagainya. Tetapi saya merasa bimbang, apabila baru-baru ini dan saya ulangi dalam perbahasan saya menjunjung kasih Titah Ucapan Diraja tentang kenyataan Suhakam mengenai kependudukan di negeri Sabah, pertumbuhan yang luar biasa dan semalam Tuan Yang di-Pertua, satu soalan daripada Yang Berhormat bagi Tawau yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan bahawa sebenarnya pertumbuhan yang luas biasa di Sabah itu bukan aneh sebab kadar kelahiran begitu tinggi di Sabah *high fertility*, tetapi apabila saya lihat dalam perangkaan banci penduduk yang saya ada, dan saya mahu sebut di sini bahawa jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tidak menyokong fakta-fakta yang ada.

[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya sebutkan di sini, kita ambil banci penduduk pada tahun 1970, penduduk bagi negeri Sabah jumlahnya 636,431 orang. Di negeri Sarawak pada ketika itu penduduknya ialah 976,269 orang. Ini bermakna negeri Sarawak lebih 300,000 orang pada tahun 1970. Lepas itu tahun 1980 penduduk Sabah lebih kurang 929,299 orang manakala di Sarawak ketika itu sudah mencapai 1,235,553 orang. Kemudian dalam

bancian tahun 1990 tiba-tiba penduduk Sabah melonjak pada 1,734,685 orang dan ketinggalan negeri Sarawak dengan 1,622,771 orang. Dan dalam bancian penduduk tahun 2000 penduduk Sabah telah melonjak kepada 2,499,389 orang manakala di Sarawak hanyalah 2,012,619 orang. Perangkaan yang kita dapat untuk tahun 2005 iaitu tahun lepas di negeri Sabah penduduknya sudah 3,313,000 orang manakala di negeri Sarawak baru 2,340,00 orang. Ini bererti bahawa negeri Sabah penduduknya sudah satu juta lebih berbanding dengan yang di Sarawak.

Jadi kalaulah di Sabah itu terlalu kuat bikin anak, walaupun kuat seberapa kuat pun sepanjang hari bikin anak, dalam tempoh yang sama saya ingat dia tidak akan dapat bikin sampai satu juta lebih. Sebab itu kalau kita ikhlas dalam jawapan, kalau kita jujur dalam jawapan kita tidak akan mengatakan bahawa ini disebabkan *high fertility*, tidak akan. Kalau kita ikhlas dan jujur kita sebut juga itu maka itu bohong namanya. Kalau bohong itu bukan nilai-nilai murni, itu bertentangan dengan doa yang baik itu. Sebab itu.... dan saya tengok lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Daripada angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi daripada tahun 1970 sehingga 2005 berlipat ganda 500 peratus. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kadar kenaikan kependudukan ini antara tertinggi sekali di dunia sebenarnya. Dan sebab musabab patutlah dipastikan oleh kerana ia mengancam kestabilan negeri Sabah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya bersetuju. Tertinggi di dunia memang tertinggi di dunia dan susah bagi kita untuk menjelaskan. Saya ingat tidak ada orang yang mempunyai jawapan. Saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri siapa-siapa pemimpin di Malaysia ini tidak ada jawapan dan saya tidak akan minta jawapan. Memang tidak ada orang yang mempunyai jawapan untuk ini.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sebentar, sebentar. Nanti saya bagi. Ada satu lagi yang aneh. Kita baca dalam muka surat 349 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini bab 16 pada point 16.12 Kemiskinan Bandar dan saya bacakan di sini:

“Kadar kemiskinan bandar berkurangan daripada 3.3% pada tahun 1999 kepada 2.5% pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, bilangan isi rumah miskin di bandar meningkat sebanyak 6.4% kepada 91,600”.

Ini yang *interesting*. “Sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan isi rumah miskin di Sabah”.

Rupanya di negeri Sabah ini peningkatan yang miskin di bandar, di bandar. Saya banyak persoalan apabila saya nampak ini. Daripada 19,600 isi rumah ini berapa pula dari Sabah sebab EPU tulis di sini sebahagian besar. Barangkali 50% barangkali 60%, saya tidak tahu.

Kedua, persoalan saya di bandar mana agaknya ini. Di Kota Kinabalu, di Sandakan, di Tawau, di Kudat dan kenapa pula? Saya sudah baca dari belakang ke depan Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan tapi tidak ada pun fakta ini. Tiba-tiba dalam Rancangan Malaysia Kesembilan timbul. Bagaimana ini boleh berlaku? Sebab itu saya ada kesangsian. Saya tengok juga dalam fakta-fakta apabila kita lihat dari segi soal kemiskinan seluruh negara Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh dan Kelapan dan caranya untuk *tabling* pun agak aneh sedikit untuk Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Keenam.

Ditulis di sini [*Menunjukkan beberapa keping dokumen*] ini dalam buku ya saya fotostat. Ditulis di sini warganegara Malaysia sahaja, selepas itu di bawah keseluruhan. Ini Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Keenam pun begitu juga *Malaysian citizen* di bawah sana *overall*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [*Bangun*]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Selepas itu dalam rancangan Malaysia Kelapan tidak ada lagi warganegara Malaysia dan keseluruhan tidak ada lagi tiba-tiba sahaja. Silakan Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tuaran. Soalan saya ekoran daripada statistik-statistik yang menarik Yang Berhormat kaji, yang menunjukkan perubahan jumlah penduduk yang amat ketara dalam tahun-tahun yang ringkas itu. Dalam kajian Yang Berhormat adakah jumlah ini juga ketara dalam daftar pemilih, iaitu adakah kenaikan jumlah pemilih di negeri Sabah itu tidak munasabah dengan kebiasaan kadar peningkatan jumlah pemilih sebagaimana yang berlaku di tempat-tempat yang biasa. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Daftar pemilih saya belum kaji pula Yang Berhormat. Setakat yang saya nampak ini dari segi banci penduduk sahaja dan saya buat kajian ini ekoran daripada kenyataan Suhakam iaitu Prof Datuk Hamdan Adnan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh saya *elaborate* sedikit dahulu. Nanti saya akan bagi peluang Yang Berhormat. Saya belum kaji Yang Berhormat, itu jawapan saya. Ada berkaitan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat yakin atau tidak bahawa pertumbuhan penduduk yang begitu pesat ia berjalan secara natural. Sebab saya ada sahabat saya di Sabah. Dia membuka firma guaman. Sekarang ini sudah balik ke Semenanjung. Dia beritahu saya dia menerima satu kotak mengandungi 300 kad pengenalan untuk di Sabah. Tetapi dia tidak berani, dia serah ke balai polis. Apa yang saya hendak tanya adakah unsur-unsur untuk meramaikan rakyat itu dengan membuat kad pengenalan palsu ini. Saya hendak tanya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebenarnya, paling dekat bukti yang kita lihat ialah apabila seorang saksi dalam perbicaraan petisyen Pilihan Raya Likas pada tahun 1999 yang akhirnya telah *nullify* pemilihan Likas. Seorang saksi yang bernama Hasnan Ibrahim yang telah membuat kesaksian menyatakan dia sendiri terlibat dan seorang Timbalan Menteri mengengkerusikan mesyuarat untuk membuat IC dia sendiri dan saya ada afidavitnya di sini satu persatu, dan seperti mana yang saya katakan semasa dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja, saya memperkatakan sehingga pada hari ini orang-orang yang disebut oleh Hasnan Ibrahim belum lagi keluar untuk membersihkan nama mereka dan pihak yang berwajib belum lagi membersihkan nama siapa yang disebut.

Walau bagaimanapun, itu bukan muktamad walaupun pihak hakim telah membuat keputusan. Akhirnya ia diisytiharkan pemilihan itu tidak sah *null and void* dan akhirnya beliau mengatakan, *this is the only "the tip of the iceberg"*. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya *conclude* yang ini saya ingin membawa statistik ini. Statistik kemiskinan untuk Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh aneh sedikit. Dia buat sana warganegara Malaysia sahaja lepas itu keseluruhan. Kita boleh tengok dokumen begitu juga Rancangan Malaysia Ketujuh. Tiba-tiba dalam Rancangan Malaysia Kelapan cara penyampaian sedemikian rupanya tidak ada lagi dan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan tidak ada lagi yang warganegara Malaysia dan keseluruhan. Apa yang kita lihat tiba-tiba bilangan isi rumah yang miskin di bandar meningkat sampai 91,000.

Sememangnya aneh dan saya ingat tidak ada orang yang mempunyai jawapan dan ini tentu sekali ada kesan terhadap integriti negara kita. Pentadbiran kita, pengurusan kita bagaimana kita urus tadbir negara ini, dan oleh sebab itu saya amat yakin oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun sesiapa tidak mempunyai jawapan tentang soalan ini. Kalau ada jawapan pun saya ingat itu bukan jawapan.

Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya ditubuhkan sahaja Suruhanjaya Diraja untuk menyasat perkara ini. Kalau kita telah menubuhkan satu suruhanjaya siasatan Diraja untuk menentukan *nationality* hanya seorang dan menentukan tentang prosedur tertentu dalam insiden ketuk ketampi. Saya rasa ini satu perkara yang kita tidak boleh. Kita harus buat. Kalau kita tidak buat, saya ingat dua ini kurang bermakna. Dua ini pun kurang bermakna sebab kita mahu integriti, kita mahu integriti. Kita sudah tubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas tentang Integriti dan

jawatankuasa ini juga akan melihat perkara soal penambahan penduduk yang luar biasa ini.

Oleh sebab itu saya fikir dan saya amat yakin kerajaan tidak keberatan untuk menubuhkan dan menerima cadangan, sebab ini sebahagian daripada usul kita, usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya rakyat Malaysia keseluruhannya akan menerima Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebagai misi nasional kita bersama. Jika tidak bagaimanakah 1 juta warganegara yang dicurigai tentang kewarganegaraan mereka dan dokumen-dokumen kewarganegaraan mereka dapat bersama-sama sebagai [*Mengetuk buku RMK-9*] mengikuti misi nasional ini. Tentu sekali tidak. Mereka akan takut-takut apakah dokumen yang mereka pegang itu dicurigai betul atau tidak.

Saya sudah menyatakan dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja tempoh hari tentang Salman Majid. Berapa orangkah lagi di negara kita seperti Salman ini yang bila sampai di lapangan terbang tiba-tiba ditangkap, disumbatkan ke pusat tahanan imigresen ditarik balik kad pengenalannya setelah mempunyai kad pengenalan itu selama 20 tahun di negara ini. Berapa orangkah dalam keadaan begitu dan pada hari ini di era teknologi maklumat ini berita-berita dan maklumat-maklumat seperti ini berleluasa di mana-mana *internet* dan sebagainya dan seluruh dunia akan tahu. Seluruh dunia nie tahu tentang keadaan ini dan sebenarnya seperti yang saya mengatakan dahulu saya *download* satu artikel di *internet* yang ditulis oleh Doktor Kamal Saadiq seorang pensyarah, seorang sarjana yang telah membuat Ph.D tentang *migrant* di Sabah. Saya *download* dan di sini beliau menyatakan *when states prefer non citizen over citizen.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dengan izin.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *conflict over illegal immigrant in Malaysia.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dengan izin Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau hal-hal begini orang melihat membaca dokumen seperti ini di *internet*, saya *download* dengan membayar USD26 tentu sekali dunia akan mengatakan Malaysia begitu baik, Malaysia yang mempunyai begitu cantik pembangunan, begitu aman damai stabil, mengapa masih ada perkara-perkara seperti ini.

Saya amat yakin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melihat mempertimbangkan perkara yang saya nyatakan ini, sebab kita tidak mahu hal-hal seperti ini. Kita mempunyai keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang salah satu prinsip Rukun Negara yang amat penting kita pegang.

Kita boleh menerima siapa juga menjadi warganegara tetapi kita ikut peraturan, undang-undang dan sebagainya. Saya sudah cadangkan supaya mereka yang dicurigai ini nanti setelah diisytiharkan oleh Suruhanjaya Diraja nanti, suruhanjaya inilah yang akan menentukan apa kita harus buat tentang orang-orang ataupun warganegara yang dikatakan mencurigakan ini di mana mendapat dokumen dengan cara mencurigakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih seterusnya ke beberapa fakta, beberapa perakuan yang telah dibuat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ataupun OPP3, dengan izin. Sebenarnya Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah fasa kedua dalam rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan adalah fasa pertama, ini fasa kedua. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, telah dinyatakan bahawa dua perkara yang amat penting yang amat menyentuh tentang diri saya dan masyarakat yang saya wakili. Iaitu penyiasatan khusus akan dibuat tentang pendapatan dan soal kemiskinan untuk bumiputera Sabah dan Sarawak. Dan, disebutnya suku-suku kaum tertentu dalam dokumen itu, disebut suku-suku kaum tertentu.

Sesuatu perkara baru yang belum pernah dibuat dalam OPP1, OPP2 tetapi OPP3 dibuat. Selepas itu kita menaruhkan harapan yang begitu tinggi sebab ada dua perkara yang akan dilihat di situ. Satunya, pembasmian kemiskinan dan yang keduanya dalam soal peningkatan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat. Sesuatu yang kita

selama ini tidak boleh dapat, sesuatu harapan tinggi kita yang berada bersama-sama dalam negara Malaysia yang tercinta ini.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila saya lihat dalam dokumen yang saya baca pada muka surat 351 bab 16, *point* 14. Saya lihat di sini, di sini satu penilaian tentang pencapaian Rancangan Malaysia Kelapan dan disebut di sini, bumiputera di Sabah dan Sarawak. Tetapi disebut di sini berdasarkan penyiataan pendapatan isi rumah ataupun dalam bahasa EPU agaknya dia ditulis di sana HIS ataupun *Household Income Survey* tahun 1999. Dia gunakan fakta di sini untuk menilai penyiataan yang telah dibuat peraturan 1999, sedangkan Rancangan Malaysia Kelapan itu bermula pada tahun 2000, tahun 2000 hingga 2005. OPP3 menyatakan bahawa hendaklah dibuat penyiataan itu di antara tahun 2002 hingga tahun 2010 dalam masa tempoh 10 tahun.

Tetapi fakta yang digunakan di sini tahun 1999, jadi dengan senang kita menyatakan bahawa sebenarnya EPU tidak buat kerja. Dia tidak buat penyiataan yang seperti mana yang diminta, dikehendaki oleh RRJP3. Apa yang telah dibuat di sini, seterusnya di sana ialah dikatakan di sini, menurut kajian itu pada tahun 1999, katanya di sini, kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan Kadazan, Dusun, Bajau dan Murut di Sabah dan Bidayuh di Sarawak, itu 1999. Selepas itu, pada tahun 2002, HIS ataupun *Household Income Survey* khas mengenai minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak menunjukkan kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan orang Sungai, Rungus, Bisaya dan Sulu, atau Sulu di Sabah serta Bidayuh, Penyah, Kayan, Kadayan, Penan dan Lombawang di Sarawak.

Persoalan saya di sini, kita mempunyai dana, kenapa alang-alang, kenapa tidak dibuat untuk semua, penyiataan untuk semua, semua suku-suku yang ada di Sabah, ada di Sarawak yang bumiputera itu. Sebab jika sekiranya kita tidak mempunyai fakta-fakta ini, kita tidak mengetahui kedudukan kenapa mereka miskin ini, bagaimana pula nanti pihak EPU merencanakan satu pendekatan untuk mengatasi pembasmian kemiskinan? Sebab pendekatan-pendekatan dan program-program yang selama ini dijalankan di negeri-negeri di Semenanjung barangkali tidak bersesuaian dan tidak menepati sasaran kalau diberi di Sabah dan Sarawak.

Persoalan saya di sini, kenapa? Kenapa? Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan dan merayu kepada pihak EPU supaya tolonglah, tolonglah, apa-apa yang belum dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan khususnya dalam penyiataan tadi, *Household Income Survey* itu, bukan sahaja itu tetapi cuba mengenal pasti kenapakah kumpulan-kumpulan bumiputera di Sabah dan Sarawak ini sedemikian rupa. Dan, bagaimana pula keberkesanan program-program yang selama ini tidak dilaksanakan. Berjuta-juta ringgit yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, kenapa tidak ada kesan? Dan, ini adalah amat penting, amat penting sebab pada tahun ini dalam rancangan ini juga telah diperkenalkan metodologi baru untuk mengira garis pendapatan kemiskinan yang baru yang dikatakan metodologi tahun 2005.

Dan dengan ini, kadar kemiskinan negeri Sabah sudah meningkat kepada 23%, sekali lagi rekod kebangsaan kita ini tertinggi di Malaysia. Kalau ikut metodologi tahun 1977, 16%, yang tahun 2005 ini dikatakan *food base*, yang satu lagi *basket goods*, kalau tak silap saya. Oleh sebab itu, saya mohon adalah amat penting bagi kerajaan untuk mengenal pasti semua fakta-fakta ini supaya dengan fakta ini dapatlah kita melatih pegawai-pegawai yang berkenaan, yang diamanahkan, yang ditugaskan untuk mengenal pasti siapa sebenarnya orang-orang miskin ini sebab dalam dokumen dinyatakan bahawa kerajaan akan menubuhkan satu pangkalan data tentang kemiskinan.

Tetapi hari ini bagaimanakah pegawai-pegawai mendapat ilmu ini tanpa maklumat-maklumat, tanpa memahami kedudukan sebenar kemiskinan di negeri Sabah dan Sarawak. Kalau kita gagal dalam hal ini, saya amat bimbang niat kita untuk mencapai 0.5% kemiskinan tegar menjelang tahun 2009 atau tahun 2010 tidak akan tercapai. Sebab program-program yang kita laksanakan akan *misfire*, tidak menepati sasaran sebab kita belum kenal pasti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, saya akan gulung. Sebab itu adalah amat penting bagi EPU, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk duduk bersama dan membincangkan hal-hal ini. Elakkanlah seperti mana pelaksanaan RD ini sehingga bergaduh. Kabinet negeri sampai Dewan Undangan Negeri boleh menyatakan kita tidak mahu ini dengan pelbagai andaian kononnya Kerajaan Persekutuan ini akan menjajah, akan mengambil tanah, pelbagai perkara. Tetapi tidak membincangkan secara terperinci hal-hal seperti ini.

Saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, dalam soal merapatkan jurang perbezaan ini, kita perlu banyak persefahaman dan perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Kita ini kerajaan yang sama, 1994 kita mengatakan kita ini Sabah baru, kita mahu sifar kemiskinan, sifar ini, tapi hari ini tidak sebab kita ini, betullah kita kena insaf dengan dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita ini kena ikhlas, kita ini kena jujur. Sebab kalau tidak, kalau kita ambil perkiraan-perkiraan yang lain, masih lagi berpolitik, kepentingan itu, kepentingan ini dan sebagainya, kita amat bimbang.

Akhir sekali, dalam soal pendidikan tadi, penggulungan sudah ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadang dan menyokong saranan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini supaya sistem pendidikan kita ini dirombak. Sebab kalau kita mahu sistem nilai-nilai tadi, Tonggak 12 itu betul-betul dilaksanakan, maka yang paling penting di sini ialah dia punya guru-guru. Dan sistem pengambilan guru-guru pada hari ini, saya amat bimbang daripada 60 ribu yang memohon, 5 ribu yang diminta, bagaimana kita *screen*? Saya mempunyai bukti, orang yang tidak berapa, orang yang kurang siuman pun boleh jadi cikgu, diterima menjadi cikgu.

Dan, jika sekiranya beginilah guru-guru yang kita ada, bagaimana? Perlu dirombak. Di samping itu juga perlulah diberi keutamaan-keutamaan, banyak sudah diperkatakan supaya di Sabah dan Sarawak ini diberi keutamaan tentang kemudahan prasarana dan sebagainya. Tetapi kali ini kita mahu keikhlasan. Di tempat saya, saya sudah katakan berkali-kali SK Sungai, rumah gurunya macam kandang ayam, bambu. Saya sudah tulis surat beberapa kali, dikatakan itu hari Yang Berhormat tidak pernah tulis surat. Berapa kali saya perlu beri surat? Berapa kali? *How many times must I write the letter?*

Jadi di sini, saya ingin bersama dengan rakan-rakan lain supaya kita *overhaul* sistem pendidikan kita. Sebab jika sekiranya itu, segala cerita-cerita pasal modal insan ini tinggal cerita dan tidak akan tercapai juga sekiranya sistem pendidikan ini dari bawah sampai ke atas tidak akan dirombak. Dengan kata-kata demikian, saya memohon menyokong usul ini. Sekian dan terima kasih.

4.00 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pembentangan RMK-9 pada 31 hari bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan akan saya sentuh iaitu yang berkaitan dengan hubungan kaum, pendidikan sekolah, IPTA dan IPTS, juga mungkin tentang Kementerian Penerangan dan hal ehwal yang berkaitan dengan pembangunan desa dan akhirnya soal kebahasaan.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang perpaduan kaum, di mana ia disebut merupakan suatu yang penting dari segi kita menuju Wawasan 2020. Malah, apabila kita melihat, membaca, mendengar pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari itu, kita dapati bahawa RMK-9 ini merupakan penerusan daripada apa yang sudah sedia kita rancang dan kita laksanakan. Ia merupakan agenda yang kita anggap belum lagi selesai dan ingin kita terus mencapai apa yang kita cita-citakan.

Tersirat di dalam pembentangan itu juga ialah "serampang dua mata" yang terkenal itu dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu usaha kerajaan untuk menyusun semula masyarakat serta juga usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang perpaduan kaum di mana ada pandangan yang berbeza-beza mengenainya. Ada yang mengatakan

bahawa kita di antara negara yang terbaik di kalangan negara-negara berbilang kaum dan ada pula yang berkata bahawa polarisasi di antara kaum semakin hari semakin menjadi parah. Yang anehnya, ada yang membawa pula cerita lama, yang saya anggap sebagai cerita lama, sebagai seorang mahasiswa pelajar dalam Sosiologi, hubungan kaum beberapa tahun yang lalu menyebut tentang stereotaip negatif orang India, orang Cina, orang Melayu.

Orang Melayu dikatakan malas, orang Cina dikatakan tidak boleh dipercayai, Orang India dikatakan pembelit dan sebagainya. Saya sedih kerana hal ini adalah ideologi yang dipopularkan, yang diutarakan oleh pengkaji-pengkaji barat, menunjukkan sikap negatif mereka terhadap peribumi yang mereka jahah. Jadi sebenarnya perkara ini sudah pun diketepikan oleh seorang sarjana kita sendiri iaitu Prof. Syed Hussein Al-Attas melalui bukunya "*Mitos Peribumi Malas*" atau "*The Myth of the Lazy Native*" yang dianggap sebagai salah satu kajian yang terbaik di dunia sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya memberi satu stereotaip yang saya sempat mengkaji bersama-sama dengan seorang pelajar, mahasiswa tahun empat, mengenai pandangan, persepsi subjektifnya tiga kaum di negara ini. Mengapa kita tidak gunakan hasil kajian seperti ini untuk kita sama-sama membangunkan bangsa kita. Orang Melayu bersama orang Cina, ini kajian, disuruh memilih 10, tiga daripada *trick* orang India, apa dia dari sudut yang boleh kita terima, yang positif. Orang Cina, orang Melayu dalam *survey* itu dikatakan orang India ini mudah mesra katanya, sikap positif.

Yang keduanya, bergaul merentas kaum kalau dibandingkan dengan orang yang lain dan ketiganya *trick* orang India ini taat kepada agama. Itu persepsi positif orang Cina, orang Melayu terhadap orang India. Bagaimana pula persepsi orang India dan orang Melayu terhadap orang Cina? Yang pertamanya, kuat bekerja orang Cina. Yang keduanya mengejar kekayaan dan yang ketiganya berani mengambil risiko. Itu pandangan elit India dan Melayu terhadap orang Cina.

Bagaimana pula pandangan orang India dan orang Cina terhadap orang Melayu, *trick* positifnya? Yang pertama katanya, berbudi-bahasa. Yang kedua kuat beribadat dan yang ketiga, kuat bekerja. Yang kuat bekerja ini dikatakan melihat petani yang membanting tulang di sawah padi dari pagi hingga ke petang ataupun nelayan membanting tulang di laut. Jadi, ada persamaan katanya, orang India dan orang Melayu kuat beragama, beribadat.

Kemudian saya melihat satu kajian yang menarik oleh pelajar saya sendiri untuk Ijazah Sarjana dan pelajar ini dari negara China, dari Tanah Besar China melihat unsur-unsur budaya orang Cina di negara kita, pengaruh daripada bangsa lain. Saya sendiri merasa aneh juga apabila dikatakan penemuannya bahawa, orang Cina di Malaysia kuat beribadat dan ini katanya, hasil pengaruh daripada budaya orang Melayu. Jadi kita bertanya balik dalam Viva itu sebelum meluluskan, kenapa dikatakan orang Cina kuat beribadat. Rupa-rupanya dia membandingkan orang Cina di Malaysia ini dengan orang Cina yang dikenali di Hong Kong dan juga di Tanah Besar China.

Jadi, ini perkara-perkara yang saya positif yang boleh kita tonjolkan dan bukannya melihat bangsa kita, sudut bangsa kita dari sudut yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, antara kajian awal yang saya buat semasa di universiti itu, di Monash University dahulu ialah mengenai hubungan kaum juga, di mana saya melihat dari sudut persejarahannya, menggunakan model Prof. Ali Mazri yang berdasarkan pada hubungan kaum di Afrika dan juga di Amerika. Walaupun model ini tidak sempurna, tetapi boleh kita aplikasikan di dalam situasi di Malaysia. Jadi urusan-urusan daripada kajian yang saya buat, lebih 20 tahun yang lalu, bukan hendak iklan tetapi sudah diterbitkan dengan tajuk "*Race Elections in Malaysia*". Kalau iklan pun, sebenarnya tidak ada lagi di pasaran kerana sudah pun habis dalam masa dua atau tiga tahun.

Saya melihat bahawa menggunakan model Prof. Ali Mazri ini bahawa, sejarah hubungan kaum kita melalui, sudah ataupun akan melalui empat tahap. Di zaman kolonialnya tahap pertama, dikatakan *bare co-existence* dengan izin, iaitu di permulaan masyarakat majmuk ataupun *plural society*. Ada yang melihat akan masyarakat di Asia Tenggara ini dengan mengatakan bahawa dengan izin *at the market place, they mix but do not combine*. Mereka bergaul sahaja tetapi sebenarnya tidak ada kesatuan di

antara mereka itu. Selepas di pasar, mereka balik ke rumah masing-masing, di kelompok masing-masing, *bare co-cexistence* dengan izin.

Kemudian katanya pada tahap kedua, *a relationship of contact* iaitu ada perhubungan dan saya anggap dengan izin dan saya lihat ini sebagai tahap kita mencapai kemerdekaan. Adanya hubungan antara kaum kita dan selepas tahap kedua itu, berlakulah pergeseran kerana mencari, barangkali dalam usaha kita mencari persefahaman, adanya konflik, ketidakserasian dan sebagainya. Ini membawa kepada konflik. Tahap kedua, di antara tahap kedua, ketiga inilah berlakunya apa yang kita katakan sebagai 13 Mei 1969.

Jadi, selepas tahap kedua ini dari segi sejarah hubungan kaum itu, kita sampai ke tahap *a relationship of compromise* tahap ketiga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi ketiga inilah tahap 71 dan sesudahnya hingga ke hari ini. Kalau kita melihat model Ali Mazri ini mengenai integrasi, adanya tahap yang keempat iaitu dengan izin, *a state of correlations of identities*. Satu penyatuan dan ini sebenarnya, rasanya kurang sesuai bagi kita di Malaysia, di mana Ali Mazri melihat keadaan di Amerika Syarikat, di mana wujudnya apa yang diistilahkan sebagai *the melting pot* ataupun dalam formula di Thailand ataupun Indonesia menggunakan formula asimilasi. Manakala, di Dewan yang mulia ini, saya mengikuti perdebatan-perdebatan di masa lalu dan hari ini kita bersetuju bahawa kita tidak mengamalkan dasar *assimilation* tetapi sebenarnya *integration*.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa yakin bahawa kita berada pada tahap ketiga untuk sampai ke tahap *perfect integration* yang masih jauh. Namun begitu, saya rasakan bahawa kita sudah sampai ke tahap *integration* yang agak baik terutamanya di pihak politik.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa bangun.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Boleh.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya tertarik dengan kajian-kajian yang dibuat mengenai integriti. Saya mengikuti kursus dua tahun dalam pengajian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Integriti lain Yang Berhormat? *Integration* lain?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *About integration* ya, integrasi. Maaf ya.

Untuk mendapat diploma pendidikan, profesor yang jadi guru saya mengajarkan psikologi kemasyarakatan ini kira-kira lebih 15 tahun dahulu, telah menyatakan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia ini, *parallel*. Sistem *parallel*, seperti rel kereta api. Dia tak akan berjumpa, *parallel*. Ini, dia tak akan berjumpa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sampai stesen yang sama, tak apalah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi, bila di situ, bagaimana kita boleh sampai kepada perpaduan yang agak *perfect* sebagaimana Yang Berhormat kata tadi? Adakah Yang Berhormat dapati sama ada di universiti sebagai profesor dahulu, melihat dari segi ini? Sehingga sekarang pun, dasar pelajaran itu tidak berubah. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Saya rasa saya bersetuju untuk tidak bersetuju dengan pandangan itulah, ya. Dia tidak *parallel*, malah kita sudah memansuhkan dasar pendidikan kolonial dulunya, adanya sekolah Melayu, adanya sekolah Inggeris, adanya sekolah....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta maaf. Tidak, ini setelah Penyata Aziz, Penyata Sufian, Penyata Khir dibuat, bukan zaman penjajah.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Oh ya, barangkali sarjana-sarjana boleh memberi pandangan mereka masing-masing. Kalau dikatakan ianya *parallel*, tidak akan bertemu, saya rasa tidak begitu. Di UKM, saya berada 30 tahun. China, India, Melayu, Kadazan, Iban dan segala macam dari luar negara bertemu di UKM dalam satu bumbung di bawah bumbung dalam satu bahasa yang sama. Begitu juga di UM, dalam semua ada di universiti-universiti lainnya. Saya rasakan bahawa mendaulatkan, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama itu sudah menjadikan kita satu sistem pendidikan kebangsaan yang berbeza dengan pendidikan sarjana yang disebutkan tadi.

Cuma persoalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah tadi saya melihat dari sudut *qualitative change*, perubahan dengan izin, perubahan secara kualitatifnya, di mana saya melihat bahawa tahap-tahap kemajuan dalam hubungan kaum antara kita, saya rasa tidak ada kalau kita bandingkan dengan Ceylon, Sri Lanka dengan Ireland, dengan Thailand, dan beberapa negara lagi. Kita di antara negara yang terbaik daripada negara-negara ini. Malah di negara-negara seperti U.S sendiri pun, selalu berlakunya ketegangan antara kaum dan baru-baru ini di Australia juga di antara orang Islam dan bukan Islam, berlaku ketegangan antara kaum. Jadi persoalan saya di sini ialah, bolehkah kita melihat kerajaan mengkaji atau sudah dikaji mencari satu hasil kajian, tentunya ada hasil kajian secara kuantitatif pula.

Di tahap manakah, indeks hubungan kaum antara kita ini Tuan Yang di-Pertua? Itu yang saya harapkan dari segi kita melihat supaya kita tidak bercakap secara melulu mengatakan polarisasi semakin hari semakin tidak baik. Sebenarnya dalam perspektif globalisasi, ini dialu-alu oleh para sarjana kita, maka *nation states*, dengan izin, negara bangsa akan menjadi kukuh. Akan menonjolkan identiti masing-masing dan begitu juga seterusnya setiap kaum, setiap bangsa itu dalam era globalisasi ini, mereka menonjolkan, makin memperkukuhkan identiti masing-masing.

Apabila kita memperkukuhkan identiti masing-masing, tidak bermakna itu adalah *polarisation*. Barangkali itu salah tafsiran, antara kita. Kalau Cina mahu menonjolkan identiti Cinanya, Melayu mahu menonjolkan identitinya. Kalau tidak bertentangan, berkonflik, itu bukannya *polarisation*, saya kira. Seterusnya, saya pohon berpindah ke perkara yang kedua.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ha. Boleh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Gerik yang saya rasa pakar dalam bidang sosiologi. Dalam pengajian sosiologi ini, ada satu teori yang juga popular iaitu *theory conflict* yang dipopularkan oleh *Karl Marx*. Saya mengikuti perbincangan Yang Berhormat daripada Gerik itu tadi tentang bagaimana berlakunya *integration* dan juga adaptasi yang positif dalam masyarakat Malaysia.

Saya melihat masyarakat di luar bandar sebagai contoh, orang Cina di Kelantan, orang Siam di Kelantan, orang Cina di kampung-kampung Jawa, sebagai contoh. Ada di kalangan mereka yang dah boleh berbahasa Jawa, loghat Jawa dengan begitu fasih. Orang Cina dengan loghat Kelantan dengan begitu fasih di Terengganu. Di sini saya melihat bahawa yang penting dalam aspek perpaduan ini, kalau Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya adalah di peringkat bawah, saya rasa mereka boleh terima tentang hakikat mereka boleh duduk dalam sebuah negara.

Tapi kadang-kadang yang menjadi masalahnya Yang Berhormat adalah kita sebagai pemimpin dan kadang-kadang kita bercakap dalam Dewan yang mulia ini, timbul balik masalah yang telah selesai saya rasa. Yang telah diterima pakai. Masalah doa, masalah azan, saya rasa ini tidak boleh dipertikaikan. Kalaulah sebagai contoh, nak pertikai masalah bising bunyi azan dan kalau ada pula orang Melayu yang mengatakan patung Lord Murugan di Batu Caves itu terlalu besar, jadi saya rasa ini, unsur yang tidak baik, yang saya rasa tidak harus dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang kita perlu menjauhi *theory conflict Karl Marx* ini supaya tidak berlakunya satu perkara yang buruk kepada negara kita pada masa yang akan datang? Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Ya, terima kasih. Contoh-contoh yang disebut oleh Kubang Kerian itu satu yang menarik kerana barangkali walaupun beliau bukan dari Kelantan, dari Terengganu, tapi beliau tahu tentang sebenarnya, begitulah berlaku asimilasi budaya di Kelantan di antara orang Cina dan orang Melayu. Begitu juga di Terengganu, tapi itulah bukannya matlamat jangka panjang kita. Kecuali kalau ia berlaku secara alamiah.

Namun begitu, saya kadangkalanya boleh juga bersetuju bahawa di peringkat bawahan itu rasanya hubungan kaum adalah *harmonies*, cukup harmoni. Malah di kawasan saya pun tidak pernah berlaku konflik antara kaum. Tetapi kadangkalanya kita bersengketa juga dengan hal-hal yang dikatakan belum selesai, tapi sudah selesai.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Silakan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebab saya tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Gerik ini, di mana kalau kita perhatikan di peringkat sekolah rendah, anak-anak kecil yang belajar di sekolah rendah sama ada jenis kebangsaan, sekolah kebangsaan dan sebagainya, yang kadang-kadang mereka ini bersama antara dua, tiga, empat kaum. Melayu, Cina, India, Kadazan dan berbagai-bagai lagi.

Dari segi persahabatan, cukup-cukup enak sekali. Kita melihat semua bergembira. Persahabatan mereka, pergaulan mereka dan sebagainya. Tetapi apabila semakin dewasa, sepatutnya kita semakin dewasa, semakin matang, semakin berfikiran. Semakin menyedari kepentingan bersama tentang bangsa, kepentingan agama, negara, kepentingan negara dan sebagainya.

Tetapi, semakin dewasa, semakin tua, masalah perpaduan ini semakin renggang nampaknya. Sebagai seorang pakar mungkin psikologi dan sebagainya, apakah agaknya pandangan perkara-perkara yang menyebabkan perkara ini boleh berlaku? Dan apakah tindakan ataupun pandangan Yang Berhormat yang harus kita buat? Bagi mengekalkan perpaduan ini supaya di peringkat rendah, di peringkat bawah, di kampung-kampung, di sekolah-sekolah rendah, sehinggalah ke peringkat kita sebagai orang-orang tua ini mempunyai semangat perpaduan bersama dalam negara kita ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Maran. Sebenarnya apa yang ditimbulkan oleh Maran itu adalah suatu yang saya nak sentuh dalam perkara kedua ini, iaitu memperkasakan sekolah kebangsaan. Jadi, sebenarnya ramai antara kita melalui proses pembelajaran barangkali sekolah Inggeris di mana pelbagai kaum, belajar bersama di bawah satu bumbung. Saya kira haruslah kita usahakan menuju ke arah itu di mana sekolah kebangsaan yang dikatakan akan diperkasakan itu dijadikan sekolah pelbagai kaum, dan ini saya harapkan merupakan agenda yang besar di dalam RMK-9 ini dan seterusnya.

Saya amat-amat mengalu-alukan penawaran bahasa Mandarin di sekolah Melayu, di sekolah kebangsaan nanti dan bahasa Tamil juga di sekolah kebangsaan dan itulah juga aliran yang pernah saya lalui walaupun sekolah Inggeris, di mana saya sendiri pernah belajar bahasa Mandarin dan juga belajar agama sebelah petangnya dan inilah yang saya harapkan di mana dipertingkatkan kedudukan sekolah kebangsaan itu dan ia seharusnya dijadikan pilihan utama.

Namun begitu, saya rasakan bahawa usahanya haruslah lebih daripada itu, bukan sekadar memperkenalkan bahasanya sahaja, tetapi juga melihat kembali kurikulum pengajaran seperti yang pernah dikatakan bahawa ia tidak perlu terlalu memberatkan kepada akademik, tetapi mestilah ada imbalan di antara akademik dengan kokurikulum dan lebih-lebih lagi pemupukan keperibadian budi bahasa warga yang masih muda supaya apa yang dikatakan oleh peribahasa Melayu, 'Melentur buluh biarlah semasa ianya masih rebung'. Tidak guna ianya terpisah-pisah di waktu kecil, di waktu sekolah rendah, sekolah menengah, semasa di universiti barulah kita memaksa mereka untuk tinggal bersama berkongsi bilik dan itu sudah terlambat dan kadangkalanya itu gagal sebenarnya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Saya berminat untuk mencelah tentang pembelajaran bahasa iaitu Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di sekolah nasional, sekolah kebangsaan. Yang Berhormat bagi Gerik, dunia menjangkakan bahawa China akan menjadi kuasa ekonomi dunia pada tahun 2020 dan dijangkakan juga transaksi perniagaan 70% akan menggunakan Bahasa Mandarin. Adakah Yang Berhormat bagi Gerik boleh memberikan sedikit pandangan tentang kalau ada usaha untuk memperkenalkan bahasa Mandarin ini di sekolah-sekolah kebangsaan dan bagaimana kalau bahasa Mandarin ini juga dijadikan satu mata pelajaran yang wajib apabila Bahasa Mandarin ini akan menjadi satu bahasa pengetahuan pada masa hadapan bagi menyediakan anak-anak muda kita di peringkat sekolah rendah berhadapan dengan cabaran di masa hadapan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya ia mewajibkan bahasa ketiga saya kira. Ianya sudah dilaksanakan di sekolah berasrama penuh dan saya rasa ini suatu model yang cukup baik untuk kita laksanakan secara menyeluruh. Saya percaya bahawa setiap warga Malaysia masa akan datang nanti, bermula pada tahun ini dan seterusnya harus menguasai lebih daripada dua bahasa, seboleh-bolehnya tiga bahasa. Anak saya sendiri dua orang seorang menguasai bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Dan seorang lagi mengikuti sekolah asrama penuh bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Perancis dan beliau berjaya pun melanjutkan pelajaran ke Perancis tanpa banyak permasalahan mengikuti kuliah di peringkat pra-universiti pada hari ini. Jadi, saya kira begitu jugalah bahasa Mandarin akan menjadi bahasa yang penting.

Saya sedikit pun tidak kesal mempelajari bahasa Mandarin. Ramai kawan dari bangsa Cina, saya mengenali kehidupan mereka, mandi bersama di sungai, bercakap dalam bahasa Cina tetapi sayangnya saya tidak lanjutkan minat saya yang awal itu, yang saya rasa agak mudah sebenarnya di peringkat itu untuk mempelajari tiga atau empat bahasa. Para ahli linguistik pun berkata bahawa tiga, empat bahasa di peringkat rendah itu mudah untuk kita pelajari, mudah kita menerimanya. Izinkan saya terus meneruskan kepada perkara ketiganya iaitu IPTA.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Oh, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat bagi Gerik, sedikit sahaja. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Gerik dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Gerik, apakah mungkin kerana adanya sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini menyebabkan dari segi perpaduan kita agak renggang. Kerana setiap sekolah membina budaya dia sendiri, bahasa dia sendiri dan semangat mungkin bangsa sendiri. Ataupun saya hendak ambil pandangan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, supaya sekolah-sekolah jenis kebangsaan tidak adakan di negara kita dan kita adakan sekolah kebangsaan sahaja. *[Disampuk]* Saya minta jangan orang lain salah faham. Maknanya, jangan apabila sebut sekolah kebangsaan, kata sekolah Melayu, tidak. Sekolah Kebangsaan Malaysia, bukan kebangsaan Melayu tidak, kebangsaan Malaysia.

Di mana di sekolah ini kita ajar semua bahasa, India ada, Cina ada, Melayu ada Arab ada. Maknanya, kita membentuk masyarakat anak-anak yang akan menjadi bangsa Malaysia. Sebab saya hendak tarik perhatian, mungkin saya tidak berapa maklum. Umpamanya, di Sabah dan Sarawak kita ada pelbagai bangsa, pelbagai keturunan, Bidayah dan sebagainya. Apakah mereka ini ada sekolah-sekolah tersendiri? Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Itu suatu model yang ideal, yang unggul untuk mencapai *perfect*, integrasi yang unggul tetapi rasanya kita masih jauh di peringkat itu dan perkara ini harus perlu diperdebatkan di peringkat antara kaum, barangkali di antara Menteri-menteri Kabinet, pemimpin-pemimpin antara kaum dan saya sendiri menyerahkan kepada kementerian berkenaan untuk menjawab soalan ini. Saya anggap itu sebagai soalan saya juga, pandangan saya juga.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Perbincangan ini amat menarik, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebagai permulaan, kita bermula dengan memastikan supaya sekolah-sekolah ini berkualiti dari segi gurunya, dari segi sistemnya dan sebagainya, memberi keyakinan. Sebagai contoh sekarang di sekolah-sekolah swasta, oleh kerana kualitinya, ia tidak kira kaum, ia akan datang ke situ. Tetapi jika sekiranya kualiti tidak ada, ada bunuh membunuh pula dari segi disiplin dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita pastikan kualiti itu dahulu sebelum cadangan-cadangan yang lain itu?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Saya ingat apabila kita pertingkatkan kualiti, maka ia akan secara automatik menjadi sekolah pilihan seperti mana di masa awal kemerdekaan dahulu di mana sekolah Inggeris itu menjadi pilihan dan saya harap ini berpindah kepada Sekolah Menengah Kebangsaan pula. Yang Berhormat bagi Kepong hendak.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang menyedari bahawa masalah integrasi di rumah, di sekolah dan di universiti ini memang rumit dan mustahil kita bincangkan dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun sebagai bekas ahli akademik, Yang Berhormat bagi Gerik, adakah pernah berfikir masalah bukan sahaja ras atau kaum, integrasi, bahkan juga masalah jantina. Misalnya tahun lepas, kita nampak guru sahaja di sekolah rendah dan sekolah menengah ada lebih 216 ribu perempuan dan hanya 110 ribu lelaki. Begitu juga dengan IPTA, bilangan pelajar perempuannya tahun lepas 191 ribu dan lelaknya hanya 121 ribu. Apakah pandangan Yang Berhormat dan macam mana kita dapat mengatasi masalah jantina ini yang saya percaya akan berterusan bertahun-tahun. Ini kerana pihak jabatan kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi tidak begitu komited ataupun tidak mempunyai fikiran atau mentaliti ataupun perasaan.....

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Okey, sudah fahamlah itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: untuk mengatasi masalah.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Okey, sudah fahamlah itu, ya. Saya ingat Yang Berhormat bagi Kepong ini dia lari sedikit daripada tajuk saya. Saya cerita tentang integrasi antara kaum, ini dia pergi kepada jantina pula. Saya kurang berminat dalam hal jantina dan kita menerima hakikat bahawa pelajar-pelajar wanita ini lebih dedikasi daripada lelaki tetapi kemungkinannya lelaki itu lebih berminat kepada teknologi, teknikalnya itu. Kalau kita lihat ada juga bidang-bidang tertentu terutamanya seperti *engineering* umpamanya, kejuruteraan ramai lelaki daripada wanita kalau pendidikan tentunya wanita daripada lelaki. *Social work* sudah tentu wanita lebih daripada lelaki. Tetapi umumnya kita menerima hakikat yang alamiah hari ini bahawa wanita ataupun siswi itu lebih ramai daripada siswa. Apakah itu satu masalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,.....

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: saya tidak pasti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Saya akan ringkaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila teruskan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Okey, baik. Okey saya hendak teruskan, tadi terganggu. Jadi, saya hendak teruskan kepada IPTA. Kita sudah ada 18 saya kira barangkali satu lagi tambah Darul Iman ke 19 dan saya rasa elok kita adakan satu lagi yang ke 20 iaitu Universiti Perubatan dan Sains Kesihatan dan selepas itu saya rasa kita buat masa inilah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita tidak usah menokok-tambah lagi universiti sampai 21, 22, 25 tetapi kita perkukuhkan apa yang ada hari ini kerana saya terdengar rintihan daripada Labuan dua hari yang lalu di mana

IPTS sedang mengalami keadaan yang begitu merosot yang sakit yang tenat dan saya kira kerajaan haruslah juga memberi ruang untuk selain daripada memperkukuhkan IPTA kita ini, memperkukuhkan bukannya membesarkan atau membanyakkan lagi. Kita cuba juga membantu IPTS yang bertaraf universiti sebanyak 27 buah ini, saya harap ini kita perkukuhkan.

Satu perkara lagi yang dibahaskan secara panjang lebar hari ini, pelantikan naib cancellor itu.. percepatkanlah. Kalau KSU, KSN, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Setiausaha Negara itu sudah ada sebelum seseorang itu bersara, sudah ada calonnya kenapa kalau naib cancellor ini terlalu dilambat-lambatkan. Ia memberikan keadaan yang resah gelisah di kalangan para akademik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin pergi kepada soal masalah kecelaruan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita di mana saya harap ada usaha daripada kerajaan untuk memperkasa dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita dengan sesungguhnya. Saya ingat saya tidak payah memanjang lebarkan kerana hal ini telah saya nyatakan dan juga diperkatakan oleh kawan-kawan saya sebelumnya ini.

Perkara yang seterusnya ialah RTM, dalam usaha beliau ataupun menteri baru sebagai seorang yang menyapu bersih ataupun *new broom sweep clean*, dalam bahasa Inggerisnya dengan izin maka saya harapkan bahawa akan ada satu kajian melihat kembali penjadualan Tuan Yang di-Pertua. Penjadualan maksud saya berita *Prime News* pukul 7.30. 7.30 itu kita hendak bersembahyang Maghrib dan bagi orang Islam yang pergi ke surau ke masjid, kita juga tidak akan berpeluang melihat RTM Berita Perdana pada pukul 8.00. Jadi kenapa tidak kita jadualkan semula berita yang ingin menyebarkan maklumat mengenai kerajaan ini barangkali *Prime News*nya pada pukul 6.00 petang, 6.30 petang di mana kita semua balik berehat minum teh bersama keluarga dan melihat berita dalam bahasa Inggeris. Manakala kalau kita terlewat sampai RTM, Berita Perdananya ialah pada pukul 9.00 dan bukannya pukul 8.00 semasa kita sama-sama berada di surau ataupun di masjid. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua mengenai pembangunan luar saya ingin menegaskan bahawa...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tertarik dengan apa yang telah Yang Berhormat sebut tentang RTM tadi. Pada masa ini berita utama disiarkan secara serentak di antara stesen TV swasta iaitu TV3 umpamanya dan NTV7 dan RTM. Apakah Yang Berhormat melihat supaya untuk kita lebih justifikasi, kita mencadangkan supaya siaran berita ini biar berita stesen swasta itu dulu, yang RTM ini mungkin kemudian. Kita tengok apa berita yang disiarkan oleh stesen TV swasta ini habis baru dimasukkan siaran berita RTM ini kerana kalau serentak mungkin kita tidak dapat hendak tengok hendak bandingkan kecuailah kalau mereka ada TV sampai tiga empat buah, serentak boleh kita pasang sana pasang sini. Tetapi ini mungkin mustahillah kan boleh kita lakukan. Walaupun RTM itu didahulukan yang swasta dikemudiankan saya tidak tahulah.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Saya ingat saya terima pandangan itu sebenarnya penjadualan yang saya cadangkan ini kita yang dahulu dan kita yang kemudian. Kita itu maksudnya RTM di bawah Jabatan Penerangan, pukul 6.00 ataupun 6.30 berita Bahasa Inggeris yang terkini terawal kita boleh melihat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Kebanyakan kita sudah berada di rumah kalau tidak mesyuarat panjang dan yang terakhirnya pukul 9.00 barangkali boleh kita sempat melihat RTM lagi dan kalau kita ada hal lain di luar pukul 12.00 lah pula, itu pun TV3, *private*. Tetapi yang saya tumpukan ini ialah saluran Kebangsaan ataupun kerajaan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana pula kalau saya minta pandangan Yang Berhormat tentang, kalau kita bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu dan sudah pasti masyarakat ini perlu mendapat maklumat terkini dan bagaimana kalau RTM mengambil satu langkah yang besar untuk perjalanan yang jauh dengan mengadakan satu rangkaian berita seperti *Cabel News*

Network (CNN), British Network dan sebagainya. Bagaimana RTM mengadakan satu rangkaian untuk berita sahaja bagi meletakkan masyarakat kita supaya memperoleh maklumat Terkini.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tangga Batu. Mungkin itu lebih sesuai apabila kita sudah sampai ke tahun 2020 nanti, Wawasan 2020 sudah tercapai, kita sudah begitu maju dan mampu dengan keadaan yang dikatakan mewah itu, *luxury* itu dan waktu itu barangkali Parlimen pun akan disiarkan secara langsung seperti BBC di London.

Tuan Yang di-Pertua akhirnya saya ingin merayu kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya mengulangi rayuan saya supaya memperkasakan mempertingkatkan industri akuakultur. Kerana Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya dibesarkan dengan ikan-ikan puyu, haruan, keli yang dibakar, ikan baung daripada sungai yang berdekatan, ikan kelah yang saya makan selalu dan banyak waktu tetapi hari ini ikan-ikan yang dikatakan mewah itu ikan patin, ikan kelah itu berada di hulu-hulu sungai tetapi belum lagi pupus.

Jadi sampailah masanya kerajaan dengan secara serius secara bersungguh-sungguh mengadakan kajian, penyelidikan, dan pembiakan dan memperbesarkan penghasilan pembiakan ikan-ikan yang mewah ini supaya ianya menjadi suatu yang boleh kita perolehi secara harian ataupun mingguan. Tidakh sampai ikan kelah itu RM50 sekilo ataupun RM80 sekilo rupanya malah kita lihat bahawa kita sudah begitu terkebelakang dari segi mengeluarkan hasil makanan dan saya harap dalam kita memperkasakan pertanian ini maka jangalah ketinggalan akuakultur seperti yang telah dijanjikan oleh Menteri Pertanian. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pengkalan Chepa.

4.37 ptg.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk turut serta di dalam membahaskan dan mengulas Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan, pertama-tama sekali saya dapati bahawa ada beberapa keraguan yang boleh mencapai kejayaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kita tahu bahawa dana ataupun peruntukan sangat penting, dana atau peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan projek-projek yang telah digariskan di dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini mencukupi dan kita masih ragu. Masih ragu tentang *delivery system* ataupun sistem penyampaian dalam melaksanakan rancangan tersebut. Kita tidak berbahaskan tentang cantiknya, tentang baiknya rancangan ini. Dedahan pertama dana ini saya tengok dalam bajet, perbelanjaan pembangunan kerajaan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjumlah RM220 bilion ataupun purata RM44 bilion setahun. Dalam bajet 2006 hasil kerajaan ialah sebanyak RM136.8 bilion. RM101.3 bilion digunakan untuk mengurus, RM35.5 bilion untuk pembangunan. Defisitnya ialah 3.8 yang melebihi RM15 bilion.

Kalau kita tengok kepada bajet, belanja pembangunan sebanyak RM35.5 bilion ini sedangkan Rancangan Malaysia Kesembilan memerlukan setiap tahun iaitu RM44 bilion. Kekurangan peruntukannya ialah hampir-hampir RM10 bilion setiap tahun.

Pokok persoalannya, di manakah sumber kewangan ini dapat dicari untuk menampung RM10 bilion setahun bagi melicinkan dan menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita tahu sebahagian daripada cukai yang dipungut oleh kerajaan, sebahagiannya ialah bulan enam baru matang, sebahagian lagi bulan tiga baru matang dan sebahagian lagi ialah seperti kastam dan imigresen, ia boleh pungut sepanjang tahun.

Persoalannya, bolehkah kerajaan mencari sumber baru ataupun memperuntukkan RM10 bilion setiap tahun ini sehingga tahun 2010? Ini masalahnya. Kita tahu bahawa boleh dicari terutama sekali, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Muar tadi menaikkan cukai. Bila naikkan cukai, kita dapat RM10 bilion, mungkin, ataupun mengurangkan subsidi. Bila kerajaan kenakan pengecualian cukai kepada

diesel dan petrol baru ini, kerajaan dapat menjimatkan sebanyak RM7 bilion dan subsidiya RM6.6 bilion. Jumlahnya RM1315 bilion lebih.

Apabila 30 sen dikurangkan bagi satu liter, kerajaan mendapat RM44 bilion. Jadi, bagaimana RM10 bilion ini hendak dapat? Ini pokok persoalannya. Satu lagi dengan menaikkan cukai. Yang kedua, dengan mengurangkan subsidi. Yang ketiga, iaitu dengan pinjaman daripada luar, daripada IMF, dari Jepun, daripada IDB dan sebagainya. Sedangkan hutang kita lebih daripada RM300 bilion sekarang ini. Kalau kita buat pinjaman luar yang banyak pastinya beban yang sangat berat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Tadi saya dengar apa Yang Berhormat bincang mengenai cukai atau subsidi. Tujuan asas ataupun tujuan utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah untuk mempergiatkan lagi ekonomi negara. Dalam proses mempergiatkan lagi ekonomi negara ini, memang kerajaan memerlukan perbelanjaan yang mencukupi. Dalam ekonomi ini, secara ringkasnya kita ada dua cara untuk membelanjakan ekonomi iaitu dengan cara dasar fiskal atau dasar *monitory* ataupun dasar yang menggunakan *tax* dan sebagainya.

Saya hendak dapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat, selain daripada cukai, subsidi dan sebagainya, pinjaman dalaman juga merupakan satu sumber yang sangat penting, okey, tetapi mengapa pinjaman dalaman ini penting kerana sebagai contoh, daripada KWSP dan juga Petronas....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak minta penjelasan atau hendak beri penjelasan kepada...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak, saya hendak minta penjelasan. Biar dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasanlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, sedikit lagi. Kerana kalau dalam pinjaman dalaman ini kita mesti jaga dengan kos yang rendah. So, setuju atau tidak Yang Berhormat ini bahawa pinjaman dalaman dengan kadar bunga yang rendah ini juga merupakan satu sumber kewangan yang penting bagi kerajaan untuk membelanjakan projek-projek tertentu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Pada dasarnya kita boleh terima. Ini saya hendak sebut iaitu yang keempatnya iaitu pinjaman dalaman atau domestik sama ada daripada KWSP, daripada Petronas ataupun lain-lain agensi. Yang Berhormat bagi Muar tadi telah menyatakan bahawa kerajaan perlu cairkan ekuitinya dalam GLC, tetapi tidak menjamin ekuiti yang dipegang oleh bumiputera itu tidak jatuh ke tangan asing.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Itu cuma satu cadangan dan juga salah satu cara mendapatkan pinjaman ataupun sumber kewangan. Tidak semestinya kita gunakan cara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat macam menteri. [Ketawa]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi, kita tengok akibat dahulu. Baik. Kalaulah kesan daripada pinjaman-pinjaman tadi, jika dinaikkan cukai, pengurangan subsidi akan meningkatkan bebanan rakyat, tambah lagi selepas kenaikan harga minyak. Jika sumber luar boleh kita ambil boleh jadi boleh menjejaskan kedaulatan negara sebagaimana yang ditolak oleh Perdana Menteri dahulu apabila IMF itu menawarkan pinjaman. Jika menggunakan dana awam sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, kalau tidak mempunyai syarat-syarat yang ketat, ia akan menjadi satu penyelewengan kepada wang rakyat.

Alternatif yang ketiganya, kalau ini semua tidak boleh, biasanya bila dana ini tidak cukup, kita tangguhkan, kita KIVkan sebahagian daripada projek-projek ini. Kalau ini berlaku, ini yang paling senang, jemaah menteri tengok dana tidak cukup, maka sebahagian projek ini ditangguhkan, diKIVkan. Ini bererti bahawa pencapaian atau untuk mencapai matlamat rancangan Malaysia itu berkurangan.

Saya menjangka bahawa kerajaan tidak boleh atau tidak mampu untuk sampai kepada 2010 sebanyak lebih kurang RM30 bilion. Kalau ini berlaku, pelaksanaan ini boleh hanya dapat 70% atau 80% sekiranya berjaya bila mencapai tahun 2010.

Kita tengok dua, tiga hari baru-baru ini, kita dengar bahawa jawatankuasa pemantauan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri itu adalah untuk memantau pelaksanaan. Saya cadangkan supaya jawatankuasa ini memikirkan lebih dahulu bagaimana hendak mendapat sumber kewangan yang mencukupi bagi membiayai semua perancangan ini supaya projek yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak tergendala ataupun tidak terbantut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya sangat tertarik dengan apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun iaitu agihan kepada *inter* wilayah. *[Menekan suis pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kenapa hendak tutup *mic* itu?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Ketawa]* Saya tidak tutup *mic*, saya buka lampu, ia tertutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, buka lampu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Agihan pembangunan wilayah tidak seimbang sebenarnya di mana negeri maju memperoleh peruntukan lebih besar berbanding dengan Koridor Pantai Timur dan koridor utara. Saya faham kenapa diberi peruntukan kepada koridor tengah terlampau tinggi. Kenapa diberi kepada Johor lebih daripada RM10 bilion? Biasanya dalam ekonomi, kalau kita tumpukan kepada negeri yang telah maju, ia boleh menjanakan cukai yang lebih. Tetapi kalau kita tumpukan kepada negeri yang kurang maju, *income* kepada kerajaan itu kurang.

Jadi, asas mana yang dipakai dalam rancangan Malaysia ini yang dikatakan untuk mengimbangkan antara wilayah-wilayah utara, Sarawak dan Sabah? Kaedah mana yang diguna? Kalau kaedah ekonomi, memang betul. Tetapi kalau kaedah hendak mengimbangkan antara wilayah ini, saya kata kita boleh pertikai.

Tuan Yang di-Pertua, wilayah utara mempunyai empat buah negeri diberikan RM23.8 bilion atau purata RM5.95 bilion bagi satu negeri dan RM1.19 bilion bagi satu negeri setahun.

Bagi negeri kecil seperti Perlis, maka peruntukan ini boleh dikatakan terlampau besar. Manakala negeri maju seperti Pulau Pinang dan Perak mengikut trend kerajaan diberi agihan tentunya lebih besar. Apa yang akan berlaku pada Kedah? Sedangkan Kedah hendak maju pada tahun 2010, ini persoalannya. Dalam pelaksanaan ini nampak jelas bahawa Kedah tersepit, adakah agihannya itu kepada Kedah ini akan lebih besar atau sama dengan Pulau Pinang dan Perak kerana Kedah sedang menuju ke arah negeri maju pada 2010. Kalau agihan ini tidak seimbang atau tidak ditumpukan kepada Kedah lebih sedikit, niat untuk menjadikan Kedah 2010 mungkin terjejas. Wilayah Timur hanya memperoleh 22.3 bilion ataupun puratanya - 7.43 bilion setiap negeri. Dengan lain kata, 1.4 bilion setiap negeri, setahun. Terengganu akan dapat 1.4 bilion, Pahang akan dapat 1.4 bilion, Kelantan pun 1.4 bilion. Tetapi apa yang dikatakan oleh Dungun tadi bahawa Kelantan akan dapat 6.7 bilion dalam tempoh 5 tahun, maka berkurangan daripada Terengganu.

Pantai Timur adalah negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi, iaitu sebagaimana yang disebut oleh Dungun yang tercatat dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini lebih kurang 15 peratus. Kelantan 10.6 peratus, Pahang 4 peratus. Jika strategi kerajaan membasmi kemiskinan lebih banyak peruntukan perlu disalurkan kepada Pantai Timur kalau itu tujuan, saya harap sahabat saya YB Dato' Seri Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ada di sini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya melihat Yang Berhormat membuat penganalisaan terhadap pembahagian peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat membuat analisa itu bagi RM per Wilayah sahaja ataupun telah mengambil kira keluasan kawasan, jumlah penduduk, jumlah pembangunan fizikal, jumlah kemajuan sedia ada di kawasan-kawasan yang Yang Berhormat sebut tadi, terima kasih.

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, saya buat secara purata, kalau tengok kepada penduduk di Terengganu lainya lebih kecil sebab Kelantan mempunyai 1.5 juta sedangkan Terengganu sekitar 1 juta. Kalau kita tengok dari sudut yang tersebut, jadi saya tidak kira, saya kira purata sahaja. Jika dibuat perbandingan, agihan, negeri-negeri yang maju yang mempunyai kadar kemiskinan yang rendah dan KDNK tinggi diberikan peruntukan yang lebih besar, Johor dan Wilayah Tengah yang mempunyai KDNK lebih kurang 6 peratus. Lebih 6 peratus dan kadar kemiskinan kurang 2 peratus. Tetapi peruntukan setiap negeri adalah sekitar 10 bilion hingga 14 bilion setahun, tumpuan pembangunan wilayah-wilayah ini juga lebih bersifat di negeri yang maju ini, bersifat memacu ekonomi seperti Koridor Selatan, Johor, pembangunan Nilai, Melaka dan persisiran Selat Melaka.

Bagi Pantai Timur yang mempunyai kadar kemiskinan mencecah 15 peratus hanya diagih sebanyak 7 bilion sahaja setiap negeri. Sedangkan KDNK mereka berkembang sekitar 5.5 peratus. Bagaimana kedua-dua negeri-negeri koridor timur boleh bersaing kerana sukar untuk membangun dan membasmi kemiskinan serentak dengan peruntukan yang kecil. Bukan yang kecil, tetapi tidak seimbang. Lebih-lebih lagi tumpuan pembangunan tidak kepada pemelesaian dan lonjakan ekonomi seperti Lebu Raya Simpang Pulai dan universiti. Projek ini sangat-sangat baik. Ia menandakan kemajuan tetapi kalau hendak melonjakkan ekonomi, projek ini tidak boleh. Contohnya Universiti Kebangsaan, Universiti Kebangsaan hendak sampai kepada tahap melonjakkan ekonomi terpaksa memakan masa 20 tahun. Kalau Universiti Darul Iman ditubuh di Besut, dan Universiti Darul Naim ditubuh, kedua-dua ini sangat baik tetapi kalau hendak melonjakkan ekonomi dan mengimbangkan antara kaya dan miskin ianya pulangan sangat lambat. Mana projek yang boleh melonjakkan ekonomi dan boleh cepat mengimbangkan antara negeri kaya dengan negeri miskin ini, ini masalahnya. Projek infrastruktur yang penting tidak ada seperti projek pembinaan pelabuhan, pembangunan kawasan utara Pantai Hilir, misalnya bagi Kelantan dan di Besut. Mengapa tidak kerajaan memberi tumpuan lebih untuk Pantai Timur, kenapa? Pantai Timur lebih berpotensi untuk ekonomi masa hadapan.

Saya teringat Yang Berhormat bagi Dungun pada satu masa mencadangkan kepada kerajaan supaya Laut China menjadi *catalyst* bagi pembangunan koridor timur, kerana negara-negara Asean sekarang ini menumpukan kepada pembangunan Lembah Mekong. Dari segi masa depan China akan menjadi kuasa ekonomi. Vietnam juga akan menjadi satu kuasa yang ekonomi, jadi Pantai Timur ini lebih dekat kepada Jepun, lebih dekat kepada China, lebih dekat kepada Kemboja, lebih dekat kepada Vietnam.

Seharusnya kerajaan sekarang ini, membentuk dan menubuhkan satu konsep seperti mana konsep IMTGT. Di mana dipersiapkan dalam masa Rancangan Malaysia Kesembilan ini infrastrukturnya untuk tujuan tersebut. Apabila lebu raya itu baik dan infrastrukturnya baik maka gagasan Laut China Selatan ini boleh dibangunkan sebagai asas kepada pertumbuhan ataupun kemajuan di masa akan datang, saya yakin bahawa FDI akan datang, pelabur akan datang, kerajaan tidak usah bimbang tetapi kalau ini tidak disiap, siapa hendak datang, dia akan mari ke Pantai Barat, mari Pulau Pinang, mari ke Perak dan sebagainya. Maka Pantai Timur daripada Mersing, Pahang, Terengganu dan Kelantan akan terbiar. Ini akan melebarkan lagi jurang perbezaan antara *state* ataupun *state* yang maju ataupun *state* yang kurang maju.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Tadi

Yang Berhormat ada menyebut bahawa sebagai contoh penubuhan Universiti Darul Naim ini walaupun satu agenda yang baik dan positif, tetapi lambat untuk memacu perkembangan ekonomi di peringkat *regional* atau setempat itu. Sebagai contoh Yang Berhormat, bersetuju atau tidak bahawa semalam saya telah pun mendedahkan antara elemen yang mempercepatkan proses pembangunan ekonomi di wilayah tertentu itu adalah dengan wujudnya satu projek ataupun suatu dasar kerajaan yang betul. Sebagai contoh kawasan perindustrian perairan sepadan Kelantan dan Thailand mempunyai *reserve* gas yang sangat besar dianggarkan 8.5 trilion kaki padu. Sementara perairan sepadan Kelantan-Vietnam mempunyai *reserve* gas sebesar 858.4 bilion kaki padu.

Tetapi malangnya Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional mendaratkannya di Songkhla. Kenapa tidak didaratkan di Kelantan? Sudah tentu apabila ia didaratkan di Kelantan, akan memberikan limpahan ekonomi kepada Kelantan dan Terengganu itu sendiri. Ini saya rasa suatu jawapan yang perlu diberikan bahawa kesilapan ini perlu diperbetulkan dan ini akan menyebabkan penjanaan ekonomi itu akan menjadi lebih cepat di kawasan Koridor Pantai Timur ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk ke situ dan memang salah satu faktor yang penting. Saya hendak membetulkan beberapa fakta. Di kawasan JDA antara Malaysia dan Thailand, rizab gas ini ada lebih kurang 10 trilion. Tetapi dalam kawasan yang lebih kurang 40 kilometer daripada pantai Bacok di Kelantan ada dua telaga yang besar iaitu di sebagai PM1 dan PM2 dan PM ini 'Peninsular' Malaysia 1 dan 'Peninsular' Malaysia 2. Itu nama bagi telaga tersebut. Di sini ada 3 trilion kaki padu gas, 40 kilometer sahaja dalam perairan kita.

Tuan Yang di-Pertua, jauhnya di antara kawasan JDA ini dengan Songkhla 260 kilometer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi? Banyak lagi?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah selesai dalam lima minit?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak perhabiskan ayat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila, sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jauhnya di antara kawasan JDA dengan Songkhla ialah 260 kilometer.

Jauhnya kawasan JDA ini dengan Kerteh 300 kilometer lebih. Kawasan JDA ini dengan pantai Bachok atau Besut lebih kurang 140 kilometer sahaja. Saya berjumpa dengan Atache Perdagangan Amerika dan dengan Syarikat TRITON salah satu syarikat konsortium cari gali dalam kawasan JDA bersama Petronas dan syarikat minyak Thailand. Triton lebih suka mendarat di Bachok kerana dapat menjimatkan kos lebih kurang USD760 untuk memasang saluran paip sahaja. Tetapi saya percaya kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini pada masa itu menjadi Perdana Menteri, saya yakin gas tidak akan mendarat di Songkhla.

Saya telah berbincang dengan syarikat gergasi di Thailand, kenapa boleh berlaku pendaratan di Songkhla? Dia kata kita hendak. Thailand pun mencadang di Malaysia. Sebab di Songkhla ini, keselamatan tidak terjamin. Saya amat hairan sebagaimana Yang Berhormat bagi Dungun kenapa Petronas mencadangkan mendarat di Songkhla? Kenapa? Di mana perasaan semangat patriotik? Tidak bolehkah mendarat kalau tidak pun di Kelantan, mendarat di Terengganu iaitu di Besut.

Saya cuba tanya adakah semua gas-gas daripada kawasan JDA ini hendak dihantar kepada Gurun? Dia kata tidak. Gurun hanya memerlukan 69% daripada gas

itu sahaja. Baki 31% ini mesti dijual. Kenapa kita 31% ini kita tidak bawa ke Bachok kah atau ke Pasir Puteh kah ataupun ke Besut? Ini yang menjadi masalah.

Saya membuat tinjauan *randam*. Kenapa mereka memilih Datuk Awang Adik (BN Bachok). Kenapa mereka memilih Dato' Che Min daripada UMNO di Pasir Puteh. Mengapa mereka memilih Barisan di Kuala Krai dan kenapa mereka memilih Datuk Mustafa di Jeli. Jawapannya kami memilih Dato' Awang Adik di Bachok ini kerana kami yakin sangat bahawa Yang Berhormat Dato' Awang Adik (Yang Berhormat Ahli Parlimen Bachok) ini boleh membantu untuk mendaratkan gas dan menjadikan Bachok ini suatu kawasan yang penuh dengan projek industri *downstream* lebih daripada Kerteh. Itu harapan mereka.

Kalau kita hendak bincangkan usahawan Melayu, khususnya dalam petrokimia inilah masanya. Tetapi projek *downstream* sebenarnya belum lagi oleh Petronas yang kita persoalkan kenapa mereka memilih BN di Pasir Puteh? Kami memilih UMNO kerana kami mengharapkan satu pelabuhan marin laut dalam dapat diwujudkan. Kenapa di Kuala Krai, kami mahu pelabuhan darat atau suatu kawasan industri automobil, atau alat ganti automobil situ kerana ada jalan kereta api sampai di sini. Kenapa kami memilih Datuk Mustafa di Jeli, kami mahu universiti. *[Ketawa]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya hendak bertanya sedikit boleh?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya ingin bertanya. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Saya hendak bertanya pula pandangan Yang Berhormat, Yang Berhormat ini sendiri menang rakyat pilih termasuk Tumpat ini tujuan apa? Selain daripada itu, kita kadang-kadang tidak terfikir ini kerana benda ini kehendak rakyat. Kita pun tidak tahu apa sebenarnya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan beberapa rakan-rakan kita macam Yang Berhormat bagi Tumpat macam mana dan juga Yang Berhormat sendiri termasuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada masalah.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tidak mengapalah, bagilah lima minit lagi.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya boleh menjawab. Saya buat contoh satu daripada Ahli Parlimen Pasir Puteh dahulu iaitu Dato' Wan Omar, tidak orang PAS yang boleh lawan dia. Seorang Ahli Parlimen daripada Tumpat (Che Lat) pun tidak ada orang yang boleh lawan dia. Mereka sangat rapat dengan rakyat. Rakyat di Kelantan sangat sensitif. Mana-mana wakil rakyat yang tidak turun padang yang tidak rapat dengan rakyat, susah hendak menang. Tambahan pula kalau duduk di Kuala Lumpur dan balik sekali seminggu, tunggu, tunggu, tunggulah akibatnya. *[Ketawa]* Itu rakyat Kelantan, sangat sensitif baik PAS atau UMNO sama sahaja. Itulah saya boleh tahan 22 menjadi wakil rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya panjang lagi. Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, adakah selepas Bukit Bintang, saya boleh tutup perbahasan? Sila Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

5.08 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebahagian pakej misi baru bagi baki tempoh Dasar Wawasan Negara 2006 hingga 2020. Ia suatu penjenamaan semula dasar pembangunan kerajaan bersempena Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kerana dasar-dasar pembangunan sebelumnya seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara dan Dasar

Wawasan Negara adalah dasar yang diguna pakai semasa pentadbiran Perdana Menteri lama iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua, lima teras utama yang dikenal pasti menjadi Misi Nasional iaitu:

- (i) meningkatkan ekonomi dalam rantaian lebih tinggi;
- (ii) meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
- (iii) menangani keseluruhan ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif;
- (iv) meningkat tahap dan kemampuan kualiti hidup;
- (v) menggugurkan keupayaan institusi dan melaksanakan, menghendaki seluruh jentera negara, kerajaan dan rakyat seluruh berganding bahu melangkah lebih pantas, tegas dengan semangat berpasukan yang baru dan dipergandakan usaha dan kerja bagi merealisasikan impian tersebut.

Jika tidak, mesej RMK-9 itu tidak akan tercapai, kerana mesej RMK-9 sebenarnya menuntut semangat kerja yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelapan didapati telah gagal menyudahkan projek yang dicadang, yang dirancang dan terdapat 16% lagi yang belum disiapkan. Walaupun berbagai-bagai alasan diberikan atas kegagalan ini, semuanya bertolak-tolak dari kekurangan semangat dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kelapan. Kita bimbang, janji kerajaan untuk bekerja keras dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan akan menjadi retorik sahaja. Kerajaan hendaklah menjadikan pelaksanaan RMK-9 sifar kegagalan dan setiap pihak mesti belajar dari sejarah kegagalan mereka. Saya mendapati peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan tidak banyak perbezaan dengan Rancangan Malaysia Kelapan.

Sebanyak RM170 bilion disediakan untuk Rancangan Malaysia Kelapan manakala Rancangan Malaysia Kesembilan adalah RM200 bilion. Perbezaan ialah RM30 bilion dan jika diagihkan, tambahan setiap tahun ialah RM6 bilion sahaja. Ia belum lagi dipecahkan mengikut kategori dan negeri. Sudahlah pasti, perangkaan semakin kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sektor ekonomi Rancangan Malaysia Kesembilan, menerima peruntukan 41.4% berbanding Rancangan Malaysia Kelapan yang menerima 38.5% dari jumlah peruntukan, tetapi sektor sosial menurun dari 40.8% dalam Rancangan Malaysia Kelapan kepada 39.5% dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagaimanakah kerajaan boleh mendakwa tumpuan utama Rancangan Malaysia Kesembilan ialah untuk membangunkan modal insan sambil mengurangkan pembangunan infrastruktur, sedangkan peruntukan sektor sosial tidak dapat banyak beza dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan.

Jika kerajaan benar-benar ikhlas untuk memastikan bahawa pembangunan modal insan akan membantu dan menjadi dorongan kuat bagi kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan, maka kerajaan kena membenarkan peranan institusi agama antara kaum dan NGO memainkan peranan dan tugas sebenar apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan termasuk membatalkan sekatan dan rintangan undang-undang dan pentadbiran yang menghalang, melibatkan penyertaan penuh semua kaum khususnya keberanian kerajaan untuk menyemak dasar-dasar dan sistem seperti kuota kepada setiap berakhirnya tempoh rancangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya agak pelik, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyebut *survival* bangsa tanpa merujuk *survival* bangsa Malaysia. Dalam temu ramah beliau dalam RTM 1 dua hari yang lalu, mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, sepatutnya dalam konteks 15 tahun yang akan datang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus melihat *survival* bangsa Malaysia bukan survival satu-satu bangsa sahaja. Rancangan Malaysia Kesembilan, bertujuan untuk mewujudkan Malaysia, negara maju pada 2020 dengan memastikan ia dapat menarik banyak pelaburan asing dan merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaum.

Walaupun setakat ini, cadangan pemilikan ekuiti kaum Cina sebanyak 39% dalam sektor korporat berbanding kaum Melayu 18.9% dan kaum India sebanyak 1.2%. Dari segi pendapatan, setiap ringgit yang diterima kaum Melayu, kaum Cina hanya mendapat kelebihan 6.4 sen dan kaum India mendapat lebih 27 sen. Sepatutnya, rancangan kerajaan mestilah berimbang untuk semua kaum. Kerajaan tidak boleh menggunakan kayu pengukur tahun 1970 sewaktu menggubal Dasar Ekonomi Baru dipakaikan pada tahun 2006. Sedangkan pencapaian antara kaum sudah bertambah dan berubah dan sepatutnya mestilah ada skil baru untuk mengukurnya. Kerajaan mestilah meletakkan prinsip utamakan Malaysian dalam rumusan matlamat Wawasan 2020 apatah lagi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya meminjam kata-kata Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia, bahawa kejayaan ekonomi Malaysia pada hari ini adalah atas sumbangan kaum Cina dengan kuasa politik diberikan kaum Melayu. Kerajaan merancang untuk meningkatkan bahagian pegangan ekuiti korporat Melayu dari 20% dan 25% pada tahun 2010, dan 30% pada tahun 2020 dan kaum India sebanyak 30% dan merapatkan jurang pendapatan antara kaum pada 2010. Iaitu bagi setiap ringgit kaum Melayu memiliki, kaum Cina mendapat 50 sen lebih dan pada 2020 mendapat 35 sen lebih. Namun dasar yang dijalankan hendaklah disesuaikan dengan keadaan dan masa serta mengelakkan diskriminasi. Hak ekonomi sesuatu kaum hendaklah dihormati dan bukan mengambil 14 sen dari kaum Cina untuk meningkatkan pendapatan kaum Melayu dan India. Jika hendak menambah pendapatan sesuatu kaum, kaum lain juga perlu ditambah. Inilah maksud saya, utamakan Malaysian.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek peruntukan kementerian pula, saya mendapati peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan, menurun ialah dari RM5,980 juta, 3.5% dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kepada RM3,447 juta ialah 1.6% dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini memberi gambaran, tumpuan kerajaan ialah memberi lebih banyak peruntukan bagi sektor luar bandar berbanding bandar. Saya menyokong rancangan kerajaan untuk menambahbaikan sistem pengangkutan negara menerusi penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Lembah Kelang supaya sistem pengangkutan awam termasuk juga pengurusan lalu lintas di Lembah Kelang berjalan lancar, cekap, pantas. Berakhirnya zaman kesesakan lalu lintas dalam pusat-pusat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan mencadangkan pembinaan dua hubs, persinggahan ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah di bandar Tasik Selatan dan Gombak. Ia tidak memadai kerana menimbulkan kesulitan kepada orang ramai kerana jarak antara terminal sangat jauh dan faktor masa.

Saya mencadangkan supaya satu lagi hub persinggahan dibina untuk kawasan utara seperti di kawasan Selayang. Tuan Yang di-Pertua, bas perbandaran yang kini diambil alih oleh Rapid Kuala Lumpur, sering kali menimbulkan gangguan lalu lintas kerana medan letak bas tidak mencukupi di mana-mana stesen rel dan menyebabkan pergerakan bas terbatas, dan tidak lagi melalui destinasi asal bas-bas lama lalu menyebabkan orang ramai sukar sampai ke destinasi mereka. Contohnya, Metro bas pernah sampai ke Taman Sri Gombak yang diuar-uarkan untuk menjadi hub persinggahan, tetapi khidmat bas Rapid Kuala Lumpur terbatas sampai Taman Greenwood sahaja. Begitu juga taman-taman perumahan yang terletak di pinggir bandar rayanya, bas hijau hendaklah menggantikan bas diesel yang menyebabkan pencemaran alam sekitar bandar raya.

Meskipun hak persinggahan pengangkutan akan berpindah di luar pusat bandar, namun sistem pergerakan bus berpusat dalam pusat bandar perlu diwujudkan atau dikekalkan seperti Hentian Puduraya, cuma pergerakan di situ perlu dibatasi bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Di samping sistem rail laju ringan perlulah diperkenalkan ke kawasan luar pusat bandar seperti sistem rail lingkaran antara taman-taman perumahan dan pusat komersial baru yang bakal diwujudkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan awam, kerajaan perlu memfokuskan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah baru sekitar bandar raya kerana kadar golongan pekerja yang tidak mempunyai kediaman sendiri masih tinggi. Perangkaan sasaran dan pencapaian perumahan sektor awam dan swasta Rancangan Malaysia Kelapan menunjukkan seperti berikut:

- perumahan rakyat miskin sasaran 16 ribu unit tetapi pencapaiannya sebanyak 10,016 unit sahaja;
- rumah kos rendah sasaran 232 ribu tetapi pencapaiannya hanya 200, 513 sahaja;
- rumah kos sederhana rendah sasaran 131,300 tetapi pencapaian hanya 83,910 unit,
- sebaliknya rumah kos sederhana dan tinggi pula pencapaian mengatasi sasaran kerana para pemaju lebih berorientasikan keuntungan tetapi mengabaikan permintaan yang terdesak dari golongan miskin dan pekerja berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, maka sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan harus ditumpukan pada menyudahkan keperluan perumahan rakyat golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan mendedahkan bahawa 709 ribu unit rumah pelbagai golongan dan jenis akan dibina di seluruh negara. Saya tidak berpuas hati Rancangan Malaysia Kesembilan menetapkan sasaran terlalu rendah bagi sektor swasta menyediakan rumah kos rendah iaitu 80,400 unit sahaja seluruh negara. Sedangkan selebihnya ialah untuk rumah kos sederhana dan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan pula saya menyambut baik langkah kerajaan untuk meningkatkan kutipan hasil dan kemampuan kewangan PBT seperti memperkenalkan sistem pembayaran dalam tarikan dan pemberian diskaun untuk pembayaran awal. Tetapi saya membantah langkah PBT sering menaikkan kadar cukai taksiran PBT mereka termasuk mengenakan kompaun yang tinggi bagi kelewatan pembayaran cukai taksiran lesen perniagaan, permit iklan dan sebagainya seperti yang pernah dilakukan oleh DBKL Kuala Lumpur pada awal 2006.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sekarang mengenakan caj kompaun yang tinggi sehingga RM500 bagi kelewatan membayar lesen atau permit. Mengenai langkah kerajaan mengenakan semula Rancangan Bumi Hijau sebagai usaha menjimatkan perbelanjaan rakyat ke atas pengimportan bahan makanan. Saya harap langkah ini hendaklah praktikal kerana pada masa sekarang kuasa memberi kelulusan hak milik dan penyewaan atau pajakan tanah dipegang oleh kerajaan negeri dan menjadikan sukar bagi rakyat yang berminat untuk mengikuti rancangan ini kerana mereka terpaksa melalui kerena birokrasi yang lembap seperti permohonan tanah biasa. Kerajaan menyediakan kuota perancangan 70% untuk bumiputera, 20% untuk kaum Cina dan 10% untuk kaum India. Bagi penduduk Kuala Lumpur yang berminat mereka tidak berpeluang kerana tanah kosong dalam Wilayah Persekutuan berkurangan dan untuk memohon tanah ini di negeri lain adalah kerja sukar dan mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa kerajaan mengenal pasti kemudahan asas rakyat boleh bertahan lama dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ancaman banjir berakhir di Lembah Klang berakhir tahun 2020? Mungkin boleh dan mungkin tidak. Jawabnya, tidak pasti dan yang pasti ialah Rancangan Malaysia Kesembilan menyediakan peruntukan RM4 bilion untuk projek tambatan banjir untuk Lembah Klang dan tidak pasti jumlahnya. Peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM1.79 bilion untuk tambatan banjir tidak banyak membantu mencegah ancaman banjir. Apabila banjir datang bagaimana besar sekali peruntukan ini habis disapunya.

Selain beberapa siri kejadian banjir kilat melanda pusat Bandaraya Kuala Lumpur kini banjir telah merebak ke kawasan Petaling Jaya dan Shah Alam seperti yang berlaku baru-baru ini menyebabkan rakyat menanggung banyak kerugian. Selangor yang terkenal sebagai negeri termaju di Malaysia tidak mampu mencegah banjir apabila datang. Hampir kawasan rendah sekitar Shah Alam melanda banjir. Ini menunjukkan projek tambatan banjir di Lembah Klang satu kegagalan. Kita tercari-cari puncanya sedangkan puncanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini semua berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ada, minta peruntukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, minta peruntukan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh bagi sikit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong hendak tanya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya hendak tanya sedikit.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Boleh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Mengenai banjir di Shah Alam ini, sedarkah Yang Berhormat bahawa air dari Sungai Klang itu adalah dari Kuala Lumpur? Kuala Lumpur yang selalu meluluskan sungai itu dan aliran air telah terlambak, setujukah Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ini kerana Kuala Lumpur terutamanya dari Cheras.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat cuma hendak kata air dihantar dari.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: sana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, Bukit Bintang punya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hantar air ke Shah Alam.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ini Yang Berhormat bagi Puchong kawan saya, memang air apabila turun, apa dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Siput sekarang marahkan Tuhan yang turunkan, tetapi kita harus belajar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, kawan Yang Berhormat, dihantar untuk kawan di Puchong?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Jika ianya satu tempat yang sering mengadakan banjir kilat haruslah kerajaan mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mengelakkan berlakunya banjir ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak selesai nanti hantar ke kawasan Ipoh Timor. *[Ketawa]* Air, air.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ini hanya di Lembah Klang sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Puncanya ialah kerakusan para pemaju tanah dan kelemahan jentera projek tambatan banjir ini sendiri. Kini di Kuala Lumpur projek SMART sedang rancak berjalan, projek yang bertujuan untuk mengelakkan banjir berlaku dalam pusat Bandaraya Kuala Lumpur bakal mengakibatkan banjir di tebing keluasan seperti Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang pada masa akan datang. Kesan banjir dapat diminimumkan jika langkah bersepadu pelbagai pihak digemblengkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita meneliti masa hadapan yang penuh cabaran, masalah bekalan air bersih dan sumber air akan menghantui ke generasi masa hadapan 15 tahun akan datang. Sama ada bekalan mencukupi dapat disediakan untuk keperluan akan datang walaupun tubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan siapa projek menyalurkan air hendak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Lagi sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak habiskan hari ini ataupun.....

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *Continue, continue.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak sambungkan?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sambung, ada lagi banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak? Banyak tidak banyak 10 minit sahaja. *[Ketawa]* Hendak selesaikan malam ini atau hari Isnin.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sambung Isnin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pandailah. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat hari ini sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 10 April 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.